Proses penstrukturan semula sistem pendidikan memperlihatkan pelbagai perubahan dan paradigma baharu telah dilaksanakan terutamanya dalam PLTV di negara ini (Othman *et al*., 2011). Justeru usaha menzahirkan objektif ini, terdapat dimensi-dimensi kritikal yang perlu tindakan segera dan perancangan jangka panjang yang telah disusun (PPPM, 2013-2025). Salah satu daripada elemen-elemen kritikal tersebut adalah pensyarah terlatih atau jurulatih yang berkemahiran tinggi dari pasaran luar sebagai tenaga pengajar di KV. Ini jelas memperlihatkan kemungkinan tenaga pengajar PLTV yang sedia tidak mencukupi, tahap kemahiran tidak mencapai kelayakan kompetensi yang diperlukan. Kenyataan ini juga turut dinyatakan di dalam laporan Kertas Strategi 9 Unit Perancang Ekonomi (UPE), Jabatan Perdana Menteri (2015), Isu dan cabaran mentranformasikan PLTV untuk memenuhi permintaan industri, terdapat jurang kompetensi dalam kalangan tenaga pengajar PLTV. Maka ia juga secara tidak langsung turut mewujud satu jurang yang besar di antara hasrat Transformasi Pendidikan Vokasional dengan "*Quality Criteria"* para pensyarah.

University of Malaya

Daripada Norliyana (2015), dapat dilihat pengalaman dan kaedah transformasi Malaysia dalam PLTV menjadi tema penyertaan Negara pada Persidangan Agung Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) ke-38 yang bermula di Paris pada tarikh 3 November 2015. Berikutan perkembangan ACET 2015 itu, Malaysia bersedia untuk berkongsi pengalaman dan kaedah penambahbaikan pendidikan PLTV dengan Negara anggota UNESCO dalam PLTV serta pengalaman Malaysia dalam mengubah sistem pendidikan termasuk PLTV untuk menghasilkan tenaga kerja mahir menjelang 2020.

Dalam *Asia-Pacific Conference on Education and Training* (ACET) 2015 yang lalu, dua puluh tujuh (27) negara berseminar di Kuala Lumpur dan mengakui tidak ada cara lain untuk kemajuan negara selain daripada membekalkan latihan teknikal dan vokasional kepada belia. Dua puluh tujuh (27) negara yang menghadiri ACET 2015 sebelum ini amat berminat dengan model PLTV Malaysia, agar bidang ini tidak lagi dipandang sebagai pilihan kedua bagi belia. Malaysia juga mampu memainkan peranan lebih besar dalam bidang pendidikan antarabangsa menerusi mandat Lembaga Eksekutif UNESCO itu. Secara umumnya dapatlah disimpulkan bahawa bidang PLTV amat berpotensi dalam memainkan peranan yang lebih besar dalam bidang pendidikan tempatan dan antarabangsa.

Ironinya untuk mencapai suatu sistem PLTV yang bertaraf dunia, suatu etika kerja yang mantap dan berkualiti tinggi hendaklah diamalkan bagi melahirkan warga pendidik yang mempunyai mempunyai kemahiran, pakar di dalam ilmu PLTV, profesionalisme yang mantap, serta berkompetensi yang tinggi sebagai pemudah

University of Malaya

cara kepada pelajar (Chusholms & NorHazimah, 2000; Ridhuan, 2007). Kesungguhan dan sokongan Kementerian ini menggambarkan tentang peri pentingnya Standard Kompetensi tenaga PLTV berserta pandangan jauh berkaitan impak positif yang dijangkakan. Antara matlamat transformasi pendidikan vokasional yang telah dilancarkan pada tahun 2013 ialah mewujudkan sistem Pendidikan vokasional baharu yang digerakkan oleh sumber manusia yang responsif kepada pelbagai inisiatif kerajaan dan berkolaborasi dengan industri. Ini adalah bertujuan menginovasi pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang berupaya menghasilkan tenaga kerja mahir dan usahawan, berwatak profesional dan diterima oleh pasaran kerja (Asnul, Nor Fadila, Ruhizan & Ramlee, 2012).

Seiring dengan keperluan untuk memantapkan kredibiliti para pendidik, khasnya tenaga pengajar PLTV, maka perlu mempertingkatkan kompetensi selari dengan perkembangan yang dialami dalam dunia pendidikan tempatan mahupun di peringkat global (Khahirol, 2011). Kepentingan untuk mempertingkatkan kompetensi tenaga pengajar teknikal dalam PLTV juga disokong oleh Wan Nooraini, Mohd Sani (2016), amat wajar tenaga pengajar ini perlu didedahkan dengan pengetahuan dan kemahiran terkini sejajar dengan keperluan ekonomi merentasi pengetahuan. Di peringkat pendidikan global, menyaksikan pelbagai usaha yang dilakukan untuk mempertingkatkan tahap kompetensi dan profesionalisme tenaga pengajar PLTV, Marincović (2011). Kredibiliti para pengajar perlu berada di satu tahap piawaian yang meletakkan profesion tersebut pada aras yang membanggakan (Wan Nooraini & Mohd. Sani, 2016). Daripada penyataan ini maka pengkaji melihat bahawa kompetensi merupakan satu tunjang bagi tenaga pengajar PLTV untuk menjalankan tugas seharian mengikut piawaian yang ditetapkan yang secara tidak langsung akan

University of Malaya

memperlihatkan kebertanggungjawaban mereka terhadap semua amalan dalam profesion pendidikan. Trenhtam *et al*. (1985); Wan Nooraini & Mohd. Sani (2016), mengesahkan pengajar yang mempunyai efikasi yang tinggi turut mempunyai tahap kompetensi yang tinggi.

Tenaga Pengajar yang inovatif dan kreatif dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab mereka sesuai dengan misi dan visi serta mampu memenuhi matlamat pendidikan negara ke arah meningkatkan kualiti pendidikan seiring dengan cabaran dunia globalisasi. Penekanan kepada sumber manusia merupakan perkara utama bagi mencapai matlamat menjadikan Malaysia sebagai negara maju. Sumber manusia merupakan tenaga yang utama yang bergantung kepada tenaga belia yang mempunyai tahap disiplin yang tinggi, berpendidikan dan berkemahiran (Yassin, 2010). Cabaran globalisasi kini dan hasrat mencapai sebagai sebuah negara maju abad 21, Malaysia memerlukan tenaga pengajar yang mempunyai keunggulan dalam pedagogi. Khoo (2012), menegaskan bahawa untuk melonjakkan transformasi pendidikan, khususnya PLTV, kerajaan perlu melakukan perubahan terhadap tenaga pendidiknya terlebih dahulu. Dalam kata lain selain daripada pertaulihan akademik daripada Universiti atau Institusi latihan PLTV, seseorang tenaga pengajar teknikal , perlu dilengkapi latihan teknikal mahupun teori yang dianjurkan oleh Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional (BPTV) atau Jabatan yang berkaitan. Melalui pakej latihan yang dijalankan, pensyarah PLTV dapat dilatih secara kritis , kreatif dan objektif ke arah peningkatan kualiti pengajaran pensyarah PLTV agar berprestasi cemerlang dan berkepakaran dalam bidang.

University of Malaya

Merujuk kepada polisi dan amalan, KPM (2011) dan BPTV (2012) mengenal pasti kompetensi guru sebagai salah satu faktor paling penting dalam Transformasi PLTV. Di mana (i) pensyarah PLTV perlu dilatih dan dididik dengan pengetahuan dan kemahiran yang berkaitan dengan keperluan industri; (ii) KPM mempunyai dasar terbuka melatih hanya guru-guru vokasional terbaik dan mahir dan (iii) dasar untuk membangunkan tenaga pengajar yang amat berkesan, termasuk untuk menubuhkan pusat baru untuk pengajar dan kemahiran lanjutan.

Berdasarkan perkongsian oleh Hassan (2012) seperti yang dikongsi semasa SEAMEO VOCTECH 2012, diperhatikan bahawa tadbir urus struktur sedia PLTV di Malaysia masih kekurangan penyelarasan, perkongsian sumber, dan artikulasi dalam sistem keseluruhan, sekali gus mencerminkan ketidakcekapan dalam sistem. Tidak ada badan pengawasan tunggal untuk menyediakan gambaran keseluruhan landskap PLTV (KPM 2011). Isu dan cabaran utama yang dihadapi di Malaysia adalah (i) pelbagai Pusat PLTV berbeza operasi, menyebabkan pertindihan kursus dan mewujudkan beberapa kekeliruan. Ini mempunyai implikasi untuk penyeragaman latihan dan kelayakan, keberkesanan kos, jaminan kualiti, pengiktirafan pembelajaran terdahulu dan pendidikan lanjutan graduan PLTV; (ii) kekurangan penyelarasan yang berkesan, perkongsian sumber dan artikulasi dalam system; (iii) tiada badan pengawasan tunggal untuk menyediakan gambaran keseluruhan landskap PLTV; (iv) kekurangan piawaian kelayakan; dan (v) tidak sepadan *"Demand-Supply"* pensyarah PLTV.

PLTV di peringkat global pula, menerusi laporan *Organization for Economic Co-operation and Development OECD* (2011), PLTV adalah pembelajaran untuk

University of Malaya

pekerjaan yang terdiri daripada program kerja, analisis dan ulasan direka untuk membantu negara-negara tersebut membuat sistem PLTV mereka lebih responsif kepada keperluan pasaran buruh. Antara cabaran dasar utama yang di ketengahkan oleh OECD adalah sokongan pembelajaran berkesan melalui kualiti guru dan jurulatih. Ia merupakan suatu usaha untuk memastikan semua guru dan pelatih dalam sistem PLTV dapat menyokong pembelajaran yang berkesan. Ini tidak mengambil kira sama ada mereka adalah (i) tenaga pengajar vokasional di institusi PLTV atau tempat kerja, terutamanya bertanggungjawab untuk kemahiran vokasional praktikal; (ii) guru vokasional, terutamanya bertanggungjawab terhadap kemahiran vokasional teori; (iii) guru umum, yang bertanggungjawab bagi mata pelajaran umum, seperti Matematik atau Bahasa Kedua; (iv) menangani kesukaran pengambilan yang timbul daripada persaraan tenaga kerja di institusi PLTV; (v) menggalakkan pengalaman kerja untuk guru-guru dan tenaga pengajar di institusi PLTV dan (vi) memperkukuhkan latihan di tempat kerja. Justeru daripada dasar OEDC berkenaan Standard Kompetensi Pensyarah PLTV ini, antara isu yang timbul menurut (Kerka, 1998; Khahirol, 2011) adalah berkaitan dengan tahap pengkhususan pengetahuan, kemahiran pengajaran, kemahiran teknikal, pembelajaran berasaskan kompetensi (PBK), tahap pembelajaran berasaskan projek (PBP), pembelajaran berasaskan industri (PBI), kemahiran keusahawanan dan program pembangunan profesionalisme berterusan (PPPB) yang diikuti untuk memantapkan tugas hakiki. Apa yang dapat dilihat terdapat penyataan di atas, menyebutkan tentang betapa pentingnya mekanisme membangunkan kompetensi pensyarah PLTV dalam memastikan kelestarian PLTV di Malaysia. Ekoran daripada mekanisme tersebuit pengkaji amat berminat menyahut cabaran ini untuk kajian berkaitan Standard Kompetensi pensyarah PLTV Kolej Vokasional.

University of Malaya

Selain daripada itu dasar OECD (2011), turut memastikan tenaga pengajar PLTV perlu dilatih dan mempunyai pengalaman dalam "O*n Job Training"*(OJT) di sektor industri. OJT ini memfokuskan kepada pembelajaran berasaskan industri (PBI). OECD*, Reviews of Vocational Education and Training Learning for Jobs,* (2011), iaitu sesuatu usaha bersepadu perlu digerakkan untuk memastikan PBI tercapai. Antara usaha yang dilakukan adalah (i) menggalakkan pelatih di institusi PLTV untuk menghabiskan sebahagian daripada masa mereka bekerja dalam industri; (ii) menggalakkan laluan fleksibel pengambilan pelajar dan membuatkan ianya lebih mudah bagi mereka yang mempunyai kemahiran industri untuk menjadi sebahagian daripada tenaga kerja Institusi PLTV melalui penyediaan berkesan; (iii) menyediakan pedagogi yang sesuai dan persediaan lain untuk tenaga pengajar, penyelia, pelatih dan perantis di tempat kerja untuk menyesuaikan tahap persediaan suasana tempat kerja dan pembelajaran yang disediakan; (iv) menggalakkan pertukaran dan perkongsian antara institusi PLTV dan industri, agar pensyarah mahupun jurulatih dapat meningkatkan aras ilmu pengetahuan dan kemahiran pedagogi teknikal mereka.

Dalam kajian yang dijalankan oleh Rohani Arbaa *et al*. (2010) telah menyatakan bahawa pembangunan pendidikan berkualiti serta bertaraf dunia merupakan agenda utama KPM. Pensyarah PLTV merupakan golongan yang terlibat secara langsung untuk melaksanakan usaha dan pendekatan dari segi pengajaran ke arah meningkatkan kualiti pendidikan serta memastikan pelajar memperoleh hasil pembelajaran yang maksimum. Justeru para Pensyarah PLTV perlu lebih kreatif serta inovatif dalam memastikan sistem penyampaian menjadi efektif, menarik, menyeronokkan dan dapat merangsang minat pelajar untuk belajar.

University of Malaya

Menurut Marincović (2011), bagi memenuhi permintaan terhadap kemahiran baharu dalam usaha menyediakan kepesatan ekonomi Asia Pasifik masa depan, adalah amat penting untuk memperkukuh asas sistem PLTV iaitu dengan mewujudkan kesepakatan terhadap keperluan tenaga pendidik vokasional yang berkemahiran tinggi. Usaha memantapkan kompetensi kemahiran pedagogi teknikal tenaga pengajar akan mempermudah dan menjadikan perkembangan aktiviti pembelajaran dan pengajaran berlangsung secara dengan sistematik, berkesan dengan diakhiri dengan penambahbaikan menerusi aktiviti peneguhan dan pengukuhan (Anuar *et al*. ,2013). Faktor pendidik adalah signifikan dalam mempengaruhi minat dan komitmen pelajar terhadap pelajaran serta berpotensi mengubah sikap dan status pelajar terhadap sesuatu kurikulum (Salleh & Haittie, 2003; Rohani Arbaa *et al*., 2010). Ironinya, tenaga pendidik PLTV merupakan tulang belakang kepada sistem pendidikan khususnya kepada kualiti pensyarah PLTV. Manakala menurut Marincović (2011) dengan adanya pendidik serta penambahbaikan kualiti PLTV ia merupakan prasyarat untuk memenuhi keperluan tuntutan pasaran buruh serantau. Bagi keperluan kajian ini, keberkesanan kemahiran pedagogi Pensyarah TPKA, Kolej Vokasional dapat dilihat dan diukur dari keberhasilan *"hands on"* kemahiran teknikal pelajar.

Sebagaimana yang kita maklum, tujuan Transformasi PLTV yang direncana di dalam PPPM 2013-2025 adalah antara lain menyediakan tujuh puluh peratus (70%) pelajar berkemahiran yang memenuhi keperluan industri manakala tiga puluh (30) peratus selebihnya melanjutkan pelajaran di pertingkat yang lebih tinggi (BPTV KPM, 2013). Penguasaan isi pelajaran pengkhususan kursus oleh pelajar perlu dimantapkan agar pelajar berkemahiran teknikal, memenuhi keperluan industri.

University of Malaya

Kesediaan bakal graduan PLTV khususnya di Kolej Vokasional sebelum menghadapi dunia pekerjaan merupakan satu aspek penting yang sangat diperlukan oleh majikan di organisasi mahupun industri. Kesediaan yang mencukupi dari segi mental dan fizikal mampu melahirkan graduan yang bersiapsiaga apabila memaski dunia pekerjaan, (Arsat & Rasid, 2010). Kesediaan yang dimaksudkan di sini termasuklah kemahiran dalam melaksanakan aktiviti kerja, kesediaan untuk menerima persekitaran pekerjaan, faktor keadaan fizikal dan keyakinan diri terhadap pekerjaan itu sendiri. Antara faktor yang sering mempengaruhi kesediaan pelajar dalam menceburi bidang kerjaya adalah faktor minat, faktor pekerjaan, faktor ibubapa, faktor pengetahuan dan faktor sekolah atau institusi (Ahmad Zanzali & Rahmat, 2010).

Oleh yang demikian adalah penting untuk menyediakan tenaga pendidik teknikal yang berprestasi tinggi dan berkemahiran dalam PLTV di KV yang dipertanggungjawabkan untuk melatih pelajar sehingga mereka ditauliahkan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) peringkat 1,2,3,4 dan Diploma Kemahiran Malaysia (DKM) dan Diploma Vokasional Malaysia (DVM). Hal ini adalah sejajar dengan terdapat kebanyakkan institusi PLTV mengakui bahawa mereka perlu membuat penambahbaikan kursus, keberkesanan tenaga pengajar dan tempat latihan Hassan (2012). Walau bagaimanapun menurut Elkins *et al.* (2011), Che Munira (2012), kebanyakan cabaran yang menghalang penambahbaikan program latihan ini ialah institusi ini tidak mampu untuk membangunkan program yang sesuai dengan kerjaya dan latihan teknikal dilihat seperti mempunyai saingan yang kuat. Kekurangan yang teruk ialah dari aspek penggunaan teknologi.

Pendidikan Berasaskan Kompetensi (PBK) merupakan satu alat ukur bagi PLTV yang dilaksanakan dalam sistem pendidikan formal, Kahirol (2011). PBK bertujuan bagi memudahkan pentaksiran terhadap kesesuaian sesuatu program yang dilaksanakan di peringkat sekolah, universiti dan institusi latihan PLTV yang berkaitan. Menurut Kerka (1998), Khahirol (2011) PBK turut boleh dijadikan sebagai tanda aras dalam mengenal pasti dan menilai keberkesanan dalam bekerja serta sebagai penambahbaikan terhadap pendidikan yang diperlukan di tempat kerja. Daripada kajian tardahulu ini dapatlah dirangkumkan bahawa PBK merupakan pendekatan dalam menyatukan idea-idea yang bernas dan kreatif yang boleh dilaksanakan dalam alam pekerjaan. Ia juga simbol kepada pengiktirafan pendidikan yang diperolehi oleh sumber guna tenaga teknikal.

Selain daripada tahap penguasaan PBK, Pensyarah Kursus Teknologi Pembinaan perlu menguasai Pembelajaran Berasaskan Projek (PBP). PBP sesuai digunakan dalam kurikulum pendidikan di Malaysia (Balakrishnan *et al*. ,2009). Beliau berpendapat bahawa PBP dianggap sebagai satu amalan terbaik dalam PdP dalam misi membestarikan sekolah-sekolah dan institusi KPM di Malaysia di samping beberapa amalan lain seperti pembelajaran abad 21 dan penggunaan portal pendidikan (Bahagian Teknologi Pendidikan (BTP), 2010). Namun pelaksanaan PBP walaupun setelah ia diperkenalkan masih tetap dianggap asing dalam sistem pendidikan di negara khususnya di sekolah menengah dan ini berkemungkinan disebabkan kurangnya pendedahan tentang kelebihan kaedah itu. Menurut Veerasamy (2010), PBP merupakan model pendidikan yang mengutamakan projek dalam PdP, di mana PBP merupakan satu kaedah instruksional yang membenarkan murid membina kemahiran dan mendapatkan ilmu melalui projek, pembelajaran

University of Malaya

koperatif dan teknik *'hands on'* (Nation, 2008; Beddoes, 2010; Zimmerman, 2010; Kaldi *et al*. ,2011). Justeru ini kajian pembinaan Model Standard Kompetensi ini mengesahkan keperluan yang jelas bahawa PBP amat relavan dalam PdP di KV, khususnya untuk kursus Teknologi Pembinaan, Kejuruteraan Awam (TPKA).

Empat dasar telah diperkenalkan oleh BPTV pada tahun 2012, untuk meningkatkan akses kepada PLTV di Malaysia iaitu (i) meningkatkan persepsi PLTV dan menarik lebih ramai pelajar; (ii) menaik taraf dan mengharmonikan kurikulum PLTV yang berkualiti selaras dengan keperluan industri dengan inisiatif termasuk penyeragaman kurikulum PLTV, mengiktiraf kelayakan kemahiran kebangsaan; (iii) membangunkan tenaga pengajar yang sangat berkesan, menerusi penubuhan pusat baru Latihan Pengajar dan Kemahiran Lanjutan dan (iv) menyelaraskan penyampaian PLTV, termasuk kajian semula kaedah pembiayaan semasa PLTV dan menjalankan penilaian prestasi institusi PLTV. Daripada elemen-elemen kritikal Transformasi PLTV dimulakan secara rasmi pada tahun 2013 ini, jelaslah terdapat jurang yang jelas iaitu penyediaan modal insan, pensyarah terlatih berkemahiran tinggi yang diperlukan untuk mendidik dan melatih murid-murid di Kolej Vokasional. Kualiti guru atau pendidik merujuk kualiti pengajar terutama dari segi latihan, pengalaman, kebolehan, kecekapan, komitmen terhadap tugas, inisiatif dan dedikasi, kualiti profesionalisme (Abd. Rahim, 2005). Rentetan dari transformasi pendidikan vokasional ini, adalah perlu untuk memastikan pensyarah PLTV, mempunyai dan mencapai standard kompetensi dan kepakaran yang tinggi dalam bidang untuk melatih mereka. Adalah menjadi hasrat pengkaji untuk menjalankan kajian reka bentuk model standard kompetensi ini sebagai kayu pengukur terhadap persoalan kajian yang dikemukakan.

University of Malaya

Tujuan Kajian

Tujuan kajian ini adalah untuk membangunkan reka bentuk Model Standard Kompetensi Pensyarah Kolej Vokasional Malaysia (MSKPKVM)

Objektif Kajian

Secara khusus, objektif kajian ini dilaksanakan untuk mencapai objektif berdasarkan fasa tertentu seperti berikut:

- Fasa Analisis Keperluan
  a) Menerokai tahap keperluan terhadap kajian kompetensi, menerusi temubual separa berstruktur dalam kalangan Pensyarah PLTV (TPKA), Kolej Vokasional.
  b) Mengenalpasti dimensi keperluan untuk mereka bentuk Model Standard Kompetensi dalam kalangan Pensyarah PLTV (TPKA), Kolej Vokasional.

- Fasa Reka Bentuk

a) Mencerakinkan dimensi Standard Kompetensi Pensyarah PLTV (TPKA), Kolej Vokasional, Kementerian Pendidikan Malaysia berdasarkan pandangan dan kesepakatan dalam kalangan panel pakar.
b) Menyenaraikan amalan terbaik bagi setiap dimensi Standard Kompetensi Pensyarah PLTV (TPKA), Kolej Vokasional, Kementerian Pendidikan Malaysia berdasarkan analisis pandangan dan kesepakatan dalam kalangan panel pakar.

University of Malaya

- Fasa Penilaian

  a) Menganalisis tahap kompetensi Pensyarah PLTV (TPKA), Kolej Vokasional seluruh Malaysia, berdasarkan gred jawatan dan tahun pengalaman mengajar.

  b) Menguji sama ada wujud kesepadanan antara model prototaip dengan dimensi kompetensi yang dicadangkan bagi mereka bentuk Model Standard Kompetensi Pensyarah PLTV (TPKA), Kolej Vokasional.

Persoalan Kajian

Kajian ini dilaksanakan untuk menjawab soalan-soalan yang telah dikemukakan mengikut fasa seperti berikut:

- Fasa Analisis Keperluan

a) Sejauhmanakah keperluan terhadap kajian kompetensi, dalam kalangan Pensyarah PLTV (TPKA), Kolej Vokasional?

b) Apakah cadangan dimensi keperluan untuk reka bentuk Model Standard Kompetensi Pensyarah PLTV (TPKA), Kolej Vokasional?

- Fasa Reka bentuk

a) Sejauhmanakah pandangan dan kesepakatan dalam kalangan panel pakar tentang ceranikan dimensi Standard Kompetensi Pensyarah PLTV (TPKA), Kolej Vokasional?

b) Sejauhmanakah pandangan dan kesepakatan dalam kalangan panel pakar terhadap senarai amalan terbaik bagi setiap dimensi Standard Kompetensi Pensyarah PLTV (TPKA), Kolej Vokasional, Kementerian Pendidikan?

University of Malaya

- Fasa Penilaian

a) Sejauhmanakah tahap kompetensi Pensyarah PLTV (TPKA), Kolej Vokasional seluruh Malaysia, berdasarkan analisis menurut gred jawatan dan tahun pengelaman mengajar?

b) Sejauhmanakah wujudnya kesepadanan antara model prototaip dengan dimensi kompetensi yang diuji dalam mereka bentuk Model Standard Kompetensi Pensyarah PLTV (TPKA), Kolej Vokasional?

Rasional Kajian

Rasional kajian reka bentuk MSKPKVM adalah untuk (i) menunjuk tatacara pembinaan reka bentuk model standard kompetensi pensyarah teknologi pembinaan, KV, KPM; (ii) pihak Kementerian Pengajian Tinggi atau Institusi Latihan Teknikal Guru, agar dapat melatih bakal Pensyarah PLTV atau pensyarah teknologi pembinaan yang mampan dan berkualiti , berdasarkan Model Standard Kompetensi yang dicadangkan ini; (iii) Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (BPPDP), KPM, merancang dan membangunkan kapasiti guru dalam meningkatkan keberkesananan pembelajaran dan kemenjadian murid khususnya di Kolej Vokasional; (iv) pihak Kementerian Sumber Manusia, menyediakan jumlah Pensyarah PLTV memenuhi Standard Kompetensi, yang bertepatan dan mencukupi di KV; (v) warga pendidik PLTV, KV khususnya pensyarah teknologi pembinaan untuk melengkapkan diri secara professional memenuhi Standard Kompetensi dan (vi) pelajar KV melalui proses PdP yang terbimbing secara holistik dari Pensyarah mahir dan arif memenuhi Standard Kompetensi.

University of Malaya

Kepentingan kajian ini untuk membina mereka bentuk Model Standard Kompetensi ini kerana masih belum ada kajian yang berkaitan dengan reka bentuk MSKPKVM di Malaysia. Sehingga ke hari ini Standard Guru Malaysia (SGM) masih diterima pakai oleh semua guru di Malaysia tidak kira jenis sekolah dan kepakaran bidang pengajaran mata pelajaran. Menurut Saedah, Mohd. Sani (2012) hakikatnya, di Malaysia masih belum ada satu standard kompetensi untuk guru sebelum ini sehingga 2012, khususnya mengikut keperluan bidang kepakaran. Perkara yang sama berlaku, masih kurang kajian berkaitan standard kompetensi terutama bidang PLTV di Malaysia. Kebanyakan negara-negara maju seperti Amerika Syarikat, United Kingdom, Jepun, Australia, Belanda sudah membina standard kompetensi untuk para pensyarah PLTV mereka. Justeru, sistem pendidikan di Malaysia memerlukan dimensi standard kompetensi untuk pensyarah PLTV agar proses penilaian dan penambahbaikan perkhidmatan perguruan akan menjadi lebih sistematik. Lantaran itu, adalah menjadi satu keperluan untuk semua pihak berfikir dan menyumbang kepada pembentukan satu standard kompetensi untuk pensyarah PLTV di Malaysia. Justeru kajian ini melaksanakan proses penanda aras model standard kompetensi agar konsep standard kompetensi pensyarah PLTV khususnya kursus (teknologi pembinaan, kejuruteraan awam) dapat difahami dengan jelas dan boleh dilaksanakan dengan lebih berkesan di KV, KPM.

Kerangka Teori Kajian.

Kaedah yang menggunakan kompetensi sebagai proses penyediaan guru-guru dikenali sebagai pendidikan guru berasaskan kompetensi (*competency based teacher education*). Kompetensi ini bermula di Amerika Syarikat sekitar tahun 1960-an,kini kaedah kompetensi berkembang secara global, (Wan Noraini & Mohd. Sani, 2016).

University of Malaya

Model-model kompetensi yang di ketengahkan dilihat telah menggariskan tiga elemen utama dalam pembentukan kompetensi iaitu pengetahuan, kemahiran dan sikap (McClelland,1993; Malek Shah & Liew, 2002). Justeru itu, kajian Pembinaan Reka Bentuk MSKPKVM ini telah mengambil pendekatan untuk menganalisis elemen yang wujud dalam empat daripada model yang dihasilkan oleh pengkaji terdahulu bagi mengenal pasti dimensi yang bersesuaian dengan elemen tersebut dalam konteks sekolah. Lima model yang dianalisis adalah:

- Model Kompetensi, McLagan (1991)
- Model Pembangunan Kompetensi *International Board of Standards for Training, Performance and Instruction* (IBSTPI, 2003)
- Model *Ice Berg,* McClelland (1993); Kumpulan Hay Mc Ber (2005)
- Model Teori Modal Insan, Gary S. Becker (1993); Kuchaŕ (2007) Swanson & Holton III (2011)
- Model Kompetensi Industri Pembinaan dan Industri Komersial (2014)

Di dalam Jadual 1.1 berikut menunjukkan pengkelasan dimensi dalam lima model tersebut berdasarkan kepada dimensi yang bersesuaian.

University of Malaya

Jadual 1.2

Pengkelasan Kerangka Teori Kajian

Dimensi Model Kompetensi				
Model Kompetensi McLagan (1991)	Model Pembangunan Kompetensi, IBSTPI (2003)	Model *Ice Berg* McClelland (1993); Kumpulan Hay Mc Ber (2005)	Model Teori Modal Insan, Gary S. Becker (1993);Kuchaŕ (2007); Swanson & Holton III (2011)	Model Industri Pembinaan dan Industri Komersial (2014)
• Kefahaman pembelajaran dewasa • Teknik teori pembentukan kerjaya • Kemahiran mengenal pasti kompetensi • Kemahiran penilaian • Kemahiran penyediaan objektif • Kemahiran penyelidikan • Teori latihan, pembangunan dan teknik pemahaman	• Amalan-amalan terkini dan standard sedia ada yang relavan dengan profesion • Penilaian terhadap bidang tugas dan perkembangan masa hadapan • Faktor-faktor budaya, sosial dan ekonomi	• Kompetensi Umum: pengetahuan, kemahiran dan ciri-ciri peribadi serta tata kelakuan • Kompetensi Khusus: pengetahuan, kemahiran dan ciri-ciri peribadi yang spesifik bagi menjalankan tugas dan tanggungjawab	• Hubungan 1: konsep fungsi pengeluaran (pendidikan dan latihan) • Hubungan 2: hubungan modal insan antara pembelajaran dan peningkatan produktiviti. • Hubungan 3: hubungan modal insan antara peningkatan produktiviti , peningkatan upah serta pendapatan perniagaan	• Kompetensi akademik • Kompetensi di tempat kerja Kompetensi teknikal luas-industri • Kompetensi sektor industri dan Keperluan kerjaya Kompetensi pengurusan.

University of Malaya

Model dari para pengkaji lalu dipilih untuk dianalisis kerana dua sebab. Pertama adalah kerana model ini dihasilkan merentasi tempoh masa selama empat belas tahun iaitu dari 1990 hingga 2004. Pemilihan model ini juga adalah berdasarkan elemen dalam model yang bersesuaian dengan konteks sekolah Malaysia. Berdasarkan analisis ini, didapati elemen yang wujud di dalam model yang dipilih boleh dikategorikan kepada dua domain iaitu (i) kompetensi asas yang merangkumi dua dimensi iaitu Profesionalisme, Kemahiran Generik, (ii) Kemahiran Khusus yang terdiri daripada dimensi kemahiran teknikal dan kemahiran pedagogi. Perincian lanjut lima Model Kompetensi akan dibincangkan di dalam Bab Dua.

Kerangka Konseptual Kajian. Kerangka kajian didasarkan kepada dua model iaitu Model Reka Bentuk Hannafin-Peck (1987) dan Model Tujuh Langkah Proses Penanda Aras Juran (Wood, 2009)

model reka bentuk hannafin - peck (2011). Model reka bentuk Hannafin-Peck yang dibina pada tahun 1987 adalah model proses tiga fasa. Fasa pertama adalah fasa analisis keperluan. Fasa seterusnya adalah fasa reka bentuk. Akhir sekali adalah fasa pembangunan dan implementasi. Kesemua fasa ini melibatkan proses penilaian dan semakan (Strickland, 2011; Rosnah, 2013). Terdapat dua jenis penilaian iaitu formatif dan sumatif. Penilaian formatif melibatkan pengumpulan maklumat pada peringkat awal proses reka bentuk untuk memastikan reka bentuk dirancang dengan baik serta menjangkakan sebarang masalah yang mungkin timbul bagi memastikan kejayaan projek. Penilaian sumatif adalah proses mengumpul data untuk menilai kebolehgunaan produk. Proses ini amat penting dalam kajian ini untuk memastikan tahap kesahan dan kebolehpercayaan setiap item dalam profil yang

University of Malaya

dibina adalah tinggi. *Rajah 1.1* menunjukkan menunjukkan Model Hannafin-Peck dan fasa yang terlibat.



Rajah 1.1: Fasa Proses Pembinaan Standard Kompetensi Pensyarah TVET Diadaptasi daripada " Instructional Design: Hannafin dan Peck Design Model" oleh A.W Stricklan,2011 *Adult learning and Technology*, diperolehi daripada http://adullearnandtech.com/hannafin.thm dalam Rosnah (2013)

fasa analisis keperluan. Fasa ini bertujuan untuk mendefinisi dengan jelas keperluan projek dan program. Pereka bentuk mengenal pasti keperluan reka bentuk yang akan dihasilkan berdasarkan siapakah pengguna hasil projek tersebut, apakah keperluan mereka, persekiratan dan kekangan yang wujud

fasa reka bentuk. Dalam fasa ini, lakaran teliti tentang reka bentuk yang akan dibangunkan akan dibina dan isi kandungan dalam reka bentuk dikenal pasti. Beberapa perkara yang diambil kira dalam fasa ini adalah arahan yang jelas, gambaran yang konsisten, mudah digunakan dan senang difahami.

fasa pembangunan dan implementasi. Fasa ini merealisasikan reka bentuk daripada kertas kepada bentuk produk atau prototaip yang boleh digunakan oleh pengguna.Model reka bentuk ini dipilih kerana keutamaan yang diberikan kepada

University of Malaya

fasa analisis keperluan sebelum fasareka bentuk. Pemilihan model juga adalah berdasarkan kepada kepentingan melakukan proses penilaian dan semakan dalam setiap fasa bagi membolehkan penambahbaikan dilakukan (Strickland, 2011; Rosnah 2013).

model tujuh langkah menanda aras juran (2009). Brad Wood (2009), Timbalan Pengerusi Juran Institut Incorporation telah memperkenalkan Model Tujuh Langkah Menanda Aras Juran pada tahun 2009 (Rosnah, 2013). Beliau yang merupakan konsultan di sebuah firma latihan dan konsultasi telah membangunkan sebuah model penanda aras bagi meningkatkan prestasi organisasi. Proses menanda aras ini dibahagikan kepada dua peringkat. Peringkat pertama adalah analisis kedudukan yang melibatkan empat langkah iaitu persediaan dan perancangan, memungut data, menganalisis data dan membuat pelaporan. Peringkat kedua adalah implementasi amalan terbaik yang melibatkan tiga langkah iaitu pembelajaran dari amalan terbaik, merancang dan melaksanakan tindakan penambahbaikan serta menginstitusikan pembelajaran. *Rajah 1.2* menunjukkan Model Tujuh Langkah Menanda Aras Juran tersebut.

University of Malaya



Rajah 1.2. Model Tujuh Langkah Menanda Aras Juran. Diambil daripada "7 *steps to better benchmarking* ", oleh B. Wood (2009); Rosnah (2013)

Untuk keperluan kajian ini, empat langkah dalam peringkat pertama telah diguna pakai iaitu langkah membuat persediaan dan merancang, mengutip data, analisis data serta membuat pelaporan. Langkah dalam peringkat pertama ini adalah langkah yang perlu dijalankan bagi mengenal pasti amalan terbaik sebagai penanda aras untuk tahap kompetensi (Wood, 2009; Strickland, 2011; Rosnah, 2013). Peringkat kedua yang melibatkan langkah 5, 6 dan 7 tidak dilaksanakan dalam kajian ini. Empat langkah dalam peringkat pertama tersebut diterangkan seperti berikut;

Langkah 1*:Persediaan dan perancangan*-Mengenal pasti keperluan menanda aras, menentukan kaedah yang akan digunakan dan mengenal pasti individu atau kumpulan yang akan terlibat dalam projek.

***Langkah 2**:Memungut data* -Menentukan apa yang ingin diukur dan bagaimana ianya akan diukur, apa yang memerlukan penanda aras dan apa yang tidak diperlukan. Perkara yang paling utama adalah menentukan kaedah memungut data yang paling sesuai.

***Langkah 3**:Analisis data*-Menentukan bahawa data tersebut tepat dan lengkap merupakan aktiviti utama dalam langkah ini adalah Analisis ini juga perlu disusuli dengan saranan untuk usaha penambahbaikan.

***Langkah 4:** Pelaporan*-Hasil analisis data dalam langkah 3 kemudiannya dilaporkan dengan jelas, mudah difahami melalui perantaraan yang sesuai

Sebanyak lima (5) Model Kompetensi yang digabungkan bersama dua (2) model reka bentuk kajian yang telah dibincangkan membentuk satu kerangka konseptual untuk kajian ini.

Berdasarkan *Rajah 1.3* berikut, sumber yang menjadi input dalam kajian ini adalah dimensi standard kompetensi yang didapati daripada sorotan kajian terhadap lima model pembangunan kompetensi. Sebelum memulakan fasa reka bentuk, analisis keperluan dijalankan bagi menentukan keperluan kajian dalam kalangan pengamal. Seterusnya, fasa reka bentuk melibatkan proses membuat persediaan dan merancang reka bentuk model, memungut data dan menganalisis data bagi pembinaan reka bentuk Model Standard Kompetensi Pensyarah, Kolej Vokasional berdasarkan pandangan dan kesepakatan dalam kalangan panel pakar. Selanjutnya, fasa penilaian melibatkan penilaian tahap kompetensi pensyarah PLTV (TPKA), KV. Akhirnya, sebuah Model Standard Kompetensi Pensyarah TPKA, Kolej Vokasional, Kementerian Pendidikan Malaysia terhasil sebagai hasil (*output)* kajian dan Keberhasilan Pelajar kursus TPKA sebagai hasil jangka masa panjang *(outcome*).

University of Malaya



Rajah 1.3: Kerangka Konseptual Kajian

Matrik Kajian di dalam Jadual 1.2 di bawah memperlihatkan keselarian antara objektif kajian dengan kaedah yang digunakan untuk menjawab soalan kajian yang telah dikemukakan. Berikut adalah perinciannya;

University of Malaya

Jadual 1.2

Matriks Kajian

Objektif Kajian	Soalan Kajian	Kaedah	Jangkaan Hasil
Fasa Analisis Keperluan a) Menerokai tahap keperluan terhadap kajian kompetensi, menerusi temubual separa berstruktur dalam kalangan Pensyarah PLTV (TPKA), KV b) Mengenalpasti dimensi keperluan untuk mereka bentuk Model Standard Kompetensi dalam kalangan Pensyarah PLTV (TPKA), KV.	Fasa Analisis Keperluan a) Sejauhmanakah keperluan terhadap kajian kompetensi, dalam kalangan Pensyarah PLTV (TPKA), KV? b) Apakah cadangan dimensi keperluan untuk reka bentuk Model Standard Kompetensi Pensyarah PLTV (TPKA), KV?	Sorotan kajian Dan perbincangan bersama pakar pengamal PLTV di KV	a) Keperluan terhadap kompetensi semasa Pensyarah PLTV (TPKA), KV. b) Dimensi standard kompetensi yang diperlukan dalam mereka bentuk Model Standard Kompetensi oleh Pensyarah PLTV (TPKA), KV
Fasa Reka bentuk a) Mencerakinkan dimensi Standard Kompetensi Pensyarah PLTV (TPKA), KV, Kementerian Pendidikan Malaysia berdasarkan pandangan dan kesepakatan dalam kalangan panel pakar. b) Menyenaraikan amalan terbaik bagi setiap dimensi tandard Kompetensi Pensyarah PLTV (TPKA), KV, Kementerian Pendidikan Malaysia berdasarkan analisis pandangan dan kesepakatan dalam kalangan panel pakar.	Fasa Reka bentuk a) Sejauhmanakah pandangan dan kesepakatan dalam kalangan panel pakar tentang ceranikan dimensi Standard Kompetensi Pensyarah PLTV (TPKA), KV? b) Sejauhmanakah pandangan dan kesepakatan dalam kalangan panel pakar terhadap senarai amalan terbaik bagi setiap dimensi Standard Kompetensi Pensyarah PLTV (TPKA), KV, Kementerian Pendidikan?	Teknik Delphi	a) Dimensi yang mendokong domain standard kompetensi Pensyarah PLTV (TPKA), KV berdasarkan pandangan dan kesepakatan dalam kalangan panel pakar b) Amalan terbaik bagi setiap dimensi standard kompetensi pensyarah PLTV (TPKA), KV berdasarkan pandangan dan kesepakatan dalam kalangan panel pakar
Fasa Penilaian a) Mencerakinkan dimensi Standard Kompetensi Pensyarah PLTV (TPKA), KV, Kementerian Pendidikan Malaysia berdasarkan pandangan dan kesepakatan dalam kalangan panel pakar. b) Menyenaraikan amalan terbaik bagi setiap dimensi Standard Kompetensi Pensyarah PLTV (TPKA), KV, Kementerian Pendidikan Malaysia berdasarkan analisis pandangan dan kesepakatan dalam kalangan panel pakar.	Fasa Penilaian a) Sejauhmanakah tahap kompetensi Pensyarah PLTV (TPKA), KV seluruh Malaysia, berdasarkan analisis menurut gred jawatan dan tahun pengelaman mengajar? b) Sejauhmanakah wujudnya kesepadanan antara model prototaip dengan dimensi kompetensi yang diuji dalam mereka bentuk Model Standard Kompetensi Pensyarah PLTV (TPKA), KV?	Kajian tinjauan dan pentadbiran soal selidik Statistik deskriptif Analisis SEM AMOS	a) Tahap kompetensi pensyarah PLTV (TPKA), KV berdasarkan domain keperluan model standard kompetensi mengikut gred jawatan pensyarah dan pengalaman mengajar. Kkesepadanan antara model prototaip dengan dimensi kompetensi yang dicadangkan bagi mereka bentuk Model Standard Kompetensi Pensyarah PLTV (TPKA), KV

Universiti Malaya

Kepentingan Kajian

Kajian pembinaan reka bentuk Model Standard Kompetensi Pensyarah Kolej Vokasional, Kementerian Pendidikan Malaysia (MSKPKVM) ini diharapkan dapat dijadikan maklumat, sumber rujukan baharu dan memberi input bagi menjana usaha baharu dalam bidang PLTV, BPTV, KPM dan Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia (KPT). Diharapkan juga kajian ini dapat diperkembangkan lagi pada masa akan datang. Selain daripada itu juga diharapkan agar MSKPKVM berupaya menjadi panduan yang sangat bermanfaat kepada Universiti, Institut Pendidikan Guru serta Institusi PLTV lain yang turut terlibat dan bertanggungjawab dalam mengendalikan latihan serta pengajian di peringkat diploma dan ijazah pendidikan PLTV. Kajian ini juga diharapkan dapat menambahkan lagi khazanah ilmu terhadap teoritis, dimensi dan terhadap polisi yang berkait rapat dengan integriti, komitmen profesional, kemahiran generik, kemahiran khusus teknikal, kepelbagaian strategi pengajaran, kemahiran merancang, melaksanakan pengajaran serta kemahiran pentaksiran pembelajaran pelajar, selari dengan keperluan Standard Kompetensi Pensyarah PLTV Malaysia pada masa kini dan hadapan.

Limitasi Kajian

Kajian ini hanya akan dilaksanakan di 44 buah KV yang telah dikenal pasti oleh KPM, di seluruh Malaysia. Responden yang dipilih melibatkan sampel yang terdiri daripada Pensyarah kursus Teknologi Pembinaan, Kejuruteraan Awam (TPKA) dalam kalangan pegawai perkhidmatan siswazah, pensyarah bukan siswazah di KV, KPM.

University of Malaya

Kajian ini hanya melibatkan fasa analisis keperluan, fasa reka bentuk dan fasa pembangunan. Peringkat implimentasi yang terdapat dalam Model Hannafin-Peck tidak dilibatkan kerana ia tidak bersesuaian dengan keperluan kajian. Limitasi reka bentuk model standard kompetensi di dalam fasa reka bentuk adalah berdasarkan kesepakatan pandangan pakar terhadap domain dan dimensi yang diperolehi menerusi teknik Delphi tiga hingga empat pusingan. Justeru, model yang dihasilkan hanya sebagai cadangan penambahbaikan kepada BPTV, KPM, KV serta Universiti dan Institut Pendidikan yang melatih bakal pensyarah PLTV.

Kajian ini juga hanya memberi fokus kepada peringkat 1 dalam Model Tujuh Langkah Menanda Aras Juran (2009). Langkah 5, 6 dan 7 dalam peringkat kedua tidak terlibat dalam kajian ini kerana tidak relavan dengan tujuan, objektif serta persoalan kajian. Fasa penilaian dalam kajian reka bentuk model ini hanya melibatkan maklum balas daripada pengamal, pensyarah dan pakar PLTV sebagai peserta kajian. Limitasinya, kajian ini kurang berupaya mengukur standard kompetensi dalam kalangan warga sekolah yang lain seperti kakitangan pejabat, pembantu makmal, pembantu bengkel dan pelajar Kolej Vokasional.

Definisi Operasional

Definisi yang terdapat dalam kajian ini adalah diambil terus atau diubah suai daripada kajian literatur supaya definisi tersebut bersesuaian dengan fenomena kajian pengkaji.

University of Malaya

model. Menurut Sufean Hussin dan Norliza Zakuan (2009), Muhammad Faizal & Abd Khalil (2015), model adalah binaan idea atau binaan bahan berkaitan sesuatu teori dan fenomena serta diuji berkali-kali untuk melihat tindak balas dalam pelbagai keadaan. Justeru, model merupakan kaedah pemikiran manusia untuk memahami fenomena dan realiti secara empirikal dan objektif. Dengan erti kata lain, model ialah sesuatu yang jelas dan boleh diterima akal. Sementara itu, Chinn dan Kramer (2004), mendifinisikan model sebagai satu anggaran, perwakilan, atau idea dalam aspek struktur terpilih, tingkah laku, operasi, atau ciri-ciri lain daripada proses dunia sebenar, konsep, atau sistem. Justeru, model menurut keperluan kajian ini mewakili simbol pengalaman berbentuk perkataan dan gambar rajah grafik serta boleh dirujuk sebagai sistem. Istilah model dalam kajian ini merujuk kepada struktur yang mengambarkan sesuatu masalah dan penyelesaian kepada unit-unit yang berasingan dan boleh diurus.

reka bentuk model. Reka bentuk Model adalah usaha mereka dan membangunkan konsep serta spesifikasi yang memenuhi fungsi, nilai, bentuk luaran sesuatu produk untuk kebaikan pengguna dan pengeluar. Ia adalah satu bentuk konsepsi-gambaran dalam bentuk grafik,memudahkan pembaca memahami proses kerja atau aktiviti yang dimaksudkan oleh pengkaji,menjelaskan secara nyata proses kerja secara menyeluruh, berperingkat dan tersusun, mudah memahami aktiviti pengkaji sebelum membaca isi kandungan dalam bentuk teks.(Tracey, Morrow, 2006 ; Razali, 1987, Mohd Nazri, 2014). Reka bentuk model merujuk kepada istilah *building theory* atau *constuction theory.* Justeru, istilah reka bentuk model dalam kajian ini merujuk kepada proses pembentukan teori dan seterusnya model melalui

kaedah induktif. Reka bentuk model di dalam kajian ini adalah berkaitan dengan MSKPKVM, menggunakan teknik penganalisian data yang bersesuaian.

model standard kompetensi pensyarah kolej vokasional – MSKPKVM. MSKPKVM bermaksud pola atau pelan yang dijadikan garis panduan atau rujukan penanda aras standard kompetensi yang dipersembahkan dalam bentuk rajah tertentu. Justeru, bagi keperluan kajian ini, MSKPKVM bermaksud satu garis panduan berupa rajah bagi membantu BPTV KPM untuk merangka modul pemantapan kompetensi menerusi latihan profesional berterusan Pensyarah PLTV (TPKA)

standard kompetensi . Standard profesional perguruan boleh digunakan sebagai satu set kriteria dari kompetensi minimum yang ditunjukkan dalam perlaksanaan kerja pensyarah. Kompetensi guru termasuklah perkara yang berkaitan personal, profesional dan sosial seperti pengajaran, kepakaran dalam subjek, kepakaran dalam teori yang berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran, menguruskan proses pembelajaran, adaptasi dalam komuniti dan personaliti (Saedah & Mohd Sani, 2012). Prinsip asas model standard kompetensi bahawa prestasi seseorang pegawai perkhidmatan pendidikan awam akan meningkat sekiranya beliau mempunyai semua kompetensi yang diperlukan bagi menjalankan tugas dan tanggungjawab jawatan yang disandangnya. Model Standard Kompetensi yang ingin di kaji adalah meliputi domain dan dimensi yang telah dikenal pasti dari daripada fasa-fasa di dalam kajian Delphi yang telah dilakukan. Domain hasil dari fasa keperluan adalah i) Kompetensi Asas : Profesionalisme Guru Teknikal dan Kemahiran Generik Keguruan Teknikal; ii) Kompetensi Khusus : Kemahiran

University of Malaya

Teknikal (Teknologi Pembinaan) dan Kemahiran Pedagogi Teknikal. Domain ini di dokongi beberapa dimensi dan sub dimensi yang disarankan oleh pakar Delphi dan juga dari sorotan kajian yang lalu.

pensyarah pltv (teknologi binaan kejuruteraan awam). Pensyarah PLTV yang sedang mengajar kursus Teknologi Pembinaan, Kejuruteraan Awam di empat puluh empat (44) buah Kolej Vokasional , Kementerian Pendidikan Malaysia dari seluruh Malaysia.

analisis keperluan. Analisis Keperluan merupakan fasa kajian Kajian yang bertujuan untuk Sejauhmanakah keperluan terhadap kajian kompetensi, dalam kalangan Pensyarah PLTV (TPKA), KV dan Apakah cadangan dimensi keperluan untuk reka bentuk Model Standard Kompetensi Pensyarah PLTV (TPKA), KV.

kompetensi. Kompetensi adalah elemen kepada kompeten (Fauzi, 2008, Zaiha, 2014) yang merangkumi keseluruhan sifat manusia, sifat yang boleh mengajar, memerhati, mengukur, praktik, diambil dari kompeten, fleksibel dan boleh ditukar ganti mengikut persekitaran, dan berterusan untuk dinilai dan definisikan semula. Kompetensi adalah amat diperlukan bagi menentukan keberkesanan persembahan (Mahazani, 2010). Kompetensi ini mestilah berhubungkait dengan persembahan dan yang boleh dinilai dengan satu standard yang boleh diterima pakai. Manakala secara khususnya, kompetensi bermaksud satu ukuran yang telah ditetapkan bagi seorang guru dalam menguasai pelbagai peringkat kompetensi yang diperlukan untuk memenuhi aspirasi pelajar dan masyarakat (Saedah & Mohd Sani, 2012). Kompetensi yang dimaksudkan di dalam kajian ini

University of Malaya

adalah Kompetensi yang perlu ada pada pensyarah PLTV, yang mengajar kursus Teknologi Pembinaan Kejuruteraan Awam di Kolej Vokasional.

kompetensi am. Kompetensi Am iaitu kompetensi asas yang menunjukkan spesifikasi profesion keguruan , termasuk kecekapan organisasi dimana pendidik keupayaan untuk berjaya mengatur aktiviti tenaga pengajar, Marincović (2011) . Dari sudut kajian ini kompetensi asas adalah berupa gabungan diantara unsur profesionalisme dan kompetensi generik yang diperlukan oleh seseorang pensyarah atau tenaga pengajar PLTV.

kompetensi khusus. Kompetensi khusus mewakili tahap kecekapan pensyarah untuk kandungan kursus yang mereka ajar dan bagi penyelidikan amalan mereka sendiri, untuk mencipta gaya sendiri pengajaran, dalam fungsi pencapaian yang lebih baik daripada pelajar (Marincović (2011). Daripada prospek kajian ini, kompetensi khas merupakan kompetensi khusus, menjurus kepada kecekapan utama untuk menjalankan tugas mendidik PLTV khususnya kepada kurus teknologi pembinaan kejuruteraan awam. Kompetensi Khusus (*Functional Competencies)* merupakan pengetahuan, kemahiran dan ciri-ciri peribadi yang spesifik bagi menjalankan tugas dan tanggungjawab bagi sesuatu jawatan dan kumpulan jawatan (Hay McBer, 2005; Saedah & Mohammad Sani, 2013). Kemahiran Fungsional di dalam kajian ini adalah adalah yang dimuatkan di dalam kompetensi khusus iaitu (i) Kemahiran Teknikal (Teknologi Pembinaan) dan (ii) Kemahiran Pedagogi Teknikal.

kemahiran generik. Kemahiran insaniah atau dikenali sebagai kemahiran generik atau *soft skill* ialah kemahiran selain daripada kemahiran bukan akademik,

University of Malaya

dan ia merentasi pelbagai domain pembelajaran merangkumi aspek keperibadian dan kerja berkumpulan. Dalam konteks kajian ini merangkumi tiga jenis kemahiran iaitu kemahiran berkomunikasi, kemahiran menyelesaikan masalah secara kritis dan kemahiran kerja berpasukan (Ahmad Esa, 2011). Dari Norhayati (2011) kemahiran generik sebenarnya mempunyai beberapa jenis termasuklah kemahiran berfikir seperti teknik menyelesaikan masalah, kemahiran strategi pembelajaran seperti merekabentuk mnemonik untuk membantu mengingati sesuatu dan kemahiran metakognitif iaitu seperti memerhatikan dan menyemak teknik menyelesaikan masalah atau teknik mencipta mnemonik. Kemahiran generik juga meliputi kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif, kemahiran belajar, kemahiran menggunakan teknologi dalam proses pengajaran dan pembelajaran, dan kemahiran dalam mentaksir serta menilai pembelajaran. Di dalam kontek kajian ini, kemahiran generik yang diperlukan oleh pensyarah teknologi pembinaan adalah kemahiran asas yang perlu untuk melakukan tugas dalam bidang berkaitan iaitu kemahiran komunikasi maklumat, kemahiran penyelesaian masalah, kemahiran membuat keputusan, kemahiran kepimpinan, kemahiran kerja berkumpulan, kemahiran interpersonel dan kemahiran pengurusan.

pakar. Pakar dalam kajian ini merujuk kepada pegawai dalam kumpulan pengurusan dan profesional sama ada masih bertugas atau tidak di Kolej Vokasional. Pakar merujuk kepada pengetahuan dan pengalaman luas dimiliki oleh individu dalam sesuatu bidang serta menjadi tempat rujukan. Justeru, pakar dalam kajian ini merujuk kepada pegawai pendidikan dalam bidang pengurusan dan profesional mempunyai pengalaman sebagai Penyarah kursus Teknologi Pembinaan, barisan

University of Malaya

Pentadbir Kolej Vokasional yang terlibat dalam proses merancang, menyelaras dan melaksanakan aktiviti pembelajaran kepada kakitangan pendidikan BPTV.

teknik delphi. Teknik Delphi adalah teknik yang dibangunkan oleh Dalkey dan Helmer pada tahun 1963. Ia kemudiannya telah diterima dan digunakan secara meluas sebagai satu kaedah untuk mendapatkan kesepakatan pandangan pakar dalam sesuatu bidang ilmu. Ada banyak versi teknik Delphi namun teknik yang digunakan di dalam kajian ini adalah berdasarkan proses yang disarankan oleh (Hsu & Sanford, 2007; Rosnah, 2013). Justeru, kaedah kajian Delphi dalam kajian ini merujuk kepada satu teknik pengumpulan data daripada pakar dalam bidang PLTV Teknologi Pembinaan, Kejuruteraan Awam. Di dalam kajian ini, melibatkan tiga (3) fasa iaitu fasa keperluan, fasa reka bentuk dan fasa penilaian. Proses di dalam fasa reka bentuk mengandungi empat pusingan yang dimulakan dengan temubual menggunakan soalan separa berstruktur sebagai pusingan pertama. Pusingan kedua, ketiga dan keempat adalah interaksi panel pakar dengan soal selidik yang telah dibentuk hasil dapatan pusingan pertama. Pusingan keempat adalah digalakkan namun kutipan data boleh ditamatkan pada pusingan ketiga sekiranya kesepakatan pakar terhadap semua item telah mencapai tahap tinggi.

panel pakar. Panel pakar dalam kajian ini adalah merujuk kepada sekumpulan pakar yang telah dikenalpasti berdasarkan beberapa kriteria seperti yang telah dinyatakan dalam definisi istilah tentang pakar khusus untuk kajian kualitatif, kajian Delphi.

University of Malaya

Rumusan

Bab Satu ini telah menjelaskan kepentingan dan rasionalnya perlaksanaan kajian terhadap Reka Bentuk MSKPKVM di Malaysia. Daripada pemerhatian, rujukan dan perbincangan sememangnya masih lagi tiada model standard kompetensi pensyarah PLTV yang digunakan di Malaysia khususnya di KV. Maka dengan itu kajian berobjektif ini dilihat amat diperlukan pada masa kini sebagai rujukan dan piawaian. Ini adalah keranan kepakaran dan kompetensi yang ada mungkin tidak kekal, malah sentiasa akan ketinggalan era jika proses perkembangan profesionalisme tidak dilalui dengan konsisten. Penglibatan pembelajaran yang menyeluruh bagi memastikan kelangsungan proses pendidikan sepanjang hayat, telah membangunkan kapasiti pensyarah dalam membantu KV melaksanakan Transformasi Pendidikan Vokasional secara holistik dan optimum. Bab Dua akan membincangkan tentang literatur kajian ini dan hasil kajian yang berkaitan dengan lebih mendalam lagi.

University of Malaya

BAB DUA

KAJIAN LITERATUR

Pengenalan

Bab ini menyoroti kajian literatur yang relavan dengan kerangka konseptual kajian yang akan membincang transformasi pendidikan vokasional yang bermula pada tahun 2013. Kepelbagaian definisi yang disebabkan oleh perbezaan sudut pandangan para pengkaji juga dibincangkan dalam bab ini. Perbincangan berkaitan teras kompetensi Pensyarah PLTV dari negara-negara luar seperti Korea, Indonesia, Jepun, German dan beberapa negara barat. Perbincangan selanjutnya adalah berkaitan perkembangan idea berkaitan dengan pembinaan reka bentuk Model Standard Kompetensi Pensyarah PLTV (Teknologi Pembinaan, Kejuruteraan Awam), Kolej Vokasional Kementerian Pendidikan Malaysia. Seterusnya perbincangan ditumpukan kepada empat dimensi kompetensi yang dikenal pasti daripada sorotan kajian empat model yang dipilih. Akhir sekali, perbincangan menyorot kepada dapatan kajian lepas berkaitan standard kompetensi Pensyarah PLTV (TPKA) di dalam dan di luar negara.

Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (PLTV)

Menurut Gerd-Hanne Fosen (2015), takrifan dan cadangan PLTV untuk abad ke-21 yang digunakan dalam *United Nation Educational, Scientific and Cultural Organisation* (UNESCO) pada tahun 2001, PLTV digunakan sebagai istilah menyeluruh merujuk kepada aspek-aspek pendidikan proses yang melibatkan, sebagai tambahan kepada pendidikan umum, kajian teknologi dan sains yang

University of Malaya

berkaitan, dan pemerolehan kemahiran praktikal, sikap, kefahaman dan pengetahuan yang berkaitan dengan penghuni dalam pelbagai sektor ekonomi dan kehidupan sosial. PLTV adalah berkenaan dengan pemerolehan pengetahuan dan kemahiran untuk dunia pekerjaan

Indriatmoko (2009) di dalam Paryono P. (2015), menyatakan definisi dari UNESCO mengenai istilah PLTV digunakan sebagai istilah yang komperhensif untuk proses pendidikan yang melibatkan mata pelajaran teknologi dan ilmu pengetahan yang berkait kepada pengkhususan dan bidang teknik, kemahiran, sikap kerja, pemahaman serta berkait rapat dengan pekerjaan adalam sektor ekonomi dan sosial kehidupan Dalam pengertian yang luas, PLTV mengacu pada berbagai pengalaman belajar yang relevan dengan dunia kerja. Pengalaman belajar ini diperolehi daripada pembelajaran dan pengalaman kerja di institusi-institusi pendidikan ataupun dari tempat bekerja.

Malaysia dalam perancangan menuju sebuah negara maju berpendapatan tinggi melihat salah satu usaha strategi yang perlu dilaksanakan ialah melalui amalan pendidikan (Hassan *et al*. 2012). Kerajaan Malaysia berbelanja besar terutamanya bagi menaik tarafkan sistem PLTV. Pelbagai langkah dan strategi diatur bagi merealisasikan impian tersebut. reformasi sistem pendidikan negara secara keseluruhannya mencerminkan kesungguhan negara bergerak melangkah ke arah persaingan tersebut dengan pembentukan insan bertaraf dunia, memastikan pendidikan seawal mungkin, kebertanggungjawaban sekolah sebagai institusi pendidikan dan keberkesanan guru menjadi faktor utama yang di beri penekanan.

University of Malaya

Manakala sistem PLTV pula diberi nafas baru seperti mengarusperdanakan PLTV dan meningkatkan kompentensi pengajian siswazah supaya bernilai kebolehpasaran. Sistem PLTV juga diberi satu reformasi bagi memenuhi keperluan dalam usaha mencapai hasrat negara. Meningkatkan kemahiran rakyat Malaysia untuk meluaskan kebolehpasaran menjadi satu asas yang perlu diutamakan. Pendidikan lepasan menengah dan tertiari akan menjadi pemangkin kepada satu perubahan di mana keperluan tenaga mahir dan separa mahir yang diperlukan oleh industri dilihat dapat menjana perkembangan ekonomi yang lebih mapan. Usaha mengarusperdanakan dan memperluas akses kepada PLTV yang berkualiti, tenaga pengajar dalam bidang PLTV diberi satu dorongan seperti memudahkan laluan peningkatan pembangunan diri dari segi ilmu dan kemahiran. Selain daripada itu penyusunan gred dan kepakaran serta peluang untuk kenaikan pangkat disusun bersesuaian dengan kemahiran dan kepakaran yang dimiliki.

Pendekatan Untuk Pendidikan Guru Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (PLTV) di Malaysia

Agensi-agensi kerajaan utama yang terlibat dalam latihan guru PLTV adalah Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM), Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), , Kementeriaan Sumber Manusia (KSM), Kementerian Belia dan Sukan (KBS) dan Majlis Amanah Rakyat (MARA). Aspek-aspek kelayakan dan kualiti latihan PLTV telah menjadi isu dalam latihan guru di negara ini. Ia dijangka bahawa pada tahun 2020 semua guru perlu mempunyai ijazah pertama sebelum mereka boleh menyertai profesion perguruan untuk memastikan semua guru lulus *quality criteria* sebelum meninggalkan institut latihan (Hassan *et al*. 2012). Terdapat keperluan untuk Kelayakan Piawaian pensyarah PLTV dan dasar latihan sempena transformasi

University of Malaya

sistem pendidikan vokasional Malaysia. Hassan *et al*. (2012), juga menekankan keperluan untuk mengukuhkan kemahiran program akreditasi bagi membolehkan model baru pensyarah PLTV untuk memenuhi standard kualiti yang tinggi dan pasaran keperluan guru. *Rajah 2.1* di bawah menunjukkan pendekatan untuk pendidikan guru PLTV di Malaysia.



Rajah 2.1: Pendidikan Pensyarah PLTV di Malaysia

Merujuk kepada *Rajah 2.1* di atas, latar belakang pendidikan Pensyarah PLTV di Malaysia dimulai dengan pertauliahan Diploma atau Sijil Pendidikan dari KPM atau IPGM. Peringkat seterusnya adalah Pensyarah PLTV melanjutkan pelajaran diperingkat Sarjana Muda Sains atau Sarjana Muda Pendidikan. Kelayakan akademik boleh diteruskan pada peringkat Sarjana Sains atau sarjana Pendidikan sehingga ke peringkat Pengajian Doktor Falsafah. Pengajian Pedagogi dan Teknikal Vokasional Bersepadu diperingkat Sijil Pendidikan sehingga ke Pengajian Peringkat Doktor Falsafah dari empat (4) Universiti Awam Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPTM) dan beberapa Universiti Swasta. Selain daripada itu Pensyarah

University of Malaya

PLTV juga boleh dilatih oleh Kementerian Sumber Manusia iaitu di Institusi Swasta seperti *Centre for Instructor and Advanced Skill Training* (CIAST), Kementerian Belia dan Sukan (KBS), Majlis Amanah Rakyat (MARA) dan di Institusi Latihan Swasta yang lain.

Merujuk kepada Jadual 2.2 di bawah, ia nya memaparkan polisi semasa, cabaran dan isu serta strategi dan cadangan yang dicadangkan pada SEAMEO VOCTECH 2012. Daripada Jadual 2.2, kompetensi Pensyarah teknikal merupakan pembolehubah paling penting dalam transformasi pendidikan PLTV dan mereka perlu dilatih dan dididik dengan pengetahuan dan kemahiran yang memenuhi keperluan industri. Menurut Asnul Dahar, Ruhizan (2010), terdapat segelintir tenaga pengajar di institusi PLTV tidak dapat memahami secara saintifik dan mencari jalan penyelesaian yang sesuai dalam kaedah PdP. Penggunaan sumber yang tidak lestari dan tidak diaplikasikan dalam pengajaran antara punca PdP yang kurang bermakna. Pernyataan tersebut selari dengan kenyataan Paryono P. (2010), PLTV memainkan peranan penting dalam melaksanakan dan menggalakkan pembangunan lestari kerana institusi TVET adalah pembekal utama tenaga kerja yang akan berada di barisan hadapan dalam berurusan secara langsung dengan isu-isu kelestarian. Oleh itu, PLTV bukan sahaja mengajar pendidikan untuk pembangunan berterusan tetapi mengamalkannya melalui dasar-dasar dan amalan-amalan yang diterapkan oleh pendidik. Jadual 2.0 yang berikut adalah perincian Amalan dan polisi, isu dan cabaran, strategi dan cadangan PLTV di Malaysia,Hassan (2012).

University of Malaya

Jadual 2.1

Amalan dan polisi, isu dan cabaran, strategi dan cadangan PLTV *di Malaysia - Hassan (2012), www.tvet-online.asia*

Amalan dan Polisi	Isu dan Cabaran	Strategi	Cadangan
• Kementerian Pelajaran mengenal pasti kompetensi guru sebagai salah satu pemboleh paling penting dalam transformasi PLTV. • Di mana pensyarah PLTV perlu dilatih dan dididik dengan pengetahuan dan kemahiran yang berkaitan dengan keperluan industri. • KPM mempunyai dasar 'terbuka' melatih hanya guru-guru vokasional terbaik dan mahir dan • Dasar untuk membangunkan tenaga pengajar yang amat berkesan, termasuk untuk menubuhkan Pusat baru Pengajar dan Kemahiran Lanjutan	• Pelbagai Pusat PLTV namun berbeza operasi, menyebabkan pertindihan kursus dan mewujudkan beberapa kekeliruan. Implikasi untuk penyeragaman latihan dan kelayakan, keberkesanan kos, jaminan kualiti, pengiktirafan pembelajaran terdahulu dan pendidikan lanjutan graduan PLTV, • Kekurangan penyelarasan perkongsian sumber dan artikulasi dalam sistem yang berkesan, • Tiada badan pengawasan tunggal untuk menyediakan gambaran keseluruhan landskap PLTV, • Kekurangan piawaian kelayakan dan • Tidak sepadan *"Demand- Supply"* pensyarah PLTV.	• Agensi Kelayakan Malaysia adalah salah satu daripada badan akreditasi yang memastikan standard latihan dan pendidikan institusi pendidikan guru. • Memperkukuhkan hubungan kerja dengan penyedia PLTV lain dalam dan luar negara; • Memperkenalkan kaedah pengambilan melalui Pengalaman Sebelum Akreditasi Pembelajaran (APEL) dalam guru merekrut dan • Kerjasama dengan kementerian dan jabatan untuk bertukar-tukar kandungan latihan dan untuk mengatur kerjasama lain.	• Mencadangkan satu badan akreditasi untuk menyediakan lesen mengajar profesional. • Guna Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN), sebagai sebahagian daripada latihan lapangan pensyarah PLTV. Kira-kira 70-80% daripada latihan yang dilakukan dalam industri, manakala baki 20-30% itu dijalankan di institusi latihan, menggunakan kurikulum yang dibangunkan oleh Kurikulum Kebangsaan Pekerjaan Teras (NOCC).

University of Malaya

Kompetensi

Employment and Training Administration United States Department of Labor (2015) menyatakan bahawa kompetensi merupakan satu kelompok berkaitan pengetahuan, kemahiran, dan kebolehan yang memberi kesan kepada sebahagian besar daripada tugas seseorang (peranan atau tanggungjawab), yang ada hubung kait dengan prestasi di tempat kerja, yang boleh diukur dengan piawaian yang diterima dan yang boleh diperbaiki melalui latihan dan pembangunan. Selain daripada itu badan ini juga menyatakan kompetensi adalah keupayaan untuk menggunakan satu set pengetahuan yang berkaitan, kemahiran dan kebolehan untuk berjaya melaksanakan fungsi atau tugas dalam persekitaran kerja yang ditetapkan. Kecekapan sebagai asas standard kemahiran yang menentukan tahap pengetahuan, kemahiran dan kebolehan yang diperlukan untuk berjaya dan juga kriteria pengukuran potensi untuk menilai pencapaian.

Wilbers (2010), pembangunan kompetensi standard untuk tenaga pendidik vokasional adalah satu proses yang sukar kerana terdapat hanya beberapa piawaian yang setanding mungkin boleh menjadi model peranan. Dalam hal ini, setiap negara dicabar apabila cuba untuk membangunkan standard khusus untuk guru-guru vokasional. Kompetensi adalah asas untuk fungsi-fungsi sumber manusia yang penting seperti latihan, pembangunan dan pengurusan prestasi. Selain daripada itu, Innovation & Business Skills Australia (2015) menyatakan bahawa kompetensi merupakan piawaian kecekapan menentukan keperluan untuk prestasi kerja yang berkesan dalam ruang lingkup yang meliputi fungsi kerja, aktiviti atau proses. Ia digunakan sebagai asas untuk menentukan hasil pembelajaran dan penanda aras penilaian dalam sektor PLTV manakala piawaian kecekapan dinilai dari segi keberhasilan. Kajian Mahazani

University of Malaya

(2011) kompetensi akan menyediakan satu garis panduan asas untuk pekerja dalam bagaimana mereka harus bertindak dan apa yang mereka harus lakukan.

Menurut Gonczi (2010), berdasarkan konsep bersepadu, konsep kompetensi merujuk kepada segi pengetahuan, kebolehan, kemahiran dan sikap yang dipaparkan secara profesional, yang mempunyai tahap yang sesuai keluasannya. Ciri-ciri utama yang diperlukan untuk prestasi yang layak bagi tugas-tugas utama atau elemen dikenal pasti kemudian. Sifat termasuk kemahiran kognitif (pengetahuan, pemikiran kritis, strategi penyelesaian masalah), interpersonal kemahiran, ciri-ciri afektif dan teknikal , juga kemahiran psikomotor.

Daripada Bauer (2007), Mahazani (2011) menyatakan bahawa jumlah kajian literatur mengenai bidang ini masih sedikit. di mana profil tepat secara teori dan empirik berkenaan profesional guru PLTV masih tidak wujud. Dapatan kajian ini turut menyatakan bahawa pusat latihan pengajar khusus untuk PLTV masih kurang di Malaysia, kebanyakannya semua pensyarah telah lulus dari universiti dengan latar belakang kejuruteraan. Majoriti daripada pensyarah adalah graduan baharu dan tidak mempunyai pengetahuan serta pengalaman dalam pengajaran. Daripada permasalah kajian tersebut maka, kajian Mahazani (2011) yang bertajuk *Development of a New Empirical Based Competency Profile for Malaysian Vocational Education and Training Instructors*, telah berjaya membangunkan profil kompetensi pensyarah elektronik PLTV Malaysia, yang membariskan sembilan puluh lapan kompetensi khas yang diperlukan sebagai pensyarahPLTV khususnya pensyarah kursus elektrik. *Rajah 2.2* merupakan Profil Kompetensi Pensyarah Elektrikal ,PLTV Malaysia yang telah dihasilkan;



Rajah 2.2 : Profil Kompetensi Pensyarah Elektrikal , PLTV Malaysia

Menurut Crichton.T *et al*. (2010), kompetensi merujuk kepada melakukan perkara yang betul pada masa yang tepat dengan cara yang betul dalam situasi kompleks dengan menggunakan dan mengintegrasikan kanan sumber-sumber dalaman dan luaran. Manakala dari kajian Frank JR *et al*. (2010), Kompetensi adalah satu tahap kecekapan yang menggabungkan pelbagai komponen seperti pengetahuan, kemahiran, nilai dan sikap. Ianya merupakan sesuatu kebolehan yang boleh diperhatikan, diukur dan dinilai. Snell L *et al*. (2010) kompetensi professional merupakan sesuatu kecekapan dalam pelbagai kebolehan berdasarkan beberapa domain, prestasi dan dimensi dalam konteks tertentu, yang mana ianya bersifat dinamik, mengikuti perubahan dari masa ke semasa, berkait rapat dengan pengalaman dan penetapan sesuatu tugas. Kompetensi adalah suatu kecekapan untuk melakukan perkara yang betul pada masa yang tepat dengan cara yang betul dalam situasi kompleks dengan menggunakan dan mengintegrasikan sumber-sumber dalaman dan luaran dengan betul.

University of Malaya

Jadual 2.2 di bawah meunjukkan perbandingan Model berasaskan Kompetensi dengan Model Tradisional;

Jadual 2.2

Perbandingan Model berasaskan Kompetensi dengan Model Tradisional

Aspek	**Model Masa Tradisional**	**Model Berasaskan Kompetensi**
Fokus, Struktur dan kandungan	Kandungan, pengetahuan, kemahiran , putaran sikap	Hasil daripada demonstrasi kecekapan berkaitan, peluang pendidikan perbagai cara
Matlamat	Pemerolehan pengetahuan	Aplikasi pengetahuan
Pelaku	Guru kepada pelajar	Guru dan pelajar adalah *" role model"*
Penilaian	Penilaian sumatif	Penilaian formatif
Tempoh selesai	Masa yang ditetapkan	Masa berubah-ubah

Sumber : Tannenbaum D, Kerr J, Konkin J, Organek A, Parsons E, Saucier D, Shaw L, Walsh A. *Triple C competency-based curriculum. Laporan Kumpulan Kerja Siswazah Kurikulum Review-Bahagian 1. Mississauga ON: Kolej Pakar Perubatan Keluarga Kanada; (2011)*

Menurut Marincović (2011) di dalam kajian beliau yang bertajuk *Teacher's competence as the indicator of the quality and condition of education*, kompetensi terbahagi kepada dua iaitu kompetensi asas dan kompetensi khusus. Kompetensi asas menunjukkan spesifikasi profesion keguruan iaitu (i) kompetensi organisasi: keupayaan guru untuk berjaya mengatur aktiviti pendidikan pelajar; (ii) kompetensi diduktif: keupayaan guru untuk memindahkan pengetahuan kepada pelajar-pelajar dengan cara yang akan membuat mereka yang berminat dalam proses pembelajaran; (iii) pemikiran pedagogi: keupayaan refleksif seorang guru yang berkaitan dengan kegiatan yang berkaitan dengan beliau sendiri dan apa jua aktiviti yang dirancang; (iv) kompetensi kognitif kreatif: keupayaan seorang guru untuk menganjurkan satu proses pembelajaran dengan kefahaman dengan pelajar, untuk menyelaraskan matlamat pengajaran dengan

University of Malaya

kebolehan kognitif pelajar; (v) kompetensi psikologi: kompetensi ini membolehkan guru menghormati personaliti yang unik seorang pelajar dalam proses pengajaran; vi) kompetensi menilai: keupayaan guru untuk melihat secara objektif kepada proses pembelajaran dan pencapaian pelajar, hasil kerja sendiri, kerja profesional rakan-rakan, aspek-aspek positif dan negatif dalam sistem pendidikan secara keseluruhan; (vii) Kompetensi nasihat: keupayaan guru sebagai personel rujukan dan panangan; (viii) Kompetensi pembangunan professional keguruan: keupayaan seorang guru untuk membangunkan kemahiran profesional, pengetahuan dan kecekapan keseluruhan kerjayanya dan xi) Kompetensi isi kandungan kursus yang di ajar dan kajian untuk tujuan praktis kendiri. Manakala Kompetensi khusus pula ia mewakili tahap kecekapan guru untuk kandungan subjek yang mereka ajar dan bagi penyelidikan amalan mereka sendiri, untuk mencipta gaya tersendiri pengajaran, dalam fungsi pencapaian yang lebih baik daripada pelajar.

Daripada dapatan kajian Marincović (2011), dapatlah dirumuskan bahawa kompetensi boleh dikategorikan kepada dua bahagian iaitu kompetensi asas dan kompetensi khusus. Kedua-dua kompetensi ini adalah menyentuh kepada spesifikasi profesion keguruan dan spesifikasi kecekapan yang mengkhusus kepada isi kandungan mata pelajaran yang diajar.

Saedah & Mohd Sani (2012) telah memberikan definisi umum kompetensi iaitu ia merupakan keupayaan seseorang untuk mencapai matlamat interaktif, dalam konteks sosial yang khusus, dengan menggunakan cara yang diterima dan menghasilkan natijah yang positif dengan memberikan signifikan kepada unsur yang lain. Kecekapan atau kompetensi bolehlah didefinisikan sebagai kebolehan seseorang mengeluarkan sesuatu

University of Malaya

hasil yang telah dipersetujui bersama melalui terma-terma yang telah ditentukan tahap pengukurannya. Manakala definisi khusus kompetensi, ianya merupakan satu ukuran yang telah ditetapkan bagi seorang guru dalam menguasai pelbagai peringkat kompetensi yang diperlukan untuk memenuhi aspirasi pelajar dan masyarakat.

Daud Ibrahim (2003); Saedah & Mohd. Sani (2012) berpendapat kompetensi bermakna *competence, proficiency, skillful and skill*. Kompetensi ditakrifkan sebagai gabungan aspek pengetahuan, kemahiran dan ciri-ciri peribadi yang perlu dimiliki serta diamalkan bagi melaksanakan sesuatu pekerjaan atau jawatan. Prinsip asas model kompetensi adalah bahawa prestasi seseorang pegawai perkhidmatan awam akan meningkat sekiranya beliau mempunyai semua kompetensi yang diperlukan bagi menjalankan tugas dan tanggungjawab jawatan yang disandangnya. Pengkhususan dalam sesuatu bidang dan kekerapan melaksanakan sesuatu tugas yang akan membolehkan pegawai melaksanakan tugasnya dengan berkesan dan cemerlang.

Tiga komponen kompetensi yang utama yang di nyatakan oleh Saedah & Mohd. Sani (2012) adalah (i) Pengetahuan: Kebolehan pegawai meningkatkan pengetahuan secara berterusan bagi memperbaiki prestasi diri dengan berkesan; (ii) Kemahiran : Kebolehan pegawai mengguna dan memanfaatkan (*ability to use in practice*) pengetahuan dan kemahiran yang diperoleh bagi melaksanakan tugas dengan cemerlang untuk mencapai objektif organisasi dan (iii) Ciri-ciri Peribadi : Nilai-nilai peribadi dan perlakuan (*personal attributes and behaviours*) yang perlu dihayati dan diamalkan oleh pegawai perkhidmatan awam.

University of Malaya

Di dalam kajian Wahba (2013) di dalam kajian beliau yang bertajuk *Competence Standards for Technical and Vocational Education and Training (TVET),* kompetensi ditakrifkan sebagai kesiagaan individu untuk menggunakan, mengaplikasikan dan menunjukkan penguasaan berkaitan, pengetahuan, kemahiran dan sikap yang diperlukan untuk melaksanakan tugas-tugas dan tanggungjawab yang boleh diukur dengan piawaian yang diterima pada peringkat tertentu. Kecekapan ini memberi kesan kepada tanggungjawab pekerjaan individu dan prestasi di tempat kerja dan ianya terbahagi kepada dua kategori iaitu teknikal dan tingkah laku. Wahba (2013) telah menyenaraikan sebanyak lima aspek utama takrifan kompetensi iaitu: (i) mana-mana tugas atau sesuatu pekerjaan boleh berkesan dan cukup diterangkan dalam syarat-syarat Tugas pekerja berjaya dalam pekerjaan yang melaksanakan; (ii) semua tugas mempunyai implikasi langsung berkaitan kesiagaan, pengetahuan, kemahiran dan sikap perlu di miliki oleh pekerja untuk menjalakan tugas dengan betul; (iii) penilaian dibuat pada bagaimana individu itu benar-benar melaksanakan kerja; (iv) seorang individu dikatakan tidak kompeten selagi mereka tidak boleh mengunakan pengetahuan dan kemahiran yang sewajarnya ditempat kerja walaupun mempunyai pengetahuan yang banyak dan (v) penilaian mestilah objektif dengan melaksanakannya terhadap definisi tahap standard kompetensi.

Daripada pemerhatian takrif kompetensi oleh Wahba (2013) dapatlah disimpulkan bahawa kompetensi adalah kecekapan yang lebih formal, sesuatu proses yang objektif, menilai prestasi dengan jelas, mengetahui apa yang sedang dinilai dan bagaimana ia dinilai. Ianya merupakan pendekatan agak berbeza daripada kebanyakan amalan penilaian prestasi masa lalu digunakan dalam industri.

University of Malaya

Penentuan tahap kompoetensi juga ada dibincangkan di dalam Bab 3, Pengurusan Pembangunan Profesionalisme, Program Transformasi Daerah (DTP), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM, 2017), iaitu (i) pembangunan profesionalisme yang berterusan penting bagi memastikan kesemua pegawai pendidikan melengkapkan diri dengan pengetahuan, kemahiran dan nilai serta amalan profesionalisme, (ii) penekanan latihan bagi memperoleh pengetahuan dan kemahiran terkini yang menepati keperluan kompetensi abad ke-21, (iii) meningkatkan kompetensi sebagai pembimbing dan (iv) memperoleh maklumat terkini berkaitan perkembangan bidang pendidikan supaya kekal relavan dengan keperluan pendidikan semasa. Selain daripada itu juga Program DTP ada menarafkan penentuan tahap kompetensi iaitu (i) Guru Baharu (*Novice*) guru imersif yang baharu mendapat pendedahan selama 6 bulan atau kerang, (ii) Guru Lebih Maju (*Advance Beginner*), guru pelaksana, mendapat pendedahan dan latihan melebihi 6 bulan sehingga 1 tahun, (iii) Guru Cekap (*Proficient*), guru sebagai pembimbing, mendapat pendedahan, latihan serta pengalaman di antara 1 hingga 2 tahun, (iv) Guru Mahir (*Expert*), Guru sebagai perancang, mendapat pendedahan, latihan serta pengalaman sekurang-kurangnya 2 hingga 3 tahun, dan (v) Guru Pakar (*Mastery*), guru sebagai pencetus idea baharu, mendapat pendedahan, latihan serta pengalaman melebihi 3 tahun. Penentuan tahap kompetensi yang dinyatakan di dalam Program DTP KPM ini maka ia merupakan idea yang kukuh dan amat bersesuaian kajian standard kompetensi ini dilaksanakan, khususnya kompetensi Pensyarah Kolej Vokasional.

Selanjutnya perincian dalam Jadual 2.3 di bawah merupakan matriks perbandingan sorotan kajian lalu yang dirujuk;

University of Malaya

Jadual 2.3

Perbandingan Sorotan Kajian Kompetensi PLTV

Perbandingan kajian kompetensi pensyarah PLTV							
Sarjana	Kagaari , Roberts *et al*. (2007)	Mohammad Sattar *et al*. (2009)	Mahazani (2011)	Marincović (2011)	Wahba (2013)	Wan NoorAini, (2016)	Nor Hayati 2018
Tajuk Kajian	Kompetensi Penyeliaan Latihan Industri Pengajar Teknikal	Aspek Kompetensi dan Kemahiran Kebolehpasaran di Malaysia	Profil Kompetensi Pensyarah TVET (Elektrikal) , Politeknik, Malaysia	Kompetensi Tenaga Pengajar Teknikal	Standards Kompetensi untuk Pengajar TVET	Kompetensi Profesional Pengajar Teknikal Politeknik Malaysia	Reka bentuk Model Standard Kompetensi Pensyarah Kolej Vokasional Malaysia
Domain/ Dimensi Kompetensi	Penyeliaan Latihan Industri	• Kemahiran Interpersonel • Kemahiran Berfikir Kualiti Personel • Pengurusan Sumber • Kemahiran Asas • Kemahiran Informasi • Kemahiran Sistem Teknologi	**Kemahiran Am** • Pengetahuan Profesional dan Kemahiran • Penguasaan BI • Penguasaan ICT • Pengurusan prog • Pengurusan Pelajar • Penilaian danPencapaian pelajar • Pengurusan kelas dan bengkel • Kaedah dan ABM • Pengajaran **Kemahiran Teknikal** • Penguasaan Teknikal Kursus Elektrik	**Kompetensi Asas** **Kompetensi :** • Organisasi • Diduktif • Pemikiran pedagogi • Kognitif kreatif • Psikologi • Menilai • Nasihat • Pembangunan professional keguruan • Isi kandungan **Kompetensi Khusus** • Tahap kecekapan guru dalam kandungan subjek	• Aras 1: Kesiagaan • Aras 2: Pengetahuan • Aras 3: Kemahiran • Aras 4: Penguasaan	**Kompetensi Am** • Pengetahuan dan Kemahiran • Profesional • Perancangan dan • Perlaksanaan Pengajaran • Perhubungan interpersonal **Kemahiran Teknikal** • PengamalanProsedur kerja ISO • Penyeliaan latihan Industri Pelajar	**Kompetensi Asas** **Profesionalisme** • Etika Profesional • Sahsiah • Potensi • KPP **Kemahiran Generik** • Komunikasi • Kerja Kumpulan • Penyelesaian Masalah • Buat Keputusan • Interpersonel • Pengurusan • Keusahawanan • ICT **Kompetensi Khusus** **Kemahiran Teknikal** **Kemahiran Pedagogi**

University of Malaya

Model Kompetensi

Mengikut keperluan kajian ini sebanyak empat Model Kompetensi yang disandarkan sebagai kerangka teori kajian sebagaimana yang telah dinyatakan di dalam Bab Satu.

model kompetensi, mclagan (1991). Terdapat beberapa model kompetensi yang boleh dijadikan rujukan atau tanda aras dalam menilai prestasi individu dalam melaksanakan kerja melalui pendekatan pendidikan teknikal dan vokasional. Antara model yang boleh dirujuk ialah model kompetensi yang diadaptasi dan diubahsuai daripada *Model for HRD Practice,* McLagan (1989). *Model for HRD Practice* ini merupakan rujukan bagi memudahkan penilaian dijalankan terhadap individu atau organisasi (McLagan, 1991; Kahirol, 2011) . Prinsip asas model kompetensi ini menerangkan bahawa prestasi individu akan meningkat sekiranya mereka memiliki semua ciri-ciri kompetensi yang diperlukan dalam melaksanakan tugas atau tanggung jawab yang diberikan. Ciri kompetensi dalam penilaian model ini merujuk kepada pengetahuan, kemahiran dan tingkah laku yang perlu ada pada individu bagi melaksanakan sesuatu tugas atau tanggung jawab. Keberkesanan Model McLagan terhadap kompetensi ini telah dibuktikan oleh pengkaji terdahulu (Holton &Trott, 1996; Kahirol, 2011), yang telah mengkaji tahap kompetensi pelajar yang mengikuti program Pendidikan Teknikal dan Vokasional di *Lousiana State University* Amerika Syarikat .

Model kompetensi McLagan dibahagikan kepada empat peringkat utama iaitu Kompetensi Teknikal, Kompetensi Perniagaan, Kompetensi Interpersonal dan Kompetensi Interlektual. Walau bagaimanapun tujuh (7) daripada sepuluh (10) sub

University of Malaya

kompetensi yang melibatkan Kompetensi Teknikal dihuraikan secara eksplisit sebagai elemen saranan dalam kertas konsep ini iaitu; (i) kefahaman pembelajaran dewasa: Kompentensi ini menguji kefahaman pelajar dewasa serta mengenal pasti tahap keperluan dan penggunaan kemahiran, pengetahuan, serta sikap dalam proses pembelajaran. Ia juga berkaitan dengan kefahaman pengajar tentang kaedah memahami pelajar dewasa belajar dengan cara yang berbeza di antara satu sama lain. Pembelajaran dewasa lebih kepada *self-directed learning*. Oleh yang demikian, penilaian yang perlu dijalankan haruslah secara berterusan dan mengambil kira pengalaman yang telah mereka lalui; (ii) teknik kefahaman dan teori pembentukan kerjaya: Pengetahuan adalah sesuatu yang berkaitan dalam pembentukan kerjaya. Ia juga menekankan aspek-aspek kefahaman individu dalam membentuk kerjaya masa hadapan. Secara keseluruhannya ia merupakan gabungan di antara kebolehan, teknik kefahaman dan kaedah yang digunakan dalam pembangunan kerjaya; (iii) kemahiran mengenal pasti kompetensi: Mengenal pasti pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk menyelesaikan sesuatu pekerjaan, tugasan serta mengetahui fungsi sebenar kedudukan individu dalam organisasi. Ia melibatkan tugasan dan arahan yang diterima daripada majikan. Kebolehan pekerja dalam menyelesaikan sesuatu tugasan banyak dipengaruhi oleh kemahiran, pengetahuan dan pengalaman yang dimiliki. Ini dapat menunjukkan aras kompetensi yang dimiliki oleh seseorang pekerja; (iv) kemahiran penilaian: Menentukan keberkesanan sesuatu latihan dan kesannya terhadap organisasi. Peningkatan terhadap kualiti dan hasil kerja dipengaruhi oleh latihan yang diperolehi oleh pekerja. Walau bagaimanapun majikan kerap kali lupa untuk menilai kesan latihan yang diberi kepada pekerja. Kemahiran penilaian akan membantu majikan untuk mengenalpasti latihan dan kursus yang sesuai dan juga latihan susulan yang

University of Malaya

berkesan bagi seseorang pekerja. Bagi organisasi yang berkesan setiap pekerja yang dihantar menjalani latihan atau berkursus haruslah memberi latihan semula atau sekurang-kurangnya menyediakan latihan kepada rakan-rakan sekerja yang lain; (v) kemahiran penyediaan objektif: Menyediakan pernyataan yang lengkap dan spesifik yang berkaitan dengan hasil kerja yang ingin dicapai. Objektif yang disasarkan atau ditetapkan haruslah objektif yang boleh dicapai. Ia terdiri daripda objektif secara umum, objektif secara khusus dan juga penentuan latihan sekiranya perlu bagi mencapai setiap objektif khusus. Kemahiran ini juga melibatkan penyediaan objektif jangka pendek dan objektif jangka panjang. Kemahiran dalam menyediakan objektif akan menjadikan seseorang pekerja fokus dengan tugasan yang diberikan oleh majikan; (vi) kemahiran penyelidikan: Memilih, membangunkan dan menggunakan metodologi yang sesuai seperti statistik dan pengumpulan data bagi pertanyaan serta tugasan yang diberikan dalam bentuk formal. Kemahiran penyelidikan akan membantu meningkatkan tanda aras yang telah ditetapkan. Ia adalah sebahagian daripada penambahbaikan pada sistem yang sedia ada. Kemahiran ini akan memudahkan majikan melihat peningkatan atau keperluan kompetensi berdasarkan penyelidikan yang telah dijalankan. Ia juga menyediakan ruang bagi melihat dan mengkaji *trend* pekerja dalam melaksanakan tugasan yang diberi; (vii) teori latihan dan pembangunan dan teknik pemahaman: Mengetahui teori dan kaedah yang sesuai digunakan dalam latihan dan pembangunan sesebuah organisasi serta menggunakan teknik pemahaman yang sesuai dan tepat. Ini dapat menjimatkan masa dan kos apabila seseorang pekerja memerlukan latihan tambahan kepada pengetahuan dan kemahiran sedia ada. Teknik ini juga merupakan suatu keperluan kepada menyediakan latihan dan kursus yang sesuai kepada pekerja. Majikan boleh menyediakan perancangan bagi latihan

University of Malaya

dan pembangunan staf dengan mengambil kira peningkatan yang disasarkan pada tahun penilaian.

model pembangunan kompetensi, *international board of standards for training, performance and instruction (IBSTPI, 2003).* *International Board of Standards for Training, Performance and Instruction* (IBSTPI, 2003), bertindak sebagai sebuah badan khas untuk meningkatkan prestasi dalam profesion yang berkaitan dengan latihan dan pengajaran (2003). Badan khas ini Ianya bertujuan untuk membina kompetensi berdasarkan standard yang dikenal pasti, tugasan ini telah dipertanggungjawabkan kepada sebuah badan akademik yang diwakili oleh ahli-ahli professional negara Asia, Australia, Kanada, Eropah dan Amerika Syarikat (Wan Noor Aini & Mohd Sani, 2016). Kompetensi merupakan satu set integrasi kemahiran, pengetahuan dan sikap yang membolehkan seseorang untuk melaksanakan aktiviti sesuatu kerja atau kefungsian tugas yang diberi dengan berkesan sehingga ke tahap piawaian yang diinginkan (IBSTPI, 2003; Wan Noor Aini &Mohd Sani, 2016). Definisi kompetensi menurut IBSTPI ini, kompetensi sebagai prestasi kerja yang dapat diukur dengan standard yang ditetapkan dan mengikut profesionalisme sesuatu pekerjaan, yang mana sudah pasti proses pembangunan dan pengesahan kompetensi yang dijalankan dengan teliti serta mengambil masa yang panjang. Standard yang dikenal pasti adalah berdasarkan Model Pembangunan Kompetensi IBSTPI seperti di dalam *Rajah 20* di bawah.

University of Malaya



Rajah 2.3 : Model Pembangunan Kompetensi IBSTPI

Berdasarkan *Rajah 2.3* di atas, pendekatan yang diambil oleh Model Pembangunan Kompetensi IBSTPI (2003), sesuatu profesion bermula dengan mengenal pasti spesifikasi sesuatu pekerjaan, Setelah spesifikasi kerja dikenal pasti, proses seterusnya ialah menentukan amalan serta standard semasa bagi pekerjaan tersebut. Proses ini memudahkan lagi tugas untuk menetapkan kompetensi yang diperlukan bagi memenuhi keperluan sesuatu tugas. Langkah yang diambil ialah dengan mengenal pasti ciri pengetahuan, kemahiran dan sikap yang perlu dizahirkan dan diaplikasi semasa menjalankan tugas tersebut (Hong, Jung, 2011; Wan Noor Aini & Mohd. Sani, 2016). Proses pembangunan Model IBSTPI, merupakan sesuatu proses yang menyeluruh , merangkumi pengetahuan, kemahiran dan sikap yang digarapkan dengan perspektif yang lebih luas dengan mengambil kira aspek-aspek seperti (i) amalan-amalan terkini dan standard sedia ada yang relavan dengan

University of Malaya

profesion tersebut; (ii) penilaian terhadap bidang tugas dan perkembangan masa hadapan dan (iii) faktor-faktor budaya, sosial dan ekonomi (Klien & Richey, 2005).

Sebagai rumusan daripada Model Pembangunan Kompetensi IBSTPI (2003) ini amalan professional mengikut standard dan kompetensi yang ditetapkan, memberi jaminan terhadap kualiti dan kebertanggungjawaban dalam sesuatu profesion.

model *ice berg,* mcclelland (1993); kumpulan hay mc ber (2005). Model ini Kumpulan Hay Mc Ber (2005), kompetensi merupakan *Ice Berg* di mana kemahiran dan pengetahuan terletak di hujung *Ice Berg* dan berada di atas paras air. Manakala,ciri-ciri peribadi adalah terletak di bawah paras air dan sukar diketahui. Walau bagaimanapun, kemahiran dan pengetahuan walaupun perlu untuk menjalankan sesuatu kerja, ia tidak membezakan prestasi yang dihasilkan. Elemen perilaku yang ditentukan oleh ciri peribadi yang mana ciri-ciri ini adalah yang tersembunyi merupakan faktor penting yang akan membezakan pekerja berprestasi tinggi dan pekerja berprestasi biasa. Dengan kata-kata lain, pengetahuan dan kemahiran adalah merupakan komponen kompetensi yang mudah dilihat dan dikenal pasti manakala ciri-ciri peribadi merupakan komponen pendukung yang sukar dilihat dan kenal pasti tetapi adalah merupakan faktor penting dalam mewujudkan pegawai cemerlang yang mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan dalam sesuatu jawatan.

Daripada Rajah 2.1 di bawah, Model Kompetensi *Ice Berg* di atas, terdapat dua jenis kompetensi. (i) Kompetensi Umum (*Generic Competencies*): Merupakan

University of Malaya

pengetahuan, kemahiran dan ciri-ciri peribadi serta tata kelakuan yang perlu dimiliki oleh setiap anggota dalam sesuatu perkhidmatan berkenaan dan (ii) Kompetensi Khusus (*Functional Competencies):* Merupakan pengetahuan, kemahiran dan ciri-ciri peribadi yang spesifik bagi menjalankan tugas dan tanggungjawab bagi sesuatu jawatan dan kumpulan jawatan.



Rajah 2.4 : Model Kompetensi *Ice Berg*

Komponen kompetensi merujuk kepada *Rajah 2.4* di atas digambarkan secara ilustrasi oleh Hay McBer (2005), Saedah & Mohd Sani (2012) di dalam Model *Ice Berg* adalah kemahiran dan pengetahuan selalunya diperolehi melalui kursus atau latihan dan boleh dikaitkan dengan kelayakan akademik. Pembangunan ciri-ciri peribadi seseorang pekerja adalah lebih mencabar dan perlu diberi penekanan khusus bagi mencapai kejayaan yang diharapkan melalui latihan dan pembangunan.

Menurut model ini, kompetensi merupakan sesuatu bongkah ais *(Ice Berg):* kemahiran dan pengetahuan terletak di hujung bongkah ais dan berada di atas paras air. Manakala, ciri-ciri peribadi adalah terletak di bawah paras air dan sukar diketahui. Walau bagaimanapun, kemahiran dan pengetahuan walaupun perlu untuk menjalankan sesuatu kerja, ia tidak membezakan prestasi yang dihasilkan. Elemen perilaku yang ditentukan oleh ciri-ciri peribadi iaitu ciri yang tersembunyi merupakan faktor penting yang akan membezakan pekerja berprestasi tinggi dan pekerja berprestasi biasa. Dengan kata-kata lain, pengetahuan dan kemahiran adalah merupakan komponen kompetensi yang mudah dilihat dan dikenal pasti manakala ciri-ciri peribadi merupakan komponen pendukung yang sukar dilihat dan kenal pasti tetapi adalah merupakan faktor penting dalam mewujudkan pegawai cemerlang yang mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan dalam sesuatu jawatan.

Model Kompetensi *Ice* Berg didokongi oleh dua kompetensi, iaitu (i) Kompetensi umum (*Generic Competencies*): Merupakan pengetahuan, kemahiran dan ciri-ciri peribadi serta tata kelakuan yang perlu dimiliki oleh setiap anggota dalam sesuatu perkhidmatan berkenaan dan (ii) Kompetensi Khusus (*Functional Competencies):* Merupakan pengetahuan, kemahiran dan ciri-ciri peribadi yang spesifik bagi menjalankan tugas dan tanggungjawab bagi sesuatu jawatan dan kumpulan jawatan. Daripada Model Kompetensi *Ice Berg* di atas, dapat diperhatikan bahawa kompetensi di bawah aras permukaan air, adalah kompetensi yang sukar diperhatikan dan sukar di ukur dan sukar untuk diubah. Namun ia merupakan keupayaan diri juga penentu kecemerlangan seseorang.

model teori modal insan, gary s.becker (1993); swanson & holton iii (2011). Teori modal insan adalah amat rapat kepada bagaimana mencari cara untuk mengukur modal insan serta kadar pulangan daripada pelaburan dalam modal insan samada kepada individu dan kepada ekonomi secara keseluruhannya, Gary S. Becker,(1993), Swanson & Holton III (2011). Manakala konsep modal insan merujuk kepada pendidikan, latihan dan pengalaman berkaitan tenaga kerja, yang mana hasil daripadanya memberi faedah kepada lain dari masa ke masa untuk sesuatu jangka masa yang panjang. Modal insan adalah pengetahuan dan kemahiran yang dimiliki seseorang yang meningkatkan keupayaannya untuk menjalankan aktiviti dengan nilai ekonomi (Sung Jun Jo, 2005). Daripada Buku Rasmi Tahunan Malaysia (2006), modal insan merujuk kepada individu yang berilmu, berkeyakinan, mempunyai nilai murni, inovatif, berdisiplin, bersemangat patriotik, cekal dan berdaya saing.

Menurut Norain & Nooriah (2011) modal insan merupakan faktor pengeluaran yang penting dalam semua aktiviti ekonomi. Keperluan terhadap modal insan yang pelbagai menggambarkan peri pentingnya pembangunan modal manusia yang sesuai dengan keperluan pasaran pekerjaan. Ini adalah kerana modal insan mempunyai kaitan yang rapat dengan pertumbuhan ekonomi dan sebagai penggerak kepada ekonomi dalam era globalisasi. Ini diperkukuhkan lagi oleh Venhorst et al. (2010) bahawa modal insan merupakan kunci kepada teori pertumbuhan ekonomi moden. Kepentingan pendidikan ini telah membawa kepada inisiatif kerajaan untuk mengukuhkan sistem pendidikan melalui peruntukan pendapatan negara untuk tujuan pembangunan pendidikan. Pembangunan pendidikan terutamanya pada peringkat tinggi adalah sangat penting dalam pembinaan modal insan yang lebih

University of Malaya

produktif untuk meningkatkan produktiviti ekonomi. Tambahan pula pembinaan modal insan pada peringkat ini menjadi teras dalam menjana ekonomi negara yang berasaskan pengetahuan.



Rajah :2.5 Model Teori Modal Insan

Merujuk kepada *Rajah 2.5* di atas, Model Teori Modal Insan terdiri daripada tiga (3) hubungan iaitu; (i) Hubungan 1: mewakili konsep fungsi pengeluaran seperti yang digunakan untuk pendidikan dan latihan. Anggapan utama yang mendasari hubungan ini ialah pelaburan dalam pendidikan dan hasil latihan dalam meningkatkan pembelajaran. Hubungan 1 merangkumi pembolehubah modal insan yang dinilai menggunakan analisis kos efektif, (ii) Hubungan 2: mewakili hubungan modal insan antara pembelajaran dan peningkatan produktiviti. Anggapan utama yang mendasari hubungan ini ialah peningkatan pembelajaran yang mengakibatkan peningkatan produktiviti, dan (iii) Hubungan 3: mewakili hubungan modal insan

University of Malaya

antara peningkatan produktiviti dan peningkatan upah serta pendapatan perniagaan. Andaian utama yang mendasari hubungan ini adalah bahawa produktiviti yang lebih besar tidak, sebenarnya, menghasilkan gaji yang lebih tinggi untuk individu dan pendapatan untuk perniagaan. Hubungan modal insan yang sama penting yang diwakili oleh hubungan 3 ialah antara proses kewarganegaraan yang terjejas oleh pendidikan dan meningkatkan keberkesanan sosial. Rajah 2.3 berikut merupakan Model Modal Insan oleh Kuchař (2007).



Rajah 2.6: Model Modal Insan

Daripada Model modal Insan oleh Kuchař (2007) seperti dalam *Rajah 2.6* di atas, elemen yang telah dikenal pasti dalam pembangunan modal insan adalah, ciri-ciri individu, pengalaman kerja, tahap pendidikan, kriteria tugas semasa, kelayakan dan kedudukan di dalam pasaran kerja. Elemen kegembiraan merupakan "*outcome"* yang diharapkan berpanjangan suatu jangka masa panjang pembangunan modal insan. seseorang individu yang terlibat secara langsung di dalam pembangunan modal insan.

University of Malaya

Menurut Gary S. Becker (1993), Kuchař (2007), pembangunan modal insan boleh berupa pelaburan dalam pendidikan atau beberapa bentuk latihan kerja untuk meningkatkan kualiti tenaga kerja. Pelaburan tersebut memberi pulangan kepada individu dan juga kepada ekonomi secara keseluruhannya. Gary S. Becker (1993), juga ada nyatakan bahawa pendidikan dan latihan merupakan perlaburan modal insan yang terpenting. Justeru secara tidak langsung ia memberi impak dari segi ekonomi, produktiviti dan pendapatan yang lebih tinggi. Rasional di sebalik pelaburan modal insan generasi baharu berhak mendapat peluang pendidikan sepertimana generasi sebelumnya. Generasi baru perlu diajar bagaimana menggunakan pengetahuan sedia ada untuk membangunkan produk, memperkenal proses membangunkan produk, memperkenal proses dan kaedah pembuatan baru serta perkhidmatan sosial. Rakyat digalakkan membangunkan idea baru sepenuhnya melalui produk, proses dan kaedah melalui pendekatan kreatif (Babalola, 2003).

Selanjutnya daripada kajian Theodore W. Schultz (1998), Sarjit Kaur (2010), Norain & Nooriah (2011) Swanson & Holton III (2011) kepentingan pembangunan modal insan di antaranya adalah: (i) menyediakan sumber tenaga yang berkualiti, (ii) menyediakan masyarakat berdaya saing dalam ekonomi, (iii) melahirkan masyarakat yang tinggi nilai, (iv) Melahirkan masyarakat yang tinggi nilai rohaninya dan berdisiplin, (v) penambahbaikan terhadap sistem pendidikan, dan (vi) melahirkan generasi yang mahir menggunakan pengetahuan untuk membangunkan produk, perkhidmatan serta kaedah pembuatan baru.

University of Malaya

Daripada Model Modal Insan yang telah dibincangkan di atas dapat dirumuskan ia adalah amat berkaitan dengan tujuan kajian ini kerana modal insan dapat dibentuk dengan adanya pendidikan, modal insan yang mempunyai tahap pendidikan yang tinggi akan menjana pendapatan yang lebih tinggi dan modal insan boleh dibangunkan melalui pengalaman semasa bekerja.

model kompetensi industri pembinaan dan industri komersial (mkipik) (2014). Merujuk kepada *Residential Construction Industry Competency Model* (2014), pembinaan MKIPIK digambarkan adalah grafik berhierarki yang terdiri daripada enam peringkat. Susunan peringkat dalam bentuk piramid bukan bermaksud untuk menjadi hierarki, atau membayangkan bahawa kompetensi pada bahagian atas adalah di peringkat yang lebih tinggi kemahiran. Bentuk model mewakili pengkhususan yang semakin meningkat dan kekhususan dalam aplikasi kemahiran yang anda bergerak sehingga peringkat. Peringkat 1- 6 telah dibangunkan dan dibahagikan kepada beberapa bahagian blok. Blok mewakili bidang kompetensi, iaitu, pengetahuan, kemahiran, dan kebolehan untuk prestasi yang berjaya dalam industri pembinaan komersial. Satu jadual definisi kecekapan dan tingkah laku utama yang berkaitan digambarkan di dalam grafik berikut. Daripada *Rajah 2.7*, di bawah didapati ia mempunyai enam tahap pemeringkatan kompetensi. Kompetensi keberkesanan peribadi merupakan kompetensi yang mendasari keseluruhan kompetensi. Kompetensi yang menyokong adalah (i) kompetensi berkesan personal, (ii) kompetensi akademik; (iii) kompetensi di tempat kerja; (iv) kompetensi teknikal luas-industri; (v) kompetensi sektor industri (vi) keperluan kerjaya dan (vii) kompetensi pengurusan.

University of Malaya



Rajah 2.7 : Model Kompetensi Industri Pembinaan dan Industri Komersial (MKIPIK)

Pembinaan MKIPIK yang digambarkan dalam gambaran yang terdiri daripada enam peringkat. Susunan peringkat bermaksud untuk menjadi hierarki atau membayangkan bahawa kompetensi pada bahagian atas adalah di peringkat yang

lebih tinggi kemahiran. MKIPIK terbahagi kepada 6 tahap seperti yang diperincikan di atas.

tahap 1- kompetensi keberkesanan personal. Kompetensi pada tahap ini adalah terdiri daripada (i) Kemahiran Interpersonel: Kemahiran yang dipamerkan untuk bekerja dengan orang lain daripada pelbagai latar belakang. (ii) Integriti: Mengaplikasikan etika industri serta kelakuan baik di tempat kerja. Selain daripada iti perlu bersifat jujur, adil dan rasa hormat. Rasa bertanggungjawab untuk mencapai matlamat kerja dalam jangka masa yang ditetapkan dan bertanggungjawab terhadap keputusan dan tindakan yang diambil. (iii) Profesionalisme: Berpuas hati hasil kerja diri sendiri dan organisasi. Kemahiran mengawalan emosi kendiri serta sedia menerima kritikan dan berurusan dengan tenang walaupun dalam keadaan tertekan. Selain daripada itu berpakaian sesuai untuk tempat kerja, mengamalkan gaya hidup sihat. (iv) Inisiatif: Kesediaan belajar sendiri. Berusaha melakukan tugas dengan cemerlang serta tabah menghadapi halangan tugas. Juga melaksanakan kerja dengan berkesan walaupun tiada pengawasan pihak atasan. Semakin daripada itu berupaya menerima sebarang perubahan dan berinisiatif dengan tanggungjawab baru dan mengekalkan matlamat kerja yang mencabar tetapi realistik. (vi) Kebolehpercayaan: Memaparkan tingkah laku yang bertanggungjawab di tempat kerja. Bertanggungjawab tiba di tempat kerja tepat pada masa yang ditetapkan malah elakkan ketidakhadiran. Berupaya bekerja di bawah tekanan, mematuhi kaedah, dasar dan prosedur tempat bekerja yang boleh membantu menyelesaikan tugasan dengan lengkap mengikut tarikh yang ditetapkan. (vii) Kesediaan untuk Belajar: Memahami kepentingan mempelajari maklumat baharu untuk penyelesaian masalah dan membuat keputusan. Positif dengan keadaan yang tidak dijangka

sebagai peluang untuk belajar dan terbuka menerima tunjuk ajar daripada penyelia dan rakan sekerja.

tahap 2: kompetensi akademik. (i) Membaca: Membaca dan memahami dokumen teknikal seperti kontrak, peraturan-peraturan, manual, laporan, memo, borang, graf, carta, jadual, kalendar, jadual, tanda-tanda dan notis. Memahami arahan operasi, arahan pemasangan dan prosidur operasi standard. Memahami ayat bertulis dan perenggan dalam dokumen yang berkaitan dengan tugas. (ii) Penulisan: Menggunakan Bahasa Inggeris atau bahasa yang difahami untuk menyusun maklumat dan menyediakan dokumen-dokumen secara bertulis. Berupaya menggunakan idea, maklumat dan mesej yang mengandungi maklumat teknikal secara logik. Selain daripada itu menyediakan anggaran bertulis, arahan kerja, memo dan laporan teknikal serta dokumen untuk mematuhi keperluan projek. (iii) Matematik: Penggunaan prinsip matematik seperti aritmetik, algebra, dan geometri untuk menyelesaikan masalah. Pengoperasian Matematik yang terlibat adalah pengiraan Pengaplikasian operasi tambah, tolak, darab, dan bahagi serta nombor bulat, pecahan, perpuluhan, dan peratus. Pengukuran dengan mengambil kira struktur jarak, panjang, lebar, perimeter dan juga penukaran unit. Selain daripada itu mahir membuat anggaran iaitu anggaran saiz objek, jarak dan ketepatan kuantiti. kebolehan menggunakan dimensi dan ruang pengiraan struktur untuk menganggarkan sumber, bahan-bahan dan bekalan yang diperlukan untuk menyiapkan projek. (iv) Sains: Penggunaan kaedah saintifik dan peraturan untuk menyelesaikan masalah dalam memahami prinsip saintifik yang kritikal dalam profesion teknologi pembinaan seperti Fizik, Kimia, Geologi dan Sains Alam Sekitar, Hidraulik, Hidrologi dan Kejuruteraan. Juga dapat memahami tindak balas

University of Malaya

kimia, rinsip fizikal seperti daya, geseran dan tenaga. (v) Komunikasi-Visual dan Verbal: Mendengar, bercakap dan memberi isyarat supaya orang lain boleh faham. Berkomunikasi dalam bahasa Inggeris dengan baik, cukup untuk difahami oleh orang lain. Bertutur dengan jelas dan ringkas untuk menyampaikan maklumat dengan betul. Berjaya memahami istilah yang dituturkan di tapak pembinaan serta menguasai pengetahuan tentang slanga yang berkaitan dengan kursus Teknologi Pembinaan. (vii) Kemahiran Asas Komputer: Menggunakan komputer dan aplikasi yang berkaitan dengan input, menyimpan dan mendapatkan maklumat dalam melaksanakan tugas. Memahami program, sistem operasi komputer serta memahami istilah komputer yang berkaitan dengan profesion pembinaan. Kemahiran penggunaan hamparan dan pangkalan data aplikasi, selain memasukkan data dan jenis bahan dengan cepat dan tepat.

tahap 3- kompetensi di tempat kerja. (i) Kerjasama: Kerjasama sepasukan untuk melaksanakan tugasan dengan berkesan serta menyelesaikan konflik dengan rakan sekerja untuk mengekalkan aliran kerja yang lancar. Selain daripada itu mempunyai rasa tanggungjawab sebagai ahli pasukan dan membantu ahli-ahli pasukan bekerja. (ii) Akur Arahan: Menerima, memahami, dan melaksanakan tugasan dengan pengawasan yang minima. Menerima, mentafsir, memahami, dan bertindak balas terhadap mesej lisan dan isyarat lain selain daripada memahami arahan kompleks. Juga berkemahiran memahami dan mengikuti langkah-langkah yang digunakan dalam kerja-kerja pembinaan. (iii) Mengikuti Perancangan dan Jadual: Menerima, memahami dan melaksanakan tugasan mengikut turutan aliran kerja yang dirancang. Memahami proses kerja selain daripada memahami hubungan antara sumber dan keperluan projek. Merancang proses kerja termasuk

University of Malaya

memperuntukkan masa dan sumber dengan berkesan mengikut jadual yang ditetapkan. Berupaya menganggar masa untuk melaksanakan aktiviti bagi menyelesaikan tugas tepat pada masanya dan mencapai matlamat tertentu. Menyediakan maklumat terkini bahan yang digunakan keperluan yang diperlukan untuk menyiapkan sesuatu projek. (iv) Penyelesaian masalah dan membuat keputusan: Menggunakan kemahiran pemikiran kritis untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi di tempat kerja. Mengenal pasti masalah dan menentukan isu-isu kritikal, meyelesaikan dengan pelbagai pendekatan dan mengkaji semula maklumat yang berkaitan dengan punca masalah. Menilai kembali hasil penyelesaian untuk penambahbaikan. (v) Bekerja dengan Peralatan Teknologi: Aplikasi peralatan teknologi untuk memudahkan aktiviti kerja mengenal pasti alat-alat yang sesuai untuk tugas. Menentu dan memilih alat, teknologi, jentera dan kelengkapan bersesuaian dengan kerja yang diberikan. Selain daripada itu mahir mengenal pasti bahaya yang mungkin timbul berkaitan dengan penggunaan alatan teknologi. (v) Amalan Lestari: Memenuhi keperluan masa kini tanpa menjejaskan keupayaan generasi akan datang untuk memenuhi keperluan mereka. Mematuhi peraturan, melindungi kepentingan awam, mastikan peralatan dan sistem dikendalikan optimum bagi meminimumkan kesan alam sekitar. Selain daripada itu berusaha untuk meningkatkan proses kawalan dan pencegahan pencemaran. Berkemahiran menggunakan kemajuan dalam Sains dan Teknologi untuk meningkatkan tahap kecekapan dan perlindungan alam sekitar.

tahap 4 : kompetensi teknikal industri-luas. (i) Bangunan dan Reka Bentuk Pembinaan: Memahami langkah yang terlibat dalam mereka bentuk projek-projek pembinaan. Mahir mentafsir dokumentasi, arahan terperinci, lukisan atau spesifikasi

University of Malaya

berkenaan bangunan. Mengenali kejuruteraan seni bina dan prinsip asas struktur selain daripada mengenal pasti komponen sistem bangunan. Memahami teknik, reka bentuk, alat dan prinsip-prinsip yang terlibat dalam ketepatan pelan teknikal, rangka tindakan, lukisan dan model. (ii) Bahan Sumber: Mengenal pasti, bahan-bahan binaan untuk semua jenis aktiviti pembinaan. Perancangan Tapak Pembinaan termasuklah aktiviti merata, menganggar baris, pengukuran sudut, pengukuran jarak dan pengiraan melintang tapak. Mahir membuat garis harta, utiliti, garis bangunan, halangan, membina sudut dan ketinggian. Mahir serta memahami proses dan amalan keselamatan yang digunakan. Menilai dan memilih bahan-bahan binaan serta pemasangan untuk memenuhi spesifikasi projek. (iii) Operasi, pemasangan dan Pembaikan: Membina dan membaiki struktur seperti bangunan komersial, perumahan, loji kuasa dan kilang-kilang yang merangkumi kerja pemasangan jentera, *Rigging* serta Penyelenggaraan. (iv) Peraturan dan Jaminan Kualiti: Mematuhi peraturan dan kod bangunan, dan menggunakan piawaian industri untuk memastikan kerja yang berkualiti. Selain daripada itu, Jaminan kualiti seperti projek-projek pembinaan yang lengkap mengikut piawaian tertentu kualiti dan prestasi. Memeriksa struktur dan sistem untuk kualiti struktur, keselamatan umum, dan pematuhan kepada spesifikasi. Juga berkenaan dengan pengurusan liabiliti, mengenalpasti strategi untuk mengurangkan bahaya dan mengambil langkah-langkah pemulihan yang sesuai. Kesihatan dan Keselamatan: Mengenal dan mengurangkan bahaya keselamatan termasuk bahan-bahan berbahaya, bahaya alam sekitar dan keadaan kemalangan di tapak pembinaan. Ikut prosedur keselamatan yang sesuai. (v) Memantau tempat kerja/aktiviti *"jobsite"* agar mematuhi peraturan kerajaan dan lain-lain peraturan-peraturan keselamatan yang diguna pakai seperti

EPA dan OSHA. Lembaran dta keselamatan penggunaan bahan (MSDS), Maklumat untuk mengurus, penggunaan, dan melupuskan bahan-bahan berbahaya.

tahap 5 : kompetensi teknikal sektor industry. (i) Pembinaan Komersial Pembangunan Industri: Pengetahuan tentang kaedah pembinaan khusus untuk struktur dan komponen perdagangan dan perindustrian serta butiran pembinaan asas dan konsep yang digunakan dalam pembinaan komersil. (ii) Bahan-bahan dan pemasangan: Bahan, kaedah dan teknik yang digunakan dalam pembinaan struktur perdagangan dan perindustrian. Memahami kemahiran utama yang terlibat, bagaimana ia patut berada dalam projek ini secara keseluruhannya, Pembinaan konkrit ,Pembinaan Keluli, Pemasangan paip dan kerja kemasan yang dilaksanakan. (iii) Operasi Jentera Berat: Pengendalian betul dan menyenggara peralatan khusus untuk pembinaan komersil. Memahami penggunaan trak selain daripada *hands on* penggunaan peralatan pemadatan, jengkaut, pengikis, jentolak, teleskop dan lain-lain. (iv) Perkhidmatan: Menilai dan memenuhi keperluan serta jangkaan pelanggan. Kepatuhan serta Memahami kepentingan kontrak dengan pelanggan perdagangan, industri dan subkontraktor. (v) Amalan Bangunan Hijau: Pengetahuan dan penggunaan amalan bangunan hijau untuk pembinaan atau pengubahsuaian bangunan komersial. *"Green"* Asas Pembinaan, menguasai pengetahuan amalan hijau bangunan: perancangan, reka bentuk, pembinaan, operasi dan penyelenggaraan. Mengekalkan kawalan kualiti kerja untuk memastikan ia memenuhi keperluan pelanggan dan projek. Menguasai pengetahuan tentang pembinaan hijau: laman Lestari, Kecekapan tenaga, kecekapan Air, bahan-bahan mesra alam dan sumber, kitar semula.

University of Malaya

tahap 6 : kompetensi pengurusan keperluan khusus jawatan. Kemahiran-kemahiran tertentu di dalam menguruskan subordinat yang berada di bawah seliaan pengurus-pengurus organisasi. Kemahiran pengurusan ini adalah untuk memastikan peranan yang diamanahkan dapat dilaksanakan dengan berkesan. Kemahiran pengurusan asas yang perlu dibudayakan di dalam tugas adalah perancangan, perlaksanaan, pemantauan dan tidakan susulan.

Daripada 6 tahap kompetensi yang terkandung dalam Reka bentuk MKIPIK, jelaskan ianya adalah seiring dengan keperluan pembinaan Reka Bentuk MSKP PLTV TPKA KV KPM. Setiap tahap kompetensi yang dinyatakan memberi input kepada kepentingan kajian ini.

Standard Kompetensi Guru Malaysia, Saedah & Mohammad Sani (2012)

Di dalam kajian oleh Saedah, Mohd. Sani (2012) ini, standard kompetensi guru merangkumi kepada tiga tahap professionalisme iaitu Sikap Profesional, pengetahuan professional dan amalan professional. Dalam proses membangunkan standard kompetensi guru, terdapat sepuluh (10) prinsip asas di mana guru perlu tahu dan berupaya untuk melakukannya bergantung kepada kandungan mata pelajaran yang spesifik. Standard ini berhubung kait dengan; (i) pengetahuan tentang mata pelajaran; (ii) pengetahuan tentang perkembangan dan pembelajaran individu; (iii) menyesuaikan pengajaran untuk keperluan individu; (iv) kepelbagaian strategi pengajaran; (v) kemahiran memotivasikan dan menguruskan kelas; (vi) kemahiran komunikasi; (vii) kemahiran merancang pengajaran; (vii) penaksiran pembelajaran pelajar; (viii) komitmen dan tanggungjawab profesional, dan (viiii) perkongsian. *Rajah 2.8* di bawah merupakan grafik Standard Kompetensi Guru Malaysia.

University of Malaya



Rajah 2.8 : Standard Kompetensi Guru Malaysia

Merujuk kepada *Rajah 2.3* di atas, intipati kepada standard kompetensi guru adalah kompetensi yang berkait dengan kompetensi berikut; (i) reka bentuk dan perancangan pengajaran yang memperkembangkan keupayaan pelajar untuk mencapai sesuatu standard akademik; (ii) membina serta mengekalkan puncak pembelajaran yang dapat menyokong perkembangan keupayaan pelajar untuk mencapai sesuatu standard akademik; iii) pelaksanaan dan pengurusan pengajaran guru yang berupaya memperkembangkan keupayaan pelajar untuk mencapai standard akademik; (iv) akses pembelajaran dan komunikasi terhadap pelajar, ibu bapa dan lain-lain individu profesional yang turut menyumbang kepada keupayaan pelajar untuk mencapai standard akademik; (v) berkolaborasi dengan rakan sejawat, ibu bapa, komuniti dan lain-lain agensi untuk membentuk, melaksanakan dan

menyokong program pembelajaran yang memperkembangkan keupayaan pelajar untuk mencapai standard akademik dan transit dari sekolah ke pekerjaan atau ke pendidikan lanjut; (vi) Melihat dan menilai prestasi keseluruhan dan melaksanakan pelan pembangunan professional; (vii) mempunyai pengetahuan akademik yang spesifik di dalam mata pelajaran yang bersesuaian dengan perkembangan pengetahuan dan standard akademik pelajar; (viii) menunjukkan pengetahuan profesional terkini yang relavan untuk mereka bentuk dan merancang pengajaran yang efektif, melaksana dan mengurus pengajaran, membina dan mengekalkan kesesuaian persekitaran pembelajaran dan mentaksir pembelajaran pelajar dan viiii) berkolaborasi dengan profesional yang lain dan ibu bapa, menyertai pendidikan khas guru di dalam mereka bentuk, melaksanakan, dan menaksir program pendidikan individu.

Secara keseluruhanyya dapatlah disimpulkan bahawa idea daripada Model Standard Kompetensi Guru Malaysia ini boleh dijadikan sebagai panduan kepada Model Stnadard Kompetensi Pensyarah Kolej Vokasional khususnya di dalam bidang Kompetensi umum iaitu Profesionalisme dan Kemahiran Generik.

Jadual 2.4 berikut merupakan perbandingan kompetensi teras Pensyarah PLTV dalam kalangan enam negara yang kehadapan di dalam (PLTV) merujuk kepada *TVET and Vocational Teacher Education (VTE) in the East and Southeast-Asian region* (2015). Daripada perbandingan kriteria kompetensi teras ini, di dapati kompetensi yang menjadi keutamaan adalah kemahiran komunikasi, kemahiran penyelesaian masalah, kemahiran teknikal, pengurusan peribadi, keusahawanan, pengurusan, kerja berpasukan, Teknologi dan Teknologi Maklumat, Interpersonal

University of Malaya

dan Initiatif. Kompetensi lain sebagai "*quality criteria"* adalah berdaya usaha, kreatif, logik, tanggungjawab sosial, pembelajaran sepanjang hayat dan kepimpinan. Kemahiran teknikal adalah kompetensi teras yang diberi keutamaan Selebihnya ia merupakan kompetensi asas yang mendokong profesionalisme seseorang pensyarah PLTV.

University of Malaya

Jadual 2.4

Matriks Perbandingan antara negara luar berkenaan kompetensi teras pensyarah (PLTV)

Australia	Findland	Germany	Korea	Japan	China
Komunikasi	Komunikasi	Komunikasi	Komunikasi	Komunikasi	Komunikasi
Penyelesaian masalah	Penyelesaian masalah	Penyelesaian masalah	Penyelesaian masalah	Penyelesaian masalah	Penyelesaian masalah
Kemahiran teknikal	Kemahiran teknikal	Kemahiran teknikal	Kemahiran teknikal	Kemahiran teknikal	Kemahiran teknikal
Maklumat	Maklumat	Maklumat	Kapasiti Maklumat	Maklumat	Maklumat
Pengurusan diri	Pengurusan diri	Pengurusan diri	Pembangunan diri	Kawalan diri	Kritikan diri
Keusahawanan	Keusahawanan	Keusahawanan	Keusahawanan	Keusahawanan	Keusahawanan
Kerja Berpasukan	kongsian kemahiran	kongsian kemahiran	Kerja berpasukan	Kerja berpasukan	Kerja Berpasukan
Merancang dan penganjur	Merancang dan menganjurkan	Merancang dan menganjurkan	Pengurusan Sumber, Struktur Organisasi	Pengurusan	Merancang dan menganjurkan
Pembelajaran Teknologi	Pembelajaran Teknologi dan IT	Pembelajaran teknologi dan IT	Pembelajaran teknologi dan IT	Pembelajaran Teknologi dan IT	Pembelajaran Teknologi dan IT
Interpersonal	Interaksi	Interaksi	Interpersonal	Interpersonal	
Inisiatif	Inisiatif	Inisiatif		Inisiatif	
	Matematik dan sains	Matematik dan sains	Numerasi dan sains	Numerasi, literasi	
Berdaya usaha	Berdaya usaha	Berdaya usaha	Berdaya usaha	Berdaya usaha	Berdaya usaha
				Pembelajaran holistik , sepanjang hayat	pembelajaran sepanjang hayat
			Etika Profesional	Etika	
				Pemikiran kreatif, logik	Kreatif
			Kepimpinan	Kepimpinan	

University of Malaya

Teras Kompetensi Pensyarah PLTV Republik Korea

Standard Kompetensi Kebangsaan Korea adalah satu konsep yang mengenal pasti dan standardkan kompetensi yang diperlukan untuk prestasi kerja yang berjaya. Sebagaimana rujukan dari *National Competency Standard Korea* (2013)*, i*a adalah satu konsep pembangunan kemahiran yang komprehensif termasuk kebolehan seperti pengetahuan, kemahiran dan sikap yang diperlukan untuk melaksanakan pekerjaan dan penilaian kebolehan ini khususnya di dalam PLTV. Antara kompetensi yang disenaraikan adalah komunikasi, pengurusan sumber, penyelesaian masalah, kapasiti maklumat, keupayaan pembangunan diri, kemahiran interpersonal, kemahiran teknikal dan stika professional. Perinciannya adalah seperti dalam Jadual 2.5 berikut;

Jadual 2.5

Kompetensi standard yang diperlukan untuk prestasi kerja pensyarah PLTV, Negara Korea (2013)

Pembangunan Kemahiran	Dimensi Kemahiran dan Pembangunan
Komunikasi	literasi, dokumentasi, mendengar, kemahiran bahasa, asas bahasa
Pengurusan sumber	Keupayaan mengurus masa, sumber, kemahiran pengurusan bajet, pengurusan sumber kewangan, pengurusan sumber manusia
Penyelesaian masalah	Kemahiran berfikir, menyelesaikan masalah
Kapasiti Maklumat	Literasi komputer, kapasiti pemprosesan maklumat
Memahami struktur organisasi	Kompetensi sejagat, berupaya memahami sistem organisasi, keupayaan untuk memahami perniagaan
Numerasi	Asas matematik, Asas statistik, Analitikal,
Keupayaan pembangunan diri	Kesiagaan, pengurusan kendiri, pembangunan kerjaya
Kemahiran interpersonal	Kerja berpasukan, kepimpinan, pengurusan konflik, kemahiran berunding, perkhidmatan pelanggan.
Kemahiran teknikal	Literasi teknologi, Penggunaan teknologi, Teknikal
Etika profesional	Etika kerja, etika komuniti

University of Malaya

2.7 Teras Kompetensi Pensyarah PLTV Republik Indonesia

Jadual 2.6

Kompetensi teras penyarah PLTV *di Republik Indonesia*

Kompetensi Pedagogi	Kompetensi Peribadi	Kompetensi Sosial	Professional competencies
i. Berurusan bersama pelajar berkaitan intelek, fizikal, nilai, moral, rohani, sosial, budaya, emosi ii. Menguasai prinsip pengajaran dan pembelajaran serta membangunkan kurikulum kendiri dan kursus yang diajar iii. Menggunakan teknologi maklumat dan komunikasi untuk manfaat pelajar iv. Komunikasi berkesan, empati dan sopan dengan pelajar v. Pengajaran berpusatkan pembangunan potensi pelajar vi. Menjalankan penilaian terhadap proses pembelajaran dan keputusan yang dicapai vii. Membuat refleksi dan melakukan penambahbaikan kualiti pembelajaran	i. seorang yang stabil, matang, bijaksana dan berwibawa ii. etika kerja, tanggungjawab yang tinggi, bangga menjadi seorang guru, dan keyakinan diri iii. Berpegang kepada kod etika profesion perguruan	i. Inklusif dan bertindak secara objektif tanpa diskriminasi atas dasar jantina, agama, bangsa, keadaan fizikal, latar belakang keluarga, atau status sosio-ekonomi ii. Berkomunikasi berkesan, empati dan sopan dengan rakan pendidik, kakitangan sekolah yang lain, ibu bapa dan orang lain dalam masyarakat iii. Kemahiran komunikasi secara lisan , bertulis iv. Boleh menyesuaikan diri dengan pelbagai konteks sosio-budaya di tempat kerja di bahagian yang berlainan Republik Indonesia	i. Menguasai konsep, struktur dan bahan dalam krusus yang di ajar ii. Menguasai kompetensi asas dan kecekapan di dalam isi pengajaran kursus yang di ajar iii. kreatif membangunkan bahan pengajaran kursus iv. Mengikuti program pembangunan profesionalisme secara berterusan dan sentiasa membuat refleksi. v. Menggunakan teknologi maklumat dan komunikasi untuk pembangunan diri

University of Malaya

Jadual 2.6 di atas, cerakinan kepada setiap kompetensi teras pensyarah PLTV di Indonesia. Indonesia merupakan sebuah negara asia tenggara yang amat sinonim dengan pembelajaran berasaskan kemahiran, dan antara negara yang membudayakan pembelajaran berkemahiran untuk membekalkan tenaga separa mahir. Daripada rujukan yang dibuat Proyono P. (2012), Indonesia telah menggariskan empat jenis kompetensi teras pensyarah PLTV iaitu (i) Kompetensi Pedagogi; (ii) Kompetensi Peribadi; iii) Kompetensi Sosial dan iv) Kompetensi Profesional.

Struktur Pendidikan Pensyarah PLTV dan Sistem Dual Latihan Negara German



Rajah 2.9: Struktur Pendidikan Guru PLTV di German

Struktur pendidikan Pensyarah PLTV di German, Hassan (2012) seperti ditunjukkan di dalam *Rajah* 2.9 di atas. Negara German, menetapkan Pensyarah PLTV adalah dari kalangan pemegang Ijazah Sarjana. Selain daripada itu Pensyarah PLTV di

University of Malaya

German perlu menduduki peperiksaan kelayakan pertama, di mana peperiksaan ini adalah wajib di sepanjang dua tahun latihan di bawah pemantauan pensyarah Institut. Selanjutnya Pensyarah PLTV ini akan menduduki peperiksaan kelayakan yang kedua. Ini merupakan tahap yang perlu dicapai oleh pensyarah PLTV, sebelum mereka benar-benar di terima untuk mengajar di Institusi PLTV. Peperiksaan tahap ke dua ini, ianya bertujuan mengiktiraf dan memberi pertaulihan kepada guru-guru dengan kerjasama Universiti

Kerangka Kompetensi Kelayakan Negara Mesir

Di dalam Kerangka Kompetensi Kelayakan Vokasional Negara Mesir yang dinyatakan dalam Wahba (2013), usaha untuk menentukan Standard Kompetensi yang diperlukan yang mentakrifkan standard kompetensi yang diperlukan untuk setiap elemen kerja, perusahaan atau Institusi PLTV perlu menggunakan skala standard yang mentakrifkan tahap minima kompetensi yang diperlukan. Wahba (2013) turut menyatakan standard kompetensi merupakan keupayaan khusus individu untuk melaksanakan sesuatu tugas. Kompetensi adalah satu keupayaan yang mempunyai hubungan secara langsung di antara unsur-unsur kerja dengan kriteria prestasi. Di dalam kajian beliau terdapat empat penilaian di dalam kerangka kompetensi Kelayakan Vokasional Mesir yang dihasratkan dari pekerja industri atau tenaga pengajar vokasional perlu tahu, iaitu (i) teras kompetensi: kompetensi teknikal tertentu yang diperlukan yang akan diperolehi oleh sesuatu bidang seperti kecekapan teras untuk melakukan tugas yang memenuhi kerangka kompetensi; (ii) kompetensi sokongan: kemahiran teknikal tertentu yang diperlukan, ianya diperolehi dari kemahiran teknikal

University of Malaya

lain untuk melakukan tugas yang memenuhi kerangka kompetensi; (iii) kompetensi am: kompetensi teknikal umum yang diperolehi semasa latihan dan program pembangunan mereka dan (iv) kompetensi peribadi/tingkah laku: kompetensi bukan teknikal yang diperlukan semasa latihan dan program pembangunan mereka.

Berikut adalah 4 Tahap digunakan dalam skala standard kompetensi apabila ia melaksanakan latihan berasaskan kompetensi iaitu; (i) tahap 1: Kesiagaan (*awareness*-A): mengetahui perkara asas, bersedia dan hanya boleh bekerja di bawah penyeliaan. Memahami pada pada tahap asas, boleh mengenal pasti, inisiatif minta diajar, tahu di mana untuk mencari maklumat dan memerlukan pengawasan; (ii) tahap 2: Pengetahuan (k*nowledge*-K): Tahu bagaimana apa yang perlu dilakukan dan boleh bekerja secara bebas tanpa pengawasan dan dapat menerangkan, mengambil bahagian, menyumbang, menjelaskan, bekerja dengan garis panduan. Tahu bila untuk merujuk kepada petunjuk; (iii) tahap 3: Kemahiran (*skill*-S): mahir dan mampu melatih jurulatih dan lain-lain. Berupaya merancang dan menganalisis, akauntabiliti tugas, berupaya berurusan dengan pelbagai aktiviti dan tugas, berupaya mencari jalan untuk meningkatkan sendiri dan memberi sumbangan orang lain, memberi bimbingan kepada orang lain, berinisiatif dan boleh melihat perspektif luaran untuk memantapkan tugas dan menunjukkan kecekapan kepada orang lain; (iv) tahap 4: Penguasaan (m*astery*- M): pakar dan memberi latihan dan bimbingan kepada orang lain. Menyesuaikan diri, mencipta, berinovasi, berasal, menjalankan penyelesaian masalah, memberi bimbingan kepada orang lain, berupaya melakukan provokasi berfikir orang lain, menentukan piawaian baru, mengambil perspektif jangka panjang yang luas,berupa menjangka dan merancang lebih awal.

University of Malaya

Pemeringkatan Aspek Kemahiran Kebolehpasaran kerja *(Employability)* di Malaysia

Menurut Mohamad Sattar *et al*. (2009) di dalam kajian yang melihat kepada kemahiran *employability* adalah kebolehan bukan teknikal dan merupakan satu daripada aspek kemahiran pekerjaan yang sama pentingnya dengan aspek kemahiran teknikal. Ramlee (2002) di dalam kajian Mohammad Sattar *et al*. (2009), melalui hasil kajiannya mendapati majikan dalam industri pembuatan di Malaysia memberi pandangan bahawa lulusan-lulusan teknikal di Malaysia mempunyai kemahiran teknikal lebih daripada mencukupi, namun majikan merasa kurang berpuas hati dari segi kemahiran motivasi, komunikasi, interpersonal, pemikiran kritikal, penyelesaian masalah dan kemahiran keusahawanan yang merupakan sebahagian daripada kemahiran *employability* yang tidak dikuasai. Aspek Kemahiran *employability* yang dikehendaki majikan industri pembuatan malaysia masa kini dan perbandingannya mengikut keutamaan adalah seperti dalam Jadual 2.7 di bawah;

University of Malaya

Jadual 2.7

Pemeringkatan 'ranking' Aspek Kemahiran Employability di Malaysia

PALING PENTING		SANGAT PENTING	PENTING	SEDERHANA PENTING
	Kemahiran interpersonel	• Melayan pelanggan • Melakukan perundingan • Mengutamakan keupayaan kepimpinan • Mengajar teman • Bekerja dengan budaya berbeza	Penyertaan sebagai ahli	
	Kemahiran Berfikir	• Penyelesaian masalah • Berfikiran kreatif/Inovatif • Mengetahui bagaimana belajar • Penakulan	Melihat benda dengan mata fikiran , Membuat Keputusan	
	Kualiti Personel	• Keselamatan diri • Integriti dan jujur • Kecermatan • Bertanggungjawab	Mengelola diri, Percaya diri, Kemampuan kerja tanpa penyeliaan, Kemampuan sosial	Kemampuan adaptasi Luwes
	Pengurusan Sumber	• Pengurusan bahan dan fasiliti • Pengurusan risiko	Pengurusan masa,Pengurusan Kewangan, Pengurusan sumber manusia	
	Kemahiran Sistem Teknologi		Memilih teknologi, Memahami sistem, Menggunakan teknologi semasa tugas, Menyelesaikan kerosakan peralatan, Memantai dan memperbaiki perlaksanaan	
	Kemahiran Asas		Pendengaran, bacaan, tulisan, pertutusan, Matematik, aritmetik	
Sederhana Penting	Kemahiran informasi	• Mendapat dan menilai maklumat	Menggunakan komputer untuk memproses maklumat	Menterjemah, menyebarkan maklumat. mengatur dan memelihara maklumat

University of Malaya

Daripada Jadual 2.6 di atas, memperlihatkan kita pemeringkatan aspek kemahiran *employability* di mana ia juga telah araskan mengikut kepentinggannnya di dalam lingkungan sampel kajian. Hasil dapatan kajian ini juga ada menunjukkan bahawa faktor antara faktor lulusan teknikal tidak mendapat pekerjaan adalah disebabkan oleh kekurangannya peluang pekerjaan, ketidaksepadanan antara kemahiran yang diperlukan oleh pasaran buruh dan kemahiran yang dimiliki. Faktor lulusan yang tiada kemahiran seperti yang dikehendaki oleh majikan menyebabkan majikan mencari pekerja yang lebih kompeten dari luar negara. Lulusan banyak bergantung kepada kelayakan akademik untuk mendapat pekerjaan dan mereka kurang kompetensi dalam kemahiran bukan teknikal yang diperlukan majikan. Pelbagai kajian berkaitan kemahiran *employability* telah dijalankan di dalam dan luar negara dan rata-rata menyatakan lulusan teknikal kini menghadapi masalah dalam kemahiran *employability'*mereka (Mohammad Sattar *et al*., 2009).

Daripada kajian dari sarjana-sarjana yang lalu ini dapat disimpulkan bahawa wujudnya keadaan kurang penguasaan kemahiran *employability*, maka adalah relavan kajian pembinaan reka bentuk Model kompetensi Pensyarah PLTV ini dilaksanakan. Kajian ini merupakan usaha baharu untuk mengenalpasti Standard kompetensi Pensyarah PLTV yang bertanggungjawab mengajar pelajar di KV sebagai persediaan pembekal tenaga kerja industri negara.

University of Malaya

Binaan Bangunan

Menurut Bakar (2010), Industri binaan merupakan salah satu sebuah industri yang menyumbang kepada pembangunan sesebuah negara. Ia memainkan peranan yang penting dalam semua sektor perindustrian utama sesebuah negara dalam bentuk penyediaan modal tetap, perkhidmatan, kediaman dan lain-lain. Dari segi fizikal, output industri binaan adalah besar, berat dan mahal serta tidak boleh dipindah ataupun bergerak. Ia tetap di satu-satu lokasi dan melibatkan penggunaan pelbagai bahan dan komponen binaan yang dikeluarkan oleh industri-industri perkilangan yang lain-lain. Output binaan terdiri dari pelbagai jenis bangunan, kerja-kerja kejuruteraan sivil hinggalah kepada kerja-kerja infrastruktur

Menurut Akta 520 Pindaan 2011 (2015), Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia, binaan adalah termasuklah reka bentuk, pengilangan, teknologi, bahan dan mutu kerja binaan dan perkhidmatan. Manakala bangunan bermaksud ertinya mana-mana bangunan atau struktur tetap atau sementara termasuklah mana-mana rumah, pondok, bangsal atau kepungan beratap, sama ada digunakan bagi maksud kediaman manusia atau selainnya, dan juga mana-mana dinding, bumbung, pagar, pelantar, pementasan, pintu pagar, tiang, pagar pancang, bingkai, dinding adang, pelancar, limbungan, dermaga, jeti, pelantar pendaratan, jalan atau jambatan, atau apa-apa penyokong struktur atau asas yang menghubungi yang sebelumnya dan apa-apa binaan lain Manakala menurut Bakar (2010), binaan bangunan terdiri dari pelbagai jenis bangunan, kerja-kerja kejuruteraan sivil hinggalah kepada kerja-kerja infrastruktur.

University of Malaya

Dalam konteks kajian ini, binaan bangunan merujuk kepada jurusan vokasional yang diikuti oleh pelajar sekolah menengah vokasional.

Pembelajaran Berasaskan Kompetensi (PBK)

Ashworth, Saxton (1990) dan Kahirol (2011) menyatakan bahawa kompetensi bermaksud aspek deskriptif tentang aktiviti yang dilakukan oleh manusia, walau bagaimanapun ia masih lagi tidak merujuk kepada perlakuan yang spesifik. Aktiviti ini termasuklah sumbangan atau hasil daripada tindakan yang diambil dalam memenuhi perlakuan atau pemikiran. Aktiviti di tempat kerja yang dilakukan oleh sumber guna tenaga teknikal seringkali diukur mengikut kompetensi kerja berdasarkan kepada perlakuan atau pemikiran dalam menyempurnakan tugasan yang diberi.

Menurut Hoffmann (1999), Kahirol (2011) kompetensi merujuk kepada perlakuan-perlakuan psikomotor atau tingkah laku yang perlu dipamerkan oleh individu serta ia boleh dinilai atau diukur. Kompetensi juga boleh dijadikan sebagai penanda aras atau alat ukur bagi menjamin hasil kerja yang berkualiti. Walau bagaimanapun kompetensi perlu dilihat sebagai satu bentuk yang mewakili prestasi keseluruhan organisasi dan tidak hanya tertumpu kepada individu sahaja kerana kompetensi individu dan kompetensi keseluruhan yang diwakili oleh organisasi mempunyai perkaitan yang sangat kuat. Homer (2001), Kahirol (2011) pula menyatakan kompetensi ialah aras yang utama kepada organisasi kerana kesan berantai yang diwujudkan dan ia melibatkan proses, keuntungan, masa, latihan dan sebagainya. Ini bermakna, PBK boleh dijadikan sebagai tanda aras dalam mengenal pasti dan menilai keberkesanan dalam

University of Malaya

bekerja serta sebagai penambah baikan terhadap pendidikan atau latihan dengan keperluan yang diperlukan di tempat kerja (Kerka, 1998) dan Kahirol (2011). Ini adalah kerana pendidikan bersaskan kompetensi merupakan pendekatan dalam menyatukan idea-idea yang bernas dan kreatif yang boleh dilaksanakan dalam alam pekerjaan. Ia juga simbol kepada pengiktirafan pendidikan yang diperolehi oleh sumber guna tenaga teknikal.

Rajah 2.10 menunjukan perkaitan kepada keperluan kompetensi pekerja dengan persekitaran organisasi dan juga keperluan kerja. Kesan yang positif dapat dilihat apabila seseorang pekerja memenuhi ketiga-tiga aspek yang berkaitan dengan mewujudkan tingkah laku yang lebih positif.



Rajah 2.10: Model Prestasi Kerja yang Efektif Boyatzis (1982)

University of Malaya

Definisi PBK menurut (Richards, Rodgers, 2001; Kathleen Santopietro, 2006), pendidikan berasaskan kompetensi memberi tumpuan kepada hasil pembelajaran. PBK menangani apa yang pelajar dijangka untuk melakukan bukan pada apa yang mereka dijangka untuk belajar tentang. PBK muncul di Amerika Syarikat pada 1970-an dan merujuk kepada gerakan pendidikan yang menyokong mendefinisikan pendidikan matlamat dari segi penerangan diukur tepat pengetahuan, kemahiran dan tingkah laku pelajar perlu mempunyai sekurang-akhir kursus pengajian. Justeru pendidikan berasaskan kompetensi adalah lebih baik untuk semua pelajar kerana ia membolehkan mereka untuk belajar dan belajar pada kadar mereka sendiri.

Menurut Robert (2012) ciri-ciri yang paling penting dalam pendidikan berasaskan kompetensi adalah mengukur pembelajaran dan bukan masa. Kemajuan pelajar dengan menunjukkan kecekapan mereka, yang bermakna mereka membuktikan bahawa mereka telah menguasai pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk kursus tertentu, tidak kira berapa lama masa diambil. Lebih banyak model tradisional boleh dan sering mengukur kompetensi, mereka adalah berasaskan masa, sebagai contoh kursus yang berlangsung selama empat bulan, dan pelajar boleh maju hanya selepas mereka telah dimasukkan jangka waktu berkenaan. Oleh yang demikian, walaupun kebanyakan kolej dan universiti mengadakan keperluan masa yang berterusan dan membolehkan pembelajaran berbeza-beza, pembelajaran berasaskan kompetensi membolehkan kita untuk mengadakan pembelajaran yang berterusan dan membiarkan masa berbeza-beza.

University of Malaya



Rajah 2.11: Ciri-ciri Pembelajaran Berasaskan Kompetensi (PBK)

Daripada *Rajah 2.11* di atas, ciri-ciri PBK menurut Robert (2012) adalah (i) tertentu, penyata kompetensi yang boleh diukur; (ii) kandungan berdasarkan matlamat pelajar (hasil/ketrampilan); (iii) belajar berterusan sehingga menunjukkan penguasaan; (iv) menggunakan pelbagai teknik pengajaran dan aktiviti kumpulan; (v) fokus kepada apa yang pelajar perlu belajar, yang mengaplikasikan kemahiran asas dalam konteks kemahiran hidup; (vi) gunakan teks, media, dan bahan-bahan kehidupan sebenar menjurus kepada sasaran kompetensi; (vii) menyediakan pelajar dengan maklum balas segera kepada penilaian prestasi; (viii) menetapkan arahan mengikut keperluan pelajar, dan (ix) pelajar menunjukkan penguasaan kompetensi tertentu.

Pembelajaran Berasaskan Projek (PBP)

Balakrishnan *et al*. (2009) dan Veerasamy (2010) berpendapat bahawa Pembelajaran Berasaskan Projek (PBP) sesuai digunakan dalam kurikulum pendidikan di Malaysia. PBK dianggap sebagai satu amalan terbaik dalam bidang PdP dalam misi

University of Malaya

membestarikan sekolah-sekolah di Malaysia di samping beberapa amalan lain seperti pembelajaran abad ke-21 dan penggunaan portal pendidikan (BPTV, 2010). Namun begitu, pelaksanaan PBP walaupun setelah ia diperkenalkan masih tetap dianggap asing dalam sistem pendidikan di negara kita khususnya di sekolah menengah, dan ini berkemungkinan disebabkan kurangnya pendedahan tentang kelebihan kaedah itu. PBE merupakan model pendidikan yang mengutamakan projek dalam PdP (Veerasamy, 2010). Manakala Zimmerman (2010) dan Kaldi *et al*. (2011) menyatakan PBP merupakan satu kaedah instruksional yang membenarkan murid membina kemahiran dan mendapatkan ilmu melalui projek, pembelajaran koperatif dan teknik *hands on*. Selanjutnya , pembinaan model standard kompetensi ini dapat memberikan keperluan yang jelas berkaiatan PBP dalam pengajaran di KV khususnya untuk kursus teknologi pembinaan , kejuruteraan awam.

pembelajaran berasaskan projek pbp yang diterapkan di kolej vokasional, kpm. Merujuk kepada garis panduan *Project Base Education* (PBP) oleh BPTV (2013) pelaksanaan Struktur Diploma KV, KPM yang berkuatkuasa pada 1 Januari 2014. PBE merupakan satu tugasan yang ditetapkan sebagai latihan pembelajaran yang memerlukan pelajar menghasilkan satu produk atau perkhidmatan yang boleh dipasarkan. PBP boleh dilaksanakan secara individu atau berkumpulan (tidak melebihi 6 orang bagi projek yang berterusan). PBP mengaplikasi pengetahuan, konsep dan kemahiran yang diperolehi sepanjang pembelajaran terdahulu. Pelajar perlu menggabungkan beberapa aspek pengalaman mereka sepanjang program berkenaan. Hasil PBP dapat menunjukkan

University of Malaya

pelajar berupaya untuk mengaplikasi pengetahuan, kefahaman dan kemahiran pelajar dalam menghasilkan sesuatu produk atau perkhidmatan yang boleh dipasarkan.

Merujuk kepada Buku Panduan dan Prosedur Pelaksanaan PBP di KV, ILKA, ILKS (2014), objektif PBP adalah untuk memantapkan pengetahuan dan kemahiran yang telah dipelajari dalam melahirkan pelajar yang kompeten. Ini adalah selari dengan stuktur program Diploma Kurikulum Standard Kolej Vokasional (KSKV) bagi program Diploma di mana di akhir pengajian pelajar berupaya i) menggunakan pengetahuan kefahaman dan kemahiran pratikal dalam kerja, ii) membuat keputusan dan penilaian merentasi *School Enterprise* dan iii) berkomunikasi dengan berkesan dan menyampaikan maklumat, penjanaan idea dan penyelesaian masalah secara jelas dan menyakinkan. Ciri-ciri PBP adalah seperti dalam *Rajah 2.12* di bawah;



Rajah 2.12: Pembelajaran Berasaskan Projek (PBP)

University of Malaya

BPTV (2013), terdapat dua jenis PBP iaitu i) Produk - Tertumpu kepada pembangunan produk fizikal bagi memenuhi keperluan dan kehendak pasaran dan ii) Perkhidmatan- Tertumpu kepada pembangunan perkhidmatan bagi memenuhi keperluan dan kehendak pasaran. Terdapat dua kaedah perlaksanaan PBP iaitu i) jangka pendek- projek jangka pendek adalah projek yang dihasilkan dalam setiap semester pendek, dan ii) jangka panjang - projek jangka panjang adalah projek yang dihasilkan secara berterusan dalam tempoh (3) semester pendek. Kriteria pemilihan PBP adalah berdasarkan kepada produk fizikal atau perkhidmatan yang memberikan impak dan mempunyai nilai komersial yang tinggi. PBP yang boleh diaplikasi mengikut keperluan industri dan komuniti amat digalakkan. PBP yang dijalankan perlu mengambil kira kos keseluruhan serta boleh dilaksanakan di dalam tempoh masa yang diperuntukkan. Di KV para pelajar ada diberi beberapa perkara-perkara yang boleh dijadikan panduan untuk membantu pelajar membuat pemilihan PBP iaitu i) pihak unit digalakkan menetapkan tema/kategori PBP bagi membantu pelajar menentukan PBP yang bakal dilaksanakan dan ii) tajuk PBP adalah berdasarkan penjanaan idea sama ada daripada pelajar, pensyarah atau industri. Pelajar perlu menggabungkan beberapa aspek pengalaman mereka sepanjang program berkenaan berdasarkan ciri-ciri PBP yang telah ditetapkan adalah i) mempunyai titik mula dan titik tamat yang jelas (tempoh masa tertentu); ii) mempunyai objektif tertentu untuk dicapai; iii) mempunyai satu siri aktiviti kerja yang lengkap dan vi) melibatkan penggunaan sumber-sumber masukan seperti tenaga, modal, bahan dan peralatan. Untuki memastikan objektif program yang dijalankan berjaya dicapai, pelajar perlu juga memastikan kesemua disiplin tanggungjawab. .

University of Malaya

penyediaan proposal pbp. Pelajar perlu mengemukakan proposal Pembelajaran Berasaskan Projek (PBP) kepada Ketua Unit bagi tujuan kelulusan melaksanakan PBP BPTV (2013). Secara umumnya, kandungan proposal PBP adalah seperti berikut; (i) Tajuk Projek,(ii) Latarbelakang, (iii) Pernyataan Masalah, (iv) Objektif, (v) Kepentingan Projek, (vi) Anggaran Kos, (vii) Perancangan Pelaksanaan Projek, (viii) Carta Gantt dan (ix) Kesimpulan. Perincian tentang penyediaan proposal PBP adalah seperti berikut;

penilaian projek. Penilaian projek adalah berdasarkan laporan projek dan hasil projek yang dilaksanakan. Pelajar wajib menghantar kedua-dua eviden yang lengkap kepada PP pada akhir semester pendek. Penilaian yang dijalankan adalah seperti dalam *Rajah 2.13* berikut;

University of Malaya



Rajah 2.13: Penilaian PBP

proses perlaksanaan pbp. Carta 2.0 di bawah adalah perincian jujuran PBP , dari mula sehingga tamat. Proses perlaksanaan PBP ini melibatkan pensyarah, pelajar juga penyelia projek. Daripada carta alir ini, ia memudahkan serta melancarkan jujuran prosidur kerja PBP. Dengan adanya carta alir ini, semakan semula mudah dilakukan, sebarang kelemahan mudah dikesan dan tindakan penambahbaikan dapat disegerakan.

University of Malaya



Carta 2.1 : Carta Alir Proses Perlaksanaan PBP

Rumusan

Bab ini telah menyoroti literatur terkini yang mendasari hala tuju pendidikan negara, transformasi pendidikan teknik vokasional dan standard kompetensi guru di dalam dan juga luar negara. Bertepatan dengan misi KPM untuk membangunkan sistem pendidikan yang berkualiti dan bertaraf dunia, maka tumpuan kepada usaha meningkatkan mutu profesion perguruan adalah amat relevan sekali. Secara umumnya pengetahuan, kemahiran dan tingkah laku merupakan ciri utama kepada penilaian kompetensi. PLTV perlu bergerak seiring kerana ia lebih relevan dengan kehendak pasaran di mana industri memerlukan sumber guna tenaga teknikal yang bukan sahaja mempunyai kemahiran dalam bidang teknikal dan vokasional tetapi memiliki nilai prestasi kerja yang tinggi dan berkualiti, yang membolehkan mereka kompeten dengan tugas yang diberi serta lebih berdaya saing. Pembangunan modal insan berkualiti bergantung kepada pendidikan berkualiti, yang dapat menghasilkan individu yang mempunyai jati diri yang kukuh, berketerampilan, berkeperibadian mulia, berpengetahuan dan berkemahiran tinggi bagi mengisi keperluan negara maju. Selain daripada itu pendidikan juga perlu membentuk modal insan yang mampu berfikiran kritis dan kreatif, berkemahiran menyelesaikan masalah, berkeupayaan mencipta peluang baru, mempunyai daya tahan serta kebolehan untuk berhadapan dengan persekitaran global yang sering berubah.

University of Malaya

BAB TIGA

METODOLOGI KAJIAN

Pengenalan

Kajian ini dijalankan bagi reka bentuk MSKPKVM dengan berpandukan Model Kompetensi, McLagan (1991), Model Pembangunan Kompetensi *International Board of Standards for Training, Performance and Instruction* (IBSTPI, 2003), Model *Ice Berg,* Mc Clelland (1993); Kumpulan Hay Mc Ber (2005), Model Kompetensi Industri Pembinaan dan Industri Komersial (2014). Seramai lima belas (15) orang pakar PLTV (TPKA) di Kolej Vokasional telah di temubual pada fasa analisis keperluan bagi mendapatkan maklumat penting. Seterusnya, kesepakatan pandangan panel pakar tempatan dalam fasa reka bentuk menerusi Teknik Delphi yang telah melibatkan seramai sembilan (9) orang panel pakar telah menghasilkan item soal selidik bagi kegunaan kajian tinjauan dalam fasa penilaian. Justeru, perbincangan dalam Bab Tiga ini bertujuan menghuraikan prosedur perlaksanaan kajian yang meliputi reka bentuk kajian, instrumen kajian, populasi dan sampel kajian, instrument kajian, kesahan, kebolehpercayaan, prosedur kutipan data dan prosedur analisis data.

Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian yang diguna pakai dalam kajian ini adalah berasaskan kepada kajian reka bentuk dan pembangunan berpandukan tiga fasa kajian. Daripada Richey *et al*., (2014), Ahmad Khalil (2017) kajian reka bentuk dan pembangunan

University of Malaya

merupakan kajian yang berorentasikan permasalahan dan menggunakan metodologi penyelidikan yang merangkumi disiplin kajian kes, eksperimen, kajian tindakan atau kajian penilaian. Maka kajian yang bersifat reka bentuk dan pembangunan antara lain meliputi (i) kajian mengenai proses dan impak reka bentuk pengajaran yang khusus dan usaha pembangunan; (ii) situasi seseorang yang melakukan aktiviti reka bentuk pengajaran, pembangunan atau penilaian serta mengkaji proses dalam masa yang sama; dan (iii) kajian reka bentuk pengajaran, pembangunan dan penilaian proses keseluruhan atau satu kumpulan (Richey & Klien, 2014 dan Nielson, 2012, Ahmad Khalil, 2017).

Kajian reka bentuk dan pembangunan boleh dikategorikan kepada dua bentuk iaitu kajian produk dan perkakasan serta kajian model. Menurut Richey (2007), Ahmad Khalil (2017), kajian mengenai produk dan perkakasan memberi penekanan terhadap pembangunan dan penilaian produk atau program secara khusus. Justeru, hasilnya merupakan mafaat yang diperolehi daripada penggunaan produk dan situasi yang menyokong kepada penggunaanya. Manakala, kajian model merupakan kajian mengenai proses reka bentuk, pembangunan atau penilaian proses. Maka hasilnya adalah suatu prosedur atau reka bentuk model, pembangunan dan penilaian baharu serta situasi yang menyokong penggunaannya. Dalam kata yang mudah, kajian produk dan perkakasan memberi kesimpulan kepada konteks yang spesifik. Manakala, kajian model memberi kesimpulan umum. Oleh yang demikian, kajian reka bentuk dan pembangunan merupakan satu kajian yang sistematik mengenai proses reka bentuk, pembangunan dan penilaian bagi mendapatkan asas empirikal dalam penghasilan produk baharu atau lebih baik sifatnya (Richey & Klein, 2007; Ahmad Khalil, 2017).

University of Malaya

Selanjutnya, pelaksanaan kajian reka bentuk dan pembangunan ini mengaplikasikan gabungan kaedah kuantitatif dan kualitatif menerusi pelaksanaan kaedah kajian Delphi. Menurut Fraenkel & Wallen (2008) terdapat tiga kekuatan menggunakan gabungan kaedah kualitatif dan kuantitatif dalam kajian iaitu (i) dapat menjelaskan dengan lanjut hubungan yang wujud antara pembolehubah yang digunakan, (ii) membolehkan pengkaji meneroka lebih mendalam hubungan antara pembolehubah dan (iii) membantu mengesahkan hubungan yang wujud antara pembolehubah.

Kajian ini menggunakan gabungan kaedah kuantitatif dan kualitatif. Kaedah kualitatif telah dijalankan di dalam fasa analisis keperluan dan fasa reka bentuk. Teknik Delphi tiga (3) hingga empat (4) pusingan telah dilaksanakan dalam fasa reka bentuk. Manakala kaedah kuantitatif telah dijalankan pada fasa penilaian. Untuk tujuan itu, gabungan kaedah kuantitatif dan kualitatif telah dilaksanakan.

Sementara itu, menurut Cresswell (2008), Rosnah (2013), Nik Mustafa (2016) menyetujui gabungan kaedah kajian dengan tujuan dan alasan perlaksanaannya seperti berikut: i) Sekiranya salah satu kaedah tidak dapat menjawab sepenuhnya soalan kajian; ii) Sekiranya kajian kualitatif perlu disusuli dengan kajian kajian kuantitatif atau sebaliknya untuk mendapatkan data yang lebih banyak, terperinci dan khusus; iii) Sekiranya komponen kualitatif ingin digabungkan ke dalam kajian kuantitatif atau sebaliknya bagi mendapatkan pemahaman yang lebih mendalam berkaitan data yang

University of Malaya

dikutip; dan iv) untuk menjalankan kajian di peringkat ijazah tinggi yang kurang memberikan tumpuan kepada kaedah kualitatif.

Daripada perbincangan di atas dapat dirumuskan di dalam kajian ini, menggunakan tiga fasa iaitu fasa analisis keperluan, fasa reka bentuk dan fasa penilaian. Perincian berkaitan Kajian Delphi adalah seperti berikut;

Pengenalan Fasa Analisis Keperluan

Kajian pada fasa ini bertujuan untuk Menerokai maklumat keperluan terhadap kajian kompetensi, menerusi temubual separa berstruktur dalam kalangan Pensyarah PLTV (TPKA), Kolej Vokasional dan Mengenalpasti dimensi keperluan untuk mereka bentuk Model Standard Kompetensi dalam kalangan Pensyarah PLTV (TPKA), Kolej Vokasional. Temu bual separa berstruktur telah dijalankan kepada lima belas (15) orang pakar untuk menjawab kedua-dua persoalan kajian tersebut. Dapatan temubual serta disokong sorotan kajian lalu, satu set protokol temubual berstruktur telah dibina sebagai instrumen temubual untuk pusingan pertama Delphi fasa reka bentuk.

Pengenalan Fasa Reka Bentuk

Kajian yang dijalankan pada fasa ini adalah menggunakan teknik Delphi yang bertujuan untuk membina item berdasarkan kesepakatan pandangan dalam kalangan panel pakar (Rosnah, (2013), Nik Mustafa (2017). Kaedah kajian Delphi adalah satu pendekatan untuk mendapatkan kesepakatan atau konsesus pendapat pakar mengenai

University of Malaya

masa depan tanpa sebarang pengaruh peribadi (Saedah Siraj, 2008; Norlidah Alias & Saedah Siraj, 2010).

Teknik Delphi. Teknik Delphi bukan merupakan sesuatu kaedah penyelidikan yang baru (Saedah Siraj, 2008, Norlidah, 2010 Norlidah Alias & Saedah Siraj, 2010). Sementelah itu kaedah kajian ini telah lama digunakan untuk penyelidikan dalam menilai hala tuju khasnya sains dan teknologi dan impak-impak bidang kemungkinan ke atas masyarakat termasuk serangan bom ke atas Amerika Syarikat pada masa akan datang (Gordon & Helmer, 1964; Norlidah Alias & Saedah Siraj, 2010). Teknik Delphi telah dibangunkan di *The Rand Corporation* pada tahun 1946 dan telah diasaskan pada tahun-tahun 1950-an oleh Abraham Kaplan di Califoria, Amerika Syarikat tetapi teknik tersebut tidak pernah digunakan. Sebaliknya, disimpan sebagai rahsia hampir sepuluh tahun sehingga Gordon dan Helmer dari *The Rand Corporation* memperkenalkannya sewaktu menyediakan Laporan RAND (Saedah Siraj, 2008; Norlidah Alias & Saedah Siraj, 2010).

Penggunaan teknik Delphi dalam kajian ini bagi mendapatkan keesahan instrumen yang digunakan dan mereka bentuk instrumen (Linstone & Turoff, 2002; Su-fen, Chien-Lin, Kuan-Chin & Lee-Hsieh ,2010; Manizade & Mason, 2011). Teknik Delphi ini adalah berdasarkan pengetahuan pakar boleh dipercayai bagi menghasilkan sumbangan yang bermakna dalam menyelesaikan permasalahan kompleks (Landeta & Barrutia, 2011; Rosnah ,2013; Nik Mustaffa, 2016). Beberapa pusingan maklum balas bakal dibuat dan ianya adalah proses yang penting dalam teknik Delphi. Pusingan yang

University of Malaya

dilalui, membolehkan pakar Deplhi untuk menyemak semula penilaian yang dibuat dalam pusingan sebelumnya. Teknik Delphi juga digunakan bagi melihat dan mendapatkan seberapa banyak maklumat baharu tentang masalah dan fenomena baharu (Skulmoski, Hartman & Krahn, 2007; Nik Mustafa, 2016). Penggunaan teknik Delphi ini sesuai untuk mengkaji isu yang kompleks bila mana data dalam bentuk kuantitatif gagal untuk mendapatkan lebih banyak pengetahuan tersirat dalam minda dan pandangan kalangan pakar (Grisham, 2009). Menurut Grisham (2009), Nik Mustafa (2016) teknik ini juga sesuai digunakan bagi mendapatkan lagi pengetahuan yang tersirat di dalam minda dan pandangan pakar apabila kajian menggunakan kaedah kuantitatif tidak dapat mencapai objektif yang disarankan.

Justifikasi pemilihan teknik Delphi oleh penyelidik adalah (i) kaedah Delphi merupakan cara yang sistematik menggabungkan keputusan individu bagi memperoleh satu kesimpulan bersama (Helmer, 1968; Norlidah Alias & Saedah Siraj, 2010). (ii) objektif utama teknik Delphi ialah mendapat maklum balas yang mempunyai kesahan yang tinggi terhadap masalah dan soal selidik yang diberi kepada sekumpulan pakar. Di samping itu, teknik Delphi mempunyai tiga sifat yang istimewa iaitu ketelusan, maklum balas terkawal dan analisis statistik kumpulan (Armstrong, 1989; Dalkey, 1969, Norlidah Alias & Saedah Siraj, 2010).

Pengkaji memilih menjalankan kajian Delphi setelah mengambil kira beberapa pandangan seperti pengkaji-pengkaji terdahulu yang menggunakan kaedah ini. Di samping beberapa kelebihan lain yang menyebabkan pengkaji terpanggil

University of Malaya

menggunakan kaedah kajian Delphi antaranya menurut Asnul, Ruhizan & Ramlee (2011): (i) kajian Delphi berupaya mendapatkan persetujuan panel pakar yang tulen kerana setiap pakar tidak mengenal malah tidak pernah bertemu antara satu sama lain; (ii) kesepakatan panel pakar dapat dicapai tanpa pilih kasih, pengaruh dan tekanan mana-mana pihak; (iii) panel pakar berupaya melahirkan pendapat mereka yang tekal dengan bidang kepakaran masing-masing; (iv) kajian Delphi sesuai digunakan untuk melakukan jangkaan masa depan, dan (v) kajian Delphi digunakan dengan berkesan untuk mendapatkan banyak pendapat terhadap sesuatu isu yang kompleks.

Menurut Saedah, 2008; Norlidah Alias & Saedah Siraj, 2010, teknik Delphi membolehkan panel pakar lebih bersifat kreatif untuk melahirkan idea serta pandangan mereka ke atas sesuatu persoalan yang ditimbulkan. Oleh kerana pakar tidak terlibat dalam perbincangan terbuka dan bersama, tidak ada risiko pendapat-pendapat individu dipengaruhi oleh individu yang lebih dominan atau lebih berpengalaman. Beliau telah menggariskan empat rumusan langkah-langkah yang perlu diambil dalam menjalankan kajian menggunakan teknik Delphi: (i) Pemilihan sampel (pakar) yang tepat dan sesuai dengan tujuan kajian atau bidang yang hendak dikaji; (ii) Satu soal selidik yang telah direka bentuk oleh penyelidik dihantar pula kepada sekumpulan pakar, soal selidik tersebut harus dijawab secara berasingan oleh sampel tanpa sebarang tekanan daripada mana-mana pihak, kemudian soal selidik tersebut dipungut semula dan penyelidik merumuskan jawapan soal selidik daripada pakar-pakar hasil dari teknik Delphi pusingan satu. (iii) Keputusan-keputusan soal selidik tersebut dihantar semula kepada setiap pakar supaya mereka berpeluang menilai semula jawapan asal masing-masing

University of Malaya

berdasarkan jawapan-jawapan anggota lain kumpulan pakar. Ini adalah Delphi Pusingan Kedua; (iv) Penyelidik menjalankan soal selidik Delphi pusingan ketiga dan kemungkinan sehingga ke pusingan keempat sebelum pemprosesan data terakhir dilakukan.

Dengan menjalankan soal selidik Delphi pusingan kedua, ketiga dan keempat bererti memberi peluang kepada pakar untuk mempertahankan jawapan asal masing-masing ataupun mengubah pandangan untuk bersetuju dengan majoriti anggota lain kumpulan pakar. Penyelidik perlu mengkaji dan membincangkan semula cadangan dan bantahan daripada sampel dari setiap pusingan untuk memastikan jawapan yang tepat dan memperoleh kesepakatan pandangan pakar.

penentuan bilangan pusingan teknik delphi. Teknik Delphi secara meluas oleh penyelidik tempatan di peringkat Ijazah Doktor Falsafah dengan tumpuan yang pelbagai seperti pembangunan kurikulum, pembangunan modul, mengenal pasti budaya Sains dan kandungan kurikulum. Merujuk di dalm kajian Norlidah Alias (2010) ada dinyatakan pengkaji Rusilawati Othman (2007) telah menggunakan teknik Delphi tiga pusingan untuk mendapat persetujuan 16 orang pakar dalam membangunkan instrumen mengukur budaya sains dan teknologi dalam kalangan murid sekolah rendah dan menengah. Turut dicatatkan Zaharah Hussin (2008) telah menggunakan teknik Delphi melibatkan lapan orang pakar dalam bidang pendidikan Islam dan pedagogi, dalam membina kandungan kurikulum pendidikan akhlak untuk latihan perguruan pendidikan Islam. Beliau telah menggunakan teknik Delphi ubah suaian dua pusingan. Manakala

University of Malaya

dari Ahmad Sobri Shuib (2009) telah menggunakan teknik Delphi tiga pusingan dalam mereka bentuk kurikulum m-Pembelajaran sekolah menengah.

Seterusnya kajian oleh Chin Hai Leng (2009) telah menggunakan teknik Delphi dalam pembangunan Portal pembelajaran tatabahasa Bahasa Melayu tingkatan satu, menemubual lima orang guru pakar Bahasa Melayu terlebih dahulu dalam pembentukan soal selidik. Kemudiannya beliau telah mentadbirkan soal selidik Delphi dalam dua pusingan dengan melibatkan 10 orang panel pakar Bahasa Melayu. Sementelah itu Norlidah Alias & Saedah Siraj (2010), telah menggunakan teknik Delphi dua pusingan, pembentukan instrumen Delphi telah menggunakan temu bual soalan terbuka ke atas 5 orang pakar. Pusingan 1 dan 2 telah menggunakan soal selidik berstruktur dengan melibatkan 21 orang pakar.

Sebanyak empat kali pusingan Delphi telah dicadangkan dan telah digunakan dalam kajian ini, berdasarkan kaedah yang digunakan oleh (Stylianides & Pashiardis, 2007; Hsu & Sandford, 2007; Norlidah Alias & Saedah Siraj, 2010; Rosnah, 2013; Nik Mustaffa, 2016). Namun yang demikian tiga sesi pusingan Delphi adalah mencukupi bagi memenuhi keperluan kajian ini sekiranya kesapakatan dalam kalangan pakar telah dicapai menurut (Manizade & Mason, 2011; Wallengren, 2011; Rosnah, 2013; Nik Mustaffa, 2016). Empat pusingan yang dicadangkan untuk kajian ini adalah seperti berikut;

University of Malaya

teknik delphi pusingan pertama. Dalam sesi pusingan pertama teknik Delphi, pengkaji telah menemubual seramai sembilan (9) orang pakar bertujuan untuk mencerakinkan dimensi Standard Kompetensi Pensyarah PLTV (TPKA), Kolej Vokasional, Kementerian Pendidikan Malaysia berdasarkan pandangan dan kesepakatan dalam kalangan panel pakar dan menyenaraikan amalan terbaik bagi setiap dimensi tandard Kompetensi Pensyarah PLTV (TPKA), Kolej Vokasional, Kementerian Pendidikan Malaysia berdasarkan analisis pandangan dan kesepakatan dalam kalangan panel pakar. Menurut Keeney, Hasson & McKenna (2011) pusingan pertama dalam kaedah kajian Delphi boleh dimulai dengan soalan terbuka menerusi sesi temubual bagi menjana idea dan mendapatkan maklum balas mengenai sesuatu isu yang dikemukakan. Malah, Proctor & Hunt (1994) turut berpendapat bahawa penggunaan pendekatan kualitatif dalam pusingan pertama kajian Delphi dapat menghasilkan maklumat data yang lebih komprehensif. Justeru, data temubual yang dikumpul dianalisis bagi mendapatkan data deskriptif yang menjadi asas dalam membentuk tema dan item soal selidik.

Selanjutnya, justifikasi pemilihan kaedah temubual dalam pusingan pertama kajian Delphi disebabkan keupayaan kaedah tersebut memungut data yang mengandungi sikap, kepercayaan, niat, pandangan, pengalaman dan nilai (Gall, Gall & Borg, 2003). Selari dengan pandangan di atas, Berg (2004) berpendapat bahawa kaedah temu bual bermatlamat untuk mengetahui perkara yang terdapat dalam minda seseorang. Malah, kaedah temubual merupakan kaedah yang paling luas digunakan

University of Malaya

dalam penyelidikan kualitatif (Bryman & Bell, 2003). Di samping itu, penggunaan kaedah temubual bagi menghasilkan item soal selidik untuk kegunaan pusingan kedua kajian Delphi menjadikan kajian tersebut lebih emperikal (Mohd Ridhuan Mohd Jamil *et al*., 2014). Justeru, sebelum perlaksanaan temubual sebenar, satu temu bual rintis telah dijalankan bagi menguji kesahan dan kebolehpercayaan protokol temubual tersebut.

teknik delphi pusingan kedua. Dalam sesi pusingan ini, panel pakar Teknik Delphi telah menerima senarai item yang telah dikumpul berdasarkan temu bual dalam pusingan pertama. Pakar telah menyemak semula item yang disenaraikan. Mereka diminta berinteraksi dengan menggunakan skala yang diberikan iaitu menggunakan skala Likert lima poin (Nik Mustafa, Radzi, 2016). Pakar dibolehkan untuk menyatakan rasional bagi pilihan mereka, membuang item yang telah disenaraikan, menambah item baru dan menambahbaik item sedia ada.

teknik delphi pusingan ketiga. Dalam sesi pusingan ini, panel Delphi menerima senarai item yang telah dikemas kini dalam pusingan kedua dan diminta menyemak semula penilaian yang mereka berikan kepada setiap item. Alasan perlu diberikan sekiranya tahap persetujuan mereka menjangkaui skala persetujuan majoriti bagi sesi pusingan terdahulu. Menurut Hsu & Sanford (2007), Rosnah (2013), Nik Mustafa (2016) hanya sedikit sahaja perubahan dijangkakan pada peringkat ini. Sesi

University of Malaya

pusingan Delphi boleh ditamatkan pada peringkat ini sekiranya kesepakatan yang tinggi telah dicapai antara panel bagi semua item. Pada pusingan ini, pusingan teknik Deplhi boleh diberhentikan sekiranya kesepakatan yang tinggi telah dicapai antara panel pakar bagi kesemua item. Tahap kesepakatan yang tinggi dalam kalangan sembilan (9) panel pakar diukur sekali lagi melalui nilai ukuran Julat antara Kuartil (JAK) dengan nilai antara 0.00 hingga 1.00 tercapai (Nik Mustafa, 2010)

teknik delphi pusingan keempat. Walaupun tiga pusingan sudah mencukupi, namun (Hsu,Sanford, 2007; Rosnah, 2013, Nik Mustafa, Radzi, 2016) menegaskan pusingan keempat kadangkala adalah perlu untuk meningkatkan kemantapan dapatan kajian. Bagi keperluan kajian ini, sesi pusingan Delphi ditetapkan sebanyak empat pusingan. Namun, sekiranya kesepakatan yang tinggi dalam kalangan pakar telah dicapai dalam sesi pusingan ketiga, kutipan data akan ditamatkan pada pusingan tersebut.

Fasa Penilaian

Di dalam kajian pada fasa ini melibatkan aktiviti kajian tinjauan. Instrumen soal selidik telah digunakan bagi mengumpulkan data. Ia dianggap kaedah termudah dan berkesan dalam memperolehi data piawai daripada saiz sampel kajian yang besar dan menyeluruh. (Babbie, 2001; Fraenkel, Wallen, 2003; Neumann, 2003; Mitchell, Jolley, 2004, Rosnah ,2013; Nik Mustafa,Radzi, 2016). Selanjutnya, *Carta 3.0* menunjukkan carta alir bagi memberi gambaran menyeluruh mengenai keseluruhan reka bentuk kajian.

University of Malaya



Carta 3.1: Carta Alir Reka Bentuk Kajian

University of Malaya

Populasi dan Persampelan Kajian

Sugiyono (2008) mendefinisikan populasi sebagai wilayah generisasi yang terdiri daripada objek atau subjek yang mempunyai kualiti dan kriteria tertentu yang ditetapkan oleh pengkaji untuk dipelajari dan kemudiannya diambil kesimpulan. Malah beliau juga menyatakan sampel merupakan sebahagian daripada populasi. Manakala daripada kajian oleh Sukardi (2004), Nik Mustafa (2017), sampel merupakan sebahagian perseorangan yang diambil untuk mewakili sesuatu populasi yang diambil datanya untuk menjawab persoalan kajian. Populasi dalam kajian ini adalah pensyarah-pensyarah TPKA Kolej Vokasional yang terpilih seluruh Malaysia dan berdasarkan tajuk dan soalan kajian yang dicadangkan oleh pengkaji. Walaubagaimanapun ciri pemilihan utama mereka adalah bertepatan dengan etika kajian yang berasaskan prinsip kesanggupan atau kerelaan hati untuk melibatkan diri dalam kajian ini. Kajian oleh (Patton,2002; Norlidah Alias & Saedah Siraj, 2010; Rosnah,2013;Nik Mustafa, 2016; Radzi,2016) menyetujui kenyataan tersebut dengan menetapkan syarat utama pemilihan peeserta kajian adalah mereka bersetuju secara peribadi dan berminat untuk melibatkan diri mereka di dalam sesebuah kajian.

Peserta Kajian Fasa Analisis Keperluan

Persampelan bertujuan telah digunakan di dalam fasa analisis keperluan kajian ini bagi memilih seramai 15 orang pakar PLTV, agar mereka dapat memberi maklum balas tentang keperluan kajian. Pakar yang dipilih merupakan mereka yang berpengalaman dalam kepimpinan, pengurusan dan kurikulum di Kolej Vokasional serta mempunyai sekurang-kurangnya lima (5) tahun pengalaman berkhidmat. Mereka

University of Malaya

juga hendaklah bersetuju untuk menjadi peserta kajian dengan rela hati dan sanggup memberi maklum balas dan data yang dikehendaki selari dengan keperluan kajian. Pakar yang dipilih ini terdiri dua (2) orang Pengarah Kolej Vokasional, dua (2) orang Penolong Pengarah Akademik Kolej Vokasional, tiga (3) orang Ketua Bidang Kejuruteraan Awam tiga (3) orang Ketua Panitia Teknologi Pembinaan dan lima (5) orang Pensyarah kursus TPKA. Saiz sampel ditetapkan berdasarkan kepada saranan pengkaji di dalam bidang analisis dan reka bentuk sistem. Jumlah sampel seramai lima belas orang (15) ini adalah memadai dan mencukupi sekiranya objektif reka bentuk adalah jelas dan terhad (Jakson & Burd, 2007; Boonan, 1979; Norlidah Alias & Saedah Siraj, 2010). Peserta kajian fasa analisis keperluan adalah seperti di dalam Jadual 3.1 berikut;

Jadual 3.1

Pemilihan Peserta Kajian Fasa Analisis Keperluan Berdasarkan perjawatan

Jawatan	**Negeri**	**Jumlah**
Pengarah Kolej Vokasional	Melaka	1 orang
	Selangor	1 orang
Penolong Pengarah Kolej Vokasional	Negeri Sembilan	1 orang
	Johor	1 orang
Ketua Jabatan Kejuruteraan Awam, Kolej Vokasional	Negeri Sembilan	1 orang
	Selangor	2 orang
Ketua Panitia Teknologi Pembinaan Kejuruteraan Awam, Kolej Vokasional	Johor	1 orang
	Selangor	2 orang
Pensyarah Kursus Teknologi Pembinaan, Kejuruteraan Awam, Kolej Vokasional	Johor	2 orang
	Melaka	2 orang
	Selangor	1 orang
Jumlah		15 orang

Peserta kajian Fasa Reka Bentuk. Fasa reka bentuk di dalam kajian ini adalah fasa yang paling penting dalam pembinaan reka bentuk MSKPKVM, berdasarkan kesapakatan pakar tempatan. Maka, fasa reka bentuk yang bakal dilaksanakan kerana pemilihan peserta kajian mempengaruhi kualiti kajian (Worrell, Di Gangi & Bush, 2012; Rosnah, 2013). Panel pakar kajian adalah terdiri dari kalangan individu yang mempunyai kepakaran dalam bidang yang dikaji, berkeupayaan dan bersedia untuk melibatkan diri dalam kajian serta mempunyai kemahiran untuk berkomunikasi (Hsu,Sandford, 2007; Rosnah, 2013; Nik Mustafa, 2016). Untuk kepentingan kajian ini, berikut merupakan kriteria ahli panel Delphi iaitu; (i) memiliki pengalaman dan kepakaran dalam bidang PLTV; (ii) mempunyai pengetahuan tentang standard kompetensi pensyarah PLTV khususnya kursus teknologi pembinaan; atau (iii) memiliki kepakaran dalam bidang PLTV khususnya kursus teknologi pembinaan; atau mempunyai pengalaman merancang aktiviti pembelajaran pensyarah PLTV, dan (iv) berkesanggupan memberikan komitmen untuk menyertai semua sesi pusingan Delphi.

saiz pakar kajian delphi. Pemilihan pakar dan saiz panel pakar adalah perkara utama yang perlu dipertimbangkan dalam penggunaan Teknik Delphi. Pakar merupakan orang yang berpengalaman dalam sesuatu bidang tertentu (Dalkey,1972; Norlidah Alias & Saedah Siraj, 2010). Justeru berlandaskan ketetapan ini, penyelidik telah merujuk kepada Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional (BPTV), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Akademi Binaan Malaysia bagi menentukan panel pakar PLTV yang dikenali reputasi mereka sebagai pakar. Pemilihan ini amat bertepatan dan telah membantu pengkaji mendapat kerjasama yang amat baik dalam kalangan panel pakar

University of Malaya

tersebut kerana mereka merasakan diri mereka telah mendapat pengiktirafan dari pihak atasan terutamanya dari KPM. Selain itu, saiz panel pakar perlu diambil kira dalam pengunaan Teknik Delphi. Bilangan pakar berupaya menentukan kebolehpercayaan dan purata ralat kumpulan terhadap konsensus yang dibuat (Boonan, 1979; Norlidah Alias & Saedah Siraj, 2010). Jadual 3.2 memaparkan perkaitan antara penurunan ralat dengan saiz panel;

Jadual 3.2

Perkaitan pengurangan ralat dengan saiz panel

Saiz Panel	Pengurangan ralat	Perubahan Berkesan
1-5	1.20 kepada 0.70	0.50
5-9	0.70 kepada 0.58	0.12
9-13	0.58 kepada 0.54	0.04
13-17	0.54 kepada 0.50	0.04
17-21	0.50 kepada 0.48	0.02
21-25	0.48 kepada 0.46	0.02
25-29	0.46 kepada 0.44	0.02

Penentuan saiz sampel bagi teknik Deplhi kajian ini dibuat berdasarkan saiz sampel beberapa kajian yang terdahulu. Antara kajian yang menggunakan Delphi yang dilaksanakan di Malaysia adalah kajian oleh Muhammad Faizal A. Ghani (2008) yang menggunakan empat pusingan melibatkan seramai lima belas orang pakar. Manakala Zaharah Hussin (2008) telah menggunakan teknik Delphi melibatkan lapan orang (8) pakar dalam bidang pendidikan Islam dan pedagogi. Kajian oleh Norlidah Alias & Saedah Siraj (2010), menggunakan Teknik Delphi ubah suaian dua pusingan, seramai dua puluh satu (21) orang. Di dalam kajian lain pula Rosnah (2013) menggunakan tiga

University of Malaya

pusingan melibatkan 15 orang pakar. Radzi (2016) menggunakan tiga pusingan melibatkan lima belas orang (15) pakar di dalam kajian reka bentuk Model Kepimpinan Ulul Albab Maktab Rendah Sains Mara dan Nik Mustafa (2016) melibatkan lima belas orang (15) pakar, tiga pusingan dalam kajian Pembangunan Kepimpinan Murabbi Maktab Rendah Sains Mara.

Untuk kepentingan kajian ini, peringkat awal saiz peserta kajian pengkaji telah menetapkan seramai lima belas orang (15). Berdasarkan jadual di atas (Boonan, 1979; Norlidah Alias & Saedah Siraj, 2010), saiz panel 15 orang ini berupaya untuk mengurangkan ralat dari nilai 0.54 kepada 0.50 (perubahan berkesan 0.04). Namun hanya sembilan (9) orang pakar yang memberi kerjasama yang konsisten sehingga ke pusingan ke-3, selebihnya menarik diri pada fasa yang kedua dan tidak setuju untuk meneruskan kerjasama atas alasan professional dan komitmen tugasan yang sangat rigid. Penarikan diri panel pakar pada pusingan ini tidak memberi kesan yang besar kepada kajian ini kerana pengurangan ralat dari nilai 0.58 kepada 0.54, namun perubahan berkesan masih kekal sama iaitu 0.04. Justeru, saiz panel tersebut sebagai munasabah dan boleh diuruskan. Jadual 3.3 menunjukkan senarai pakar yang telah dikenal pasti berdasarkan jawatan mereka.

Secara kesimpulannya, dapat dirumuskan bahawa untuk menjalankan teknik Delphi dengan berkesan, seseorang penyelidik perlu mempunyai kemahiran membina hubungan yang baik dengan panel pakar serta mempunyai daya pujuk yang tinggi, bijak menguruskan serahan dan kutipan data dengan mengadakan jadual kutipan soal selidik,

University of Malaya

serta mempunyai jaringan hubungan secara langsung dan tidak langsung dengan panel pakar.

Memandangkan konsep Model Standard Kompetensi Pensyarah Kolej Vokasional ini adalah sesuatu yang agak baru dalam bidang pendidikan (Wahba, 2013), pemilihan pakar dibuat dengan teliti dan agak terpilih. Berdasarkan kriteria yang telah disebut, latar belakang peserta yang dipilih sebagai pakar juga telah dikaji dengan teliti. Langkah ini dibuat adalah untuk memastikan bahawa pakar yang dipilih mempunyai pengetahuan yang jelas tentang konsep model standard kompetensi pensyarah PLTV tidak kira sama ada melalui pengalaman tugas, pembacaan, penulisan, ataupun kajian mereka sendiri serta mempunyai minat yang mendalam terhadap kajian ini. Faktor ini adalah amat penting bagi kajian yang bakal dijalankan ini kerana fasa kajian ini menggunakan teknik Delphi yang dilakukan dalam tiga hingga empat pusingan. Sekiranya kekurangan minat terhadap kajian inidan seterusnya akan merencatkan proses kutipan data. Bagi mengelak atau mengurangkan risiko permasalahan kajian yang bakal dijalankan ini, pengkaji telah merancang dan berusaha membina rangkaian kerjasama yang baik dengan semua pakar agar kajian dapat dijalankan dengan lancar. Jadual 3.3 menunjukkan senarai pakar yang telah dikenal pasti berdasarkan jawatan mereka.

University of Malaya

Jadual 3.3

Pemilihan Panel Pakar

Pakar	**Jumlah**
Penolong Pengarah BPTV	1 orang
Profesor Universiti	1 orang
Pensyarah Universiti	1 orang
Pensyarah IPGM (Bahasa)	1 orang
Pensyarah IPGM (Teknik dan Vokasional)	1 orang
Pen. PPD Unit Akademik (Teknik dan Vokasional)	1 orang
Ketua Jabatan , Akademi Pembinaan	1 orang
Jurutera Awam, Pemaju Perumahan	2 orang
Jumlah	9 orang

Merujuk kepada Jadual 3.3, pemilihan pakar adalah terdiri daripada seorang pakar dari BPTV yang telah berkhidmat lebih daripada tujuh tahun di bahagian Pembangunan Kurikulum serta mempunyai latar belakang sebagai Pensyarah PLTV TPKA, lima orang pakar yang terdiri daripada pensyarah di pusat pengajian tinggi awam di Malaysia. Salah seorang daripada profesor yang terlibat sebagai pakar di dalam kajian ini, sedang berkhidmat di universiti awam di Malaysia, merupakan pakar dalam PLTV dan merupakan pakar rujukan samada di dalam atau di luar negara. Selain daripada itu seorang pensyarah unversiti awam telah bersetuju menjadi panel pakar kajian ini. Beliau merupakan seorang pakar kejuruteraan awam juga sering menjadi pakar rujuk di dalam dan di luar negara khususnya terhadap kursus TPKA. Selain daripada itu panel pakar juga adalah dalam kalangan pensyarah bahasa IPGM yang bersetuju untuk melihat ketetapan bahasa khasnya untuk terjemahan yang menggunakan

University of Malaya

bahasa inggeris. Salah seorang daripada pakar merupakan pegawai yang bertugas di Pejabat Pendidikan Daerah, sebagai Pen. PPD Teknik dan Vokasional. Beliau mempunyai pengalaman yang luas berkaitan dalam PdP dan pengurusan unit PLTV serta telah berkhidmat di PPD lebih daripada enam belas tahun. Selain daripada itu, pakar yang terlibat di dalam kajian ini merupakan seorang Ketua Jabatan, Akademi Pembinaan Malaysia, yang berpengalaman luas khasnya di dalam kursus TPKA dan CIDB. Beliau bersetuju untuk melihat ketetapan istilah teknikal yang tepat dalam pembinaan item. Untuk dua orang pakar seterusnya, adalah Jurutera Awam syarikat pemaju perumahan, yang sangat berpengalaman dan jurutera yang menjadi tunjang utama diberi tanggungjawab membina lebih daripada seribu buah rumah kediaman sekitar Negeri Selangor dan Negeri Sembilan. Pemilihan pakar ini amat penting untuk memperolehi maklumat dan melihat pendangan mereka berkaitan kompetensi pensyarah PLTV, Kolej Vokasional. Mereka juga mempunyai pendidikan yang tinggi dan terlatih diperingkat Sarjana dan sekurang-kurangnya peringkat Ijazah Sarjana Muda.

peserta kajian fasa penilaian. Fasa penilaian yang di jalankan dalam kajian ini bertujuan menilai semula berdasarkan model kompetensi yang telah direka bentuk dalam fasa terdahulu. Justeru kajian ini melibatkan saiz sampel yang besar dan yang telah ditetapkan, bagi menguji dan menilai MSKPKVM yang dibina. Kaedah yang digunakan bagi menilai model standard kompetensi ini terhadap sampel kajian adalah dengan menggunakan kaedah kuantitatif.

University of Malaya

Kriteria Pemilihan Sampel Fasa Penilaian

Bagi menentukan kaedah pemilihan sampel, pendapat Krejcie dan Morgan (1970), dan pendapat Sekaran (2003), Nik Mustafa (2016) telah diguna sebagai rujukan dan panduan. Berdasarkan kepada jadual penentuan saiz sampel (Chua Yan Piaw, 2006) yang mengambil penentuan saiz sampel Krejcie dan Morgan (1970), sekiranya jumlah populasi mencecah angka 3500 orang, sampel kajian hendaklah kurang dari 346 orang. Jika populasi adalah sebanyak 60 orang, sampel kajian adalah sebanyak 52 orang. Sekiranya populasi sebanyak 55 orang, sampel kajian hendaklah sekurang-kurangnya 48 orang. Jika di ambil kira responden simpanan bagi mengelakkan kes-kes di mana responden dalam sampel hilang, yang membawa maksud responden tidak memberikan kerjasama ataupun berpindah). Menurut Chua Yan Piaw (2006), responden-responden simpanan akan menggantikan responden yang hilang. Beliau turut menyatakan satu sampel yang baik hendaklah yang paling hamper mewakili keseluruhan populasi berkenaan. Ianya turut dinyatakan oleh Van Dalen (1993) di dalam kajian Nik Mustafa (2016) iaitu prosedur yang selamat bagi mendapatkan sampel yang mencukupi ialah dengan menggunakan sampel sebesar yang mungkin. Selanjutnya penetapan jumlah sampel kajian adalah berdasarkan pandangan Scheafer, Mendenhall dan Ott (2009) yang menyatakan bahawa had minima peserta kajian bagi kajian tinjauan adalah seramai 30 orang berdasarkan taburan normal.

Pemilihan sampel kajian tinjauan (Pensyarah PLTV) yang berbentuk persampelan bertujuan (*purposive sampling*) adalah untuk memastikan maklumat yang diperolehi akan menjawab soalan kajian. Peserta kajian hendaklah mempunyai kriteria

University of Malaya

yang ditetapkan supaya mereka dapat memberikan maklumat yang diperlukan dengan seberapa baik (Mason, 2002; Ritchie & Lewis, 2003). Menurut Chua (2006), pemilihan sampel melibatkan pertimbangan antara ketetapan, kos, ujian statistik, ciri-ciri pembolehubah dan sais populasi. Pemilihan juga mengambil pengalaman pensyarah PLTV mengajar kursus TPKA di Kolej Vokasional di bawah pimpinan Pengarah sediada. Menurut keperluan kajian ini kesemua sampel adalah bertaraf tetap dan memiliki sekurang-kurangnya Diploma dan yang setaraf dengannya dan telah disahkan dalam jawatan. Sampel kajian mestilah yang pensyarah PLTV yang mengajar kursus TPKA dan pernah mendapat pendidikan kejuruteraan awam secara formal. Manakala faktor terpenting ialah sampel kajian bersedia melibatkan diri dalam kajian ini secara sukarela bagi memperolehi maklumat yang bersesuaian dan bertepatan dengan keadaan sebenar bagi menjawab persoalan kajian. Sampel kajian ini telah diberikan taklimat terlebih dahulu berkenaan maksud istilah standard kompetensi dan juga objektif kajian ini.

Kriteria Pemilihan Lokasi Kajian Fasa Penilaian

Kriteria pemilihan lokasi dibuat berdasarkan kepada 14 buah negeri termasuk Wilayah Persekutuan yang terlibat. Populasi kajian adalah dari 44 buah Kolej Vokasional (KV), Kementerian Pendidikan Malaysia di seluruh Malaysia termasuk negeri Sabah dan Sarawak, yang ada menawarkan kursus TPKA (BPTV, 2015). Jumlah keseluruhan KV di Semenanjung Malaysia pada tahun 2015 adalah 66 buah (Perangkaan Pendidikan Malaysia 2013, PPPM 2013-2025). Namun yang demikian

hanya 44 buah KV yang ada menawarkan kursus teknologi pembinaan di seluruh Malaysia seperti dalam Jadual 3.4 berikut:

Jadual 3.4

Senarai dan Bilangan Kolej Vokasional, Di Semenanjung Malaysia pada, 30 Jun 2015

Negeri	Nama Kolej	Daerah
Johor (6)	1. Kolej Vokasional Batu Pahat	Batu Pahat
	2. Kolej Vokasional Segamat	Segamat
	3. Kolej Vokasional Kota Tinggi	Kota Tinggi
	4. Kolej Vokasional Muar	Muar
	5. Kolej Vokasional Tanjung Puteri	Johor Baharu
	6. Kolej Vokasional Kluang	Kluang
Melaka (3)	7. Kolej Vokasional Melaka Tengah	Melaka
	8. Kolej Vokasional Datuk Seri Mohd.Zin	Alor Gajah
	9. Kolej Vokasional Jasin	Jasin
Negeri Sembilan (3)	10. Kolej Vokasional Port Dickson	Port Dickson
	11. Kolej Vokasional Ampangan	Seremban
	12. Kolej Vokasional Juasseh	Juasseh
Selangor (2)	13. Kolej Vokasional Klang	Klang
	14. Kolej Vokasional Sungai Buloh	Sg. Buloh
Pahang (5)	15. Kolej Vokasional Muadzam Shah	Muadzam Shah
	16. Kolej Vokasional Kuantan	Kuantan
	17. Kolej Vokasional Sultan Haji Ahmad Shah Al-Mustain Billah	Kuala Lipis
	18. Kolej Vokasional Sultan Ahmad Shah Ahmad	Kuala Rompin
	19. Kolej Vokasional Temerloh	Temerloh
Terengganu (3)	20. Kolej Vokasional Kemaman	Kemaman
	21. Kolej Vokasional Besut	Besut
	22. Kolej Vokasional Kuala Terengganu (Wakaf Tembusu)	Kuala Terengganu

University of Malaya

Sambungan…

Kelantan (2)	23. Kolej Vokasional Kuala Krai 24. Kolej Vokasional Tanah Merah	Kuala Krai Tanah Merah
Kedah (2)	25. Kolej Vokasional Langkawi 26. Kolej Vokasional Jalan Stadium	Langkawi Alor Setar
Perlis (2)	27. Kolej Vokasional Arau 28. Kolej Vokasional Kangar	Arau Kangar
Perak (5)	29. Kolej Vokasional Ipoh 30. Kolej Vokasional Taiping 31. Kolej Vokasional Seri Iskandar 32. Kolej Vokasional Slim River 33. Kolej Vokasional Lebuh Cator	Ipoh Taiping Bota Slim River Ipoh
Pulau Pinang (2)	34. Kolej Vokasional Balik Pulau 35. Kolej Vokasional Nibong Tebal	Balik Pulau Nibong Tebal
Wilayah Persekutuan (2)	36. Kolej Vokasional Setapak 37. Kolej Vokasional Labuan	W.P K.Lumpur W.P Labuan
Sabah (4)	38. Kolej Vokasional Kudat 39. Kolej Vokasional Keningau 40. Kolej Vokasional Tawau 41. Kolej Vokasional Likas	Kudat Keningau Tawau Likas
Sarawak (3)	42. Kolej Vokasional Matang 43. Kolej Vokasional Betong 44. Kolej Vokasional Bintulu	Kuching Betong Bintulu

Soal selidik dihantar ke negeri-negeri Malaysia barat dan Malaysia Timur serta Wilayah Persekutuan secara terjadual berperingkat kepada Kolej Vokasional yang terlibat. Merujuk kepada Jadual 3.5 di bawah, dapatan analisis mendapati sebanyak 360 soal selidk telah diedarkan kepada sampel kajian dan sebanyak 304 soal selidik telah berjaya dikumpulkan kembali. Peratus keseluruhan jumlah soal selidik yang dikembalikan untuk di analisis adalah sebanyak 84.4 peratus. Perincian bilangan soal selidk yang diedarkan, bilangan soal selidk yang telah dikembalikan adalah seperti dalam Jadual 3.5 berikut;

University of Malaya

Jadual 3.5

Jadual Pemilihan Lokasi Kajian (Negeri) dan Pengagihan Soal Selidik

Profil Tempat Kajian	**Negeri**	**Jumlah**		
		Bilangan Soal Selidik Diedarkan (N1)	Bilangan Soal Selidik Dikembalikan (N2)	Peratus Soal Selidik Dikembalikan (%)
Malaysia Barat	Johor	32	27	84.4
	Melaka	24	10	41.7
	Negeri Sembilan	24	20	83.3
	Selangor	22	21	95.5
	Pahang	27	18	66.7
	Terengganu	30	29	96.7
	Kelantan	25	24	96.0
	Perak	53	51	96.2
	Kedah	15	12	80.0
	Pulau Pinang	16	11	68.8
	Perlis	16	11	68.8
Malaysia Timur	Sabah	35	33	94.3
	Sarawak	21	18	85.7
Wilayah Persekutuan	Kuala Lumpur & Labuan	20	19	95.0
	Jumlah	360	304	84.4

Nota: N1,N2 = Bilangan.

Instrumen Kajian

Kajian ini menggunakan dua jenis instrument utama iaitu soalan temu bual berstruktur dan soal selidik. Di dalam bahagian ini, membincangkan proses untuk membina instrument tersebut berdasarkan fakta kajian seperti berikut;

University of Malaya

fasa analisis keperluan. Fasa ini bertujuan untuk mengenalpasti gambaran semasa tahap kompetensi semasa Pensyarah PLTV (TPKA), Kolej Vokasional. dan keperluan dimensi standard kompetensi dalam pembinaan reka bentuk MSKPKV. Maka satu protokol temu bual separa berstruktur ringkas di bina menggunakan soalan yang mempunyai dua respon iaitu respon tertutup bagi soalan yang diberikan pilihan jawapan, manakala respon terbuka akan diberikan kepada soalan yang memerlukan penjelasan. Kajian rintis telah dijalankan terlebih dahulu untuk mendapatkan kesahan dan kebolehpercayaan instrumen protokol temubual tersebut sebelum ianya ditadbirkan. Penjelasan lanjut kesahan dan kebolehpercayaan instrumen fasa ini di dalam prosedur analisis data.

Selanjutnya dua domain kompetensi telah dikenal pasti di dalam yang menentukan reka bentuk MSKPKVM. Ianya diikuti dengan sorotan kajian lepas turut dimuatkan dalam protokol temu bual tersebut. Langkah ini di ambil dengan bertujuan untuk mengukuhkan dapatan sorotan kajian, justeru kesimpulan dari dapatan kajian dari fasa analisis keperluan ini dijadikan mekanisme untuk meneruskan kajian pada fasa reka bentuk yang berikutnya. Protokol temubual yang telah digunakan dalam fasa analisis keperluan, rujukan di lampiran (LAMPIRAN 1).

fasa reka bentuk. Kutipan data dalam fasa reka bentuk adalah sepenuhnya menggunakan teknik Delphi. Dua jenis instrumen digunakan dalam fasa ini iaitu soalan temu bual separa berstruktur untuk pusingan pertama Delphi dan soal selidik untuk pusingan kedua, ketiga dan seterusnya. Kaedah ini digunakan adalah bagi mendapatkan

University of Malaya

data yang lebih tetap dan terperinci dari panel pakar. Penerangan secara adalah seperti di bawah;

pusingan pertama. Satu protokol temu bual yang dibina berdasarkan hasilan analisis keperluan telah menggunakan sebagai instrument dalam pusingan ini. Format instrumen telah diubah suai daripada kajian Muhammad Faizal (2008), Rosnah (2013), Nik Mustafa (2015). Protokol temubual fasa reka bentuk ini boleh dirujuk di dalam lampiran (LAMPIRAN1). Format instrumen tersebut adalah seperti berikut;

1. ***Soalan Pengenalan:***

   Soalan adalah berbentuk pertanyaan khabar tentang tugas dan latar belakang peserta kajian. Ia tidak direkod secara formal. Soalan ini hanya bertujuan untuk membina hubungan dan rasa selesa dan keterbukaan antara pengkaji dan peserta kajian Delphi.

2. ***Soalan Pembukaan:***

   Penjelasan tentang matlamat dan kaedah kajian diberikan kepada peserta kajian Delphi. Peserta kajian juga dimaklumkan tentang kerahsiaan maklumat yang diberikan, bertujuan akademik dan tidak membawa kepada kemudaratan dari segi tugas atau aspek lain secara langsung kepada peserta Delphi.

University of Malaya

3. ***Soalan utama:***

Soalan temu bual yang memberikan penumpuan kepada objektif kajian di mana peserta kajian dikehendaki untuk memberikan pendapat serta pandangan mereka tentang MSKPKVM.

4. ***Soalan Penutup:***

Soalan temu bual bertujuan memberikan keyakinan kepada pengkaji bahawa data yang dicari telah berjaya diperolehi. Pada pengakhiran sesi temu bual, pengkaji merakamkan penghargaan dan mengucapkan terima kasih kepada peserta kajian.

Selanjutnya semasa sesi temu bual, perbualan dengan responden direkod dengan kebenaran untuk memudahkan semakan semula. Pada sesi pusingan pertama kajian Delphi, data dikutip menggunakan kaedah temu bual dan maklumbalas daripada peserta diproses dengan mengaplikasikan program *NVD*IST* secara manual. Data temu bual telah ditranskripsikan untuk penganalisissan data. Ayat-ayat penting dikodkan dan dikelaskan kepada item-item tertentu. Hasil dapatan temu bual sesi pusingan pertama Delphi berupaya mengenalpasti item bagi pembinaan soal selidik untuk kegunaan dalam pusingan kedua yang seterusnya. Pembinaan soal selidik ini adalah bertujuan untuk mendapatkan tahap kesepakatan pandangan dalam kalangan panel pakar berkaitan item yang sesuai bagi standard kompetensi pensyarah PLTV. Tugas untuk mendapatkan kesapakatan pakar adalah selari dengan pandangan (Babbie, 2001; Rosnah ,2013; Nik Mustafa, 2016), dimana mereka berpendapat bahawa instrumen yang dibina

University of Malaya

berdasarkan kepakaran sekumpulan individu, berupaya meningkatkan tahap kesahan dan kebolehpercayaan instrumen. Berikut adalah Jadual 3.6 senarai item yang terhasil daripada pusingan pertama Delphi;

Jadual 3.6

Konstruk item dan jumlah item dalam instrumen untuk kegunaan pusingan kedua Delphi

Dimensi Standard Kompetensi	**Elemen yang diperolehi**	**Jumlah Item**	**Jumlah**
Demografi	Jantina	1	5
	Gred Jawatan	1	
	Tahap Pendidikan	1	
	Pengalaman Mengajar	1	
	Kolej Vokasional di Negeri	1	
Bahagian II Dimensi Profesionalisme	Etika Profesional	11	41
	Sahsiah	10	
	Potensi	6	
	Pendekatan Komuniti Pembelajaran Profesional (PLC)	14	
Bahagian III Dimensi Kemahiran Generik	Komunikasi	12	79
	Kerja berkumpulan	8	
	Penyelesaian masalah	10	
	Membuat keputusan	9	
	Interpersonal	10	
	Keusahawanan	6	
	Pengurusan	12	
	ICT	12	
Bahagian IV Dimensi kemahiran Khusus (Fungsional)	**Kemahiran Teknikal**		188
	Pengenalan kepada teknologi pembinaan	4	
	Amalan keselamatan dalam industri pembinaan	5	
	Peralatan dan perkakasan pembinaan	4	
	Teknikal dan lukisan bangunan	4	
	Kerja asas	6	
	Tetulang dan kerja konkrit	8	
	Pemasangan rangka pintu dan tingkap	5	
	Kerja bata	9	
	Kerja tampal	10	
	Kekemasan kerja	13	

University of Malaya

Sambungan…

	Kebersihan, pembetungan dan perparitan	10	
	Kerja pagar	6	
	Kerja batu	5	
	Kerja konkrit dan acuan	6	
	Sistem sokongan	6	
	Penyelanggaraan bangunan, pemecahan dan kerja pengubahsuaian	6	
	Kos and anggaran kerja	5	
	Pengurusan pembinaan	9	
	Pembinaan projek komuniti	7	
	Pengurusan kerja kejuruteraan awam	7	
	Pengurusan kejuruteraan awam dan struktur tapak	10	
	Pengurusan kerja struktur	6	
	Kontrak dan prosedur perolehan	5	
	Pengurusan personel tapak	3	
	Prinsip pengurusan dan analisis risiko	4	
	Spesifikasi dan pengurusan kualiti kerja pembinaan	4	
	Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN)	13	
	Kemahiran Pedagogi Teknikal		
	Kemahiran perancangan pdp	18	
	Kemahiran pelaksanaan pdp	18	39
	Kemahiran pentaksiran pdp	3	
Jumlah			352

Jadual 3.6 di atas merupakan Jadual Konstruk item dan jumlah item yang diperolehi dalam instrumen dari pusingan pertama teknik Delphi. Data kulitatif hasil temubual terhadap 9 orang panel pakar telah di analisis dan disenarai pendek serta disusun mengikut Dimensi Standard Kompetensi Pensyarah PLTV TPKA. Dapatan daripada 9 orang panel pakar tersebut dianalisis dan disenaraikan dalam bentuk jadual agar ianya lebih tersusun dan sistematik. Hasil sepakatan pakar pada pusingan pertama teknik Delphi telah memperolehi empat dimensi dan setiap dimensi tersebut mempunyai sub dimensi dan amalan terbaik tersendiri. ebagai contoh Dimensi Profesionalisme mempunyai empat sub dimensi iaitu Etika profesionalisme, Sahsiah, Potensi dan

Universiti Malaya

Amalan Komuniti Pembelajaran Profesional (KPP). Item yang berjaya dibina bagi setiap sub dimensi adalah seperti berikut; (i) Etika Profesionalisme, 11 item, (ii) Sahsiah 10 item, (iii) Potensi 6 item dan (iv) KPP terdapat 14 item. Kesemua item yang telah disenaraikan seperti Jadual 3.6 di atas diserahkan semula kepada panel pakar di dalam pusingan kedua teknik Delphi. Panel pakar berpeluang untuk memberi pandangan, penambahan dan penolakan secara bertulis. Di mana di dalam pusingan yang kedua ini, pengkaji menggunakan skala likert untuk diberikan kepada panel pakar bari berinteraksi dengan senarai item yang telah disenaraikan.

pusingan kedua. Dalam pusingan kedua teknik Delphi, peserta telah berinteraksi dengan senarai item yang dibina dalam pusingan pertama. Tahap persetujuan mereka diwakili skala likert 5 point seperti berikut;

5 = Sangat Setuju
4 = Setuju
3 = Agak Setuju
2 = Tidak Setuju
1 = Sangat Tidak Setuju

Peraturan bagi pusingan ini, peserta dibenarkan menambah baik item sedia ada atau mengurangkan dan menambah item yang baru (Mohd Faizal, 2008; Rosnah, 2013; Nik Mustafa, 2016). Peraturan ini memberi ruang kepada panel pakar untuk melihat semula dan membuat penilaian item tanpa dipengaruhi oleh mana-mana pengkaji juga pengaruh alam sekeliling. Penambahbaikan dan penambahan item diambil kira dalam pembinaan instrumen dalam sesi pusingan ketiga Delphi. Senarai item yang telah ditambahbaik oleh pengkaji boleh di rujuk dalam lampiran (LAMPIRAN 2). Kesemua

University of Malaya

item telah di analisis untuk mengenalpasti tahap persetujuan dan kesepakatan panel pakar dengan merujuk kepada skor median dan mod dan nilai Julat Antara Kuartil (JAK) diantara 0.00 hingga 1.00 (Rosnah, 2013; Nik Mustafa, 2016). Penjelasan tentang kesahan dan tahap kesepakatan pakar Delphi untuk fasa reka bentuk telah diperincikan di dalam prosedur analisis data. Setelah melakukan perbincangan bersama panel pakar Delphi, instrumen soal selidik untuk kegunaan pusingan ketiga ini masih mengandungi empat bahagian utama iaitu: (i) Bahagian I mengandungi 5 item berkaitan demografi, (ii) Bahagian II mengandungi sebanyak 50 item berkaitan profesionalisme pertambahan sebanyak 9 item, (iii) Bahagian III sebanyak 81 untuk kemahiran generik, melibatkan pertambahan 2 item; dan (iv) Bahgian IV, 181 item, 7 item digugurkan dan 51 kompetensi kemahiran pedagogi setelah 12 item ditambah. Instrumen ini dihantar semula kepada lima belas peserta kajian yang sama dalam pusingan kedua Delphi. Berikut seperti di dalam Jadual 3.7 di bawah disenaraikan konstruk item dan jumlah item yang telah ditambahbaik hasil daripada pusingan kedua Delphi untuk digunakan dalam pusingan yang ketiga;

University of Malaya

Jadual 3.7

Konstruk Dimensi, Sub Dimensi dan jumlah item dalam instrumen soal selidik bagi kegunaan sesi ketiga Delphi

Konstruk Dimensi	**Sub Dimensi**	**Item Asal**	**Item Gugur**	**Item Baru**	**Jumlah Item**
Bahagian 1 Demografi	Jantina	1			1
	Gred Jawatan	1			1
	Tahap Pendidikan	1			1
	Pengalaman Mengajar	1			1
	Kolej Vokasional di Negeri	1			1
	Jumlah	5			5
Bahagian II (A) Dimensi Profesionalisme	Etika Profesional	11		1	12
	Sahsiah	11	1		10
	Potensi	6		2	8
	Pendekatan Amalan Komuniti Pembelajaran Profesional (PLC)	14		6	20
	Jumlah	41		9	50
Bahagian III (B) Dimensi Kemahiran Generik	Komunikasi	12			12
	Kerja berkumpulan	8			8
	Penyelesaian masalah	10			10
	Membuat keputusan	9			9
	Interpersonal	10			10
	Keusahawanan	6		2	8
	Pengurusan	12			12
	ICT	12			12
	Jumlah	79		2	81
Bahagian IV (C) Dimensi Kemahiran Khusus (Fungsional)	Kemahiran Teknikal (Teknologi Pembinaan)	188	22	15	181
	Kemahiran Pedagogi Teknikal	39	14	22	51
	Jumlah	227	7	12	232
Jumlah Keseluruhan		352	7	23	368

University of Malaya

pusingan ketiga. Peraturan dalam sesi pusingan ini ialah peserta kajian dikehendaki menilai semula tehap persetujuan mojoriti peserta kajian. Peserta perlu memberikan alasan terhadap skala yang diberi. Justeru implikasinya, format instrumen bagi sesi pusingan ini mempuntai enam ruangan iaitu:

(a) ruangan "Bil" yang menenpatkan penomboran item;

(b) ruangan "item" yang memuatkan item berdasarkan elemen atau dimensi item.

(c) ruangan "Skala Lalu" menempatkan skala likert lima point berdasarkan maklum balas dalam kalangan peserta kajian bagi sesi pusingan terdahulu. Ruangan ini telah di isi oleh pengkaji sebelum dipulangkan semula kepada peserta kajian;

(d) ruangan "Skala Majoriti Lalu" menempatkan nilai skala tersebut mewakili tahap persetujuan majority peserta kajian yang berpandukan skor kekerapan tertinggi bagi setiap item;

(e) ruangan "Skala Baru" memuatkan skala likert lima point yang memerlukan setiap peserta kajian untuk memilih semula salah satu nilai yang akan mewakili tahap persetujuan meraka terhadap item dalam sesi pusingan ketiga Delphi ini; dan

(f) ruangan "Alasan" merupakan ruangan untuk peserta kajian memberikan penjelasan sekiranya pemilihan nilai skala baru menjangkaui nilai dalam ruangan "Skala Majoriti Lalu". Maklumbalas peserta kajian di analisis untuk menempatkan skor median, mod dan julat kuartil (JAK).

Instrumen yang digunakan didalam pusingan ketiga Delphi boleh dirujuk di dalam lampiran (LAMPIRAN 3)

University of Malaya

Pusingan Delphi pada pusingan ketiga ini, oleh kerana kesemua item yang telah disenaraikan, telah mencapai persetujuan pakar pada skor median dan mod yang tertinggi iaitu lima (5). Selain daripada itu kesepakatan dan persetujuan yang tinggi turut diperolehi daripada panel pakar dengan nilai Julat Antara Kuartil (JAK) diantara 0.00 hingga 1.00 (Rosnah, 2013; Nik Mustafa, 2016). Penjelasan tentang kesahan dan tahap kesepakatan pakar Delphi untuk fasa reka bentuk telah diperincikan di dalam prosedur analisis data

Kajian Rintis

Kajian rintis merupakan satu kaedah terbaik untuk menentukan kesempurnaan sesebuah kajian kerana ia berupaya untuk menyelesaikan sesuatu masalah sebelum kajian lapangan dilaksanakan. Kesannya, pengkaji berupaya mengatasi sebarang risiko negatif, struktur soal selidik serta dapat mekurangkan kesalahan tatabahasa dan pengkaji dapat menimba pengalaman yang lebih bermakna (Fraenkel & Wallen, 2006; Gay & Airasian, 2000, Leed & Ormrod, 2001; Sekaran, 2000). Justeru, pengkaji telah melaksanakan kajian rintis ke atas instrumen-instrumen seperti berikut bagi tujuan penambahbaikan iaitu;

protokol temubual (instrumen pusingan pertama kajian delphi). Sesi temubual rintis telah dijalankan sebelum kajian lapangan dilaksanakan dengan tujuan seperti berikut: (i) soalan temubual tersebut berupaya untuk memantapkan strukturnya agar ianya lebih berfokus kepada objektif kajian; dan (ii) pengkaji dapat melatih diri

University of Malaya

sebelum berhadapan dengan suasana sebenar agar dapat menghilangkan rasa gementar dan gelisah.

Perlaksanaan kajian rintis bagi instrument ini telah melibatkan seramai tiga (3) orang individu yang pakar dalam bidang PLTV dari dua buah institusi PLTV. Sesi temubual yang dijalankan selama 1 hingga 2 jam itu telah memfokuskan soalan mengenai gambaran tahap kompetensi Pensyarah PLTV TPKA dan keperluan bagi pembinaan reka bentuk MSKPKVM. Soalan susulan turut dikemukankan bagi memperolehi penjelasan serta huraian kepada jawapan diperolehi sekiranya ia tidak lengkap. Kesemua data temubual telah dirakam dengan menggunakan perakam audio. Terdapat soalan telah dimurnikan ketika mengemaskini protokol temubual kerana ianya memberikan jawapan yang sama dan terlalu terperinci sehingga mengambil masa yang melebihi dua jam. Selanjutnya data temubual telah ditranskripsi sebaik sahaja temubual selesai beserta dengan pengesahan daripada peserta kajian rintis tersebut. Berikut merupakan beberapa tindakan susulan yang diambil kesan dari kajian rintis terhadap protokol temubual iaitu: (i) pengkaji perlu menerangkan konsep Teknik Delphi kepada peserta kajian sebelum memulakan kajian lapangan disebabkan kaedah ini adalah baharu dalam budaya penyelidikan di Malaysia, (ii) soalan temubual perlu dikategorikan mengikut tema bagi tujuan berikut iaitu soalan yang dikemukakan dalam kajian lapangan lebih tertumpu kepada objektif kajian, memudahkan data untuk dianalisis, (iii) memperbaiki kemahiran menyoal agar jawapan yang dikemukan bukan sekadar jawapan yang pendek seperti “ya” atau “tidak”, malah ia merupakan jawapan yang memberikan penjelasan selari dengan kehendak objektif dan persoalan kajian.

University of Malaya

Sebagai contoh kesilapan dalam memilih kata soalan "pernahkah" akan memberikan jawapan yang sesingkat satu perkataan samada "ya" atau "tidak", dimana situasi tersebut akan menghalang pengkaji untuk mendapatkan data yang dikehendaki. maka sebagai tindakan penambahbaikan, pemurnian yang dicadangkan adalah "Apakah yang Tuan / Puan / Dr / Prof / Datuk / Datin tahu tentang konsep Standard Kompetensi Pensyarah PLTV?" ; dan (iv) pemilihan peserta kajian Delphi seharusnya dari kalangan individu yang berpengalaman luas dalam bidang PLTV.

instrumen soal selidik (instrumen kajian tinjauan yang digunakan dalam fasa penilaian). Kajian rintis dilakukan telah dilakukan sebanyak 2 kali dengan melibatkan tiga puluh (30) orang pensyarah PLTV Bidang Kejuruteraan Awam Kolej Vokasional pada kajian rintis 1 manakala seramai seratus (100) orang di dalam rintis 2. Menurut Cohen, Manion dan Marisson (2000); Nik Mustaffa (2016) pula, fungsi kajian rintis ke atas soal selidik adalah seperti berikut; (i) Menyemak kejelasan item-item, arahan dan susun atur soal selidik, (ii) Mendapatkan maklumbalas tentang kesahan item-item soal selidik, (iii) Mendapatkan maklum balas tentang kesesuaian item-item dan format jawapan, (iv) mendapatkan maklum balas tentang kategori jawapan bagi item-item yang tertutup, (v) Mendapatkan maklum balas tentang gaya tarikan soal selidik, (vi) Menyemak masa yang diperlukan untuk menjawab soal selidik, (vii) Mengenalpasti item-item yang tidak berkaitan dalam soal selidik; dan (viii) menyediakan kod untuk kemasukan data dalam fail data komputer. Menurut Azizi Yahya *et al*. (2007), Rosnah (2013), kajian rintis adalah mekanisme mengenal pasti masalah yang mungkin timbul sepanjang menjalankan kajian sebenar. Dalam hal ini,

University of Malaya

Azizi Yahya *et al*. (2007), Rosnah (2013), telah menyenaraikan kebaikan kajian rintis iaitu; (i) mengurangkan kesalahan tatabahasa dan struktur soal selidik; (ii) menimba pengalaman sebelum menjalankan kajian sebenar; dan (iii) mendedahkan kekeliruan yang berpunca daripada soalan bermasalah.

Setelah tamat pusingan ketiga kajian Delphi, penstrukturan semula bilangan item dalam soal selidik telah dilakukan untuk memberi laluan kajian rintis 1 dilaksanakan. Pengkaji telah melaksanakan kajian rintis ke atas instrumen seperti yang berikut untuk penambahbaikan. Kajian rintis 1 bagi instrumen soal selidik ini telah dilaksanakan di empat buah KV. Pemilihan kategori KV tersebut adalah berdasarkan Azizi Yahya *et al.* (2007), Rosnah (2013) bahawa kajian rintis1 perlu dilaksanakan dalam organisasi yang menepati kriteria sebenar subjek kajian. Pemilihan kategori tersebut disokong dari saranan Yin (1994), Muhammad Faizal A. Ghani (2008) mengenai pemilihan sampel kajian rintis, berpendapat bahawa kajian rintis seharusnya dilaksanakan disesebuah organisasi yang ahlinya menepati kriteria sebenar subjek kajian agar boleh dijadikan prototaip kepada kajian yang sebenar. Seramai tiga puluh (30) orang pensyarah PLTV Bidang Kejuruteraan Awam, Kolej Vokasional terlibat dalam kajian rintis ini. Pemilihan sampel kajian minimum seramai 30 sampel untuk kajian rintis adalah dari saranan (Chua, 2008).

kesahan dan kebolehpercayaan instrumen kajian. Kebolehpercayaan dan kesahan adalah ukuran yang merujuk kepada kestabilan dan ketekalan instrument kajian sama ada ianya berupaya untuk menjawab soalan kajian yang telah dibina (Hair,

University of Malaya

Tatham & Bock, 1998; Muhammad Faizal A. Ghani (2008). Manakala menurut Azizi Yahya et al. (2007) dan Rosnah (2013), kebolehpercayaan bermaksud tiada kesilapan penilaian dalam alat pengukuran sesuatu instrumen. Berikut adalah perbincangan lanjut berkaitan kesahan dan kebolehpercayaan instrument kajian.

kesahan dan kebolehpercayaan protokol temubual (instrumen pusingan pertama kajian delphi). Instrumen temubual pusingan pertama kajian Delphi ini telah ditentukan kesahannya menerusi pendekatan penelitian menerusi tindakan seperti mana berikut iaitu: (i) pengkaji telah melaksanakan sesi temubual rintis bersama tiga (3) orang pakar dalam bidang PLTV TPKA dan pengkaji telah mengembalikan transkripsi temubual mereka bagi tujuan semakan. Semua maklum balas yang dikemukakan oleh mereka telah dijadikan maklumat tambahan dalam instrumen temubual. Manaka kebolehpercayaan instrumen temubual ini dicapai menerusi tindakan dari pengkaji untuk mendokumentasikan segala dokumen tentang proses pengutipan dan penganalisian data temubual bagi tujuan pengauditan. Dokumen tersebut disimpan untuk suatu jangka masa tertentu sebagai eviden perlaksanaan kajian ini. Selain daripada itu, penekanan pengkaji terhadap prinsip etika dalam perlaksanaan kajian turut diklasifikasikan sebagai suatu usaha untuk mencapai kebolehpercayaan instrumen kajian. Sementelah itu, prinsip etika seperti mana berikut telah dipraktikkan oleh pengkaji sepanjang aktiviti kajian dilaksanakan dari peringkat perancangan sehingga peringkat melaporkan dapatan kajian iaitu: (i) mengenalpasti keperluan melaksanakan kajian dengan sepenuh hati; (ii) kemampuan pengkaji untuk mengenal pasti limitasi kajian secara rasional; (iii) memperolehi kebenaran secara bertulis untuk menjalankan

University of Malaya

kajian kepada pihak berkuasa bagi melibatkan individu tertentu dalam kajian lapangan, sebagai contoh kebenaran dari peserta kajian Delphi, untuk melibatkan diri dalam ketiga-tiga pusingan kajian, disamping kebenaran daripada majikan mereka. Begitu juga dengan kajian tinjauan, pengkaji telah memohon kebenaran dari Bahagian Perancangan dan Penyelidikan dasar Pendidikan, KPM; (iv) pengkaji turut melaporkan segala maklumat yang diperolehi berasaskan proses yang dialami, dilihat dan didengari bagi menggambarkan situasi sebenar yang berlaku dilokasi kajian; dan (v) pengkaji telah memberi jaminan bahawa segala identiti peserta kajian dan lokasi mereka telah dilindungi dan dirahsiakan dari pengetahuan umum.

Selain daripada itu, kesahan data temubual pusingan pertama fasa reka bentuk ini juga ditentukan melalui semakan semula transkripsi peserta kajian bagi menentukan ketepatan data temubual, pengkaji telah mendapatkan khdmat dari tiga (3) orang pakar sebagai penilai bagi menilai ketepatan pemberian tema dan kod. Bagi menentukan kebolehpercayaan data temubual, pengkaji mengguakan analisis Indeks Cohen Kappa. Indeks Kappa berperanan mengukur unit persetujuan beberapa orang penilai berdasarkan sistem kod data temubual berasaskan jadual kontigensi. Menerusi kaedah ini, persetujuan penilai ditransformasikan kepada nilai kebolehpercayaan antara nilai 0.00 hingga 1.0 dan semakin tinggi nilai dicatatkan, maka semakin tinggi nilai kebolehpercayaan. (Rost & Coil,1994; Zuraidah, 2010). Dari Cohen (1968), Zuraidah (2010), nilai persetujuan dihitung berdasarkan rumus berikut iaitu;

$$K = \frac{fa - fc}{N - fc}$$

Daripada rumus di atas;

K - nilai koefisien Kappa

fa – frekuensi persetujuan

fc – frekuensi bagi 50 peratus jangkaan persetuan

N – bilangan unit yang diuji nilai persetujuan.

Mengikut pendapat Howit & Cramer (2003), Zuraidah (2010), nilai yang melebihi 0.70 dianggap mempunyai nilai kebolehpercayaan yang tinggi. Bagi menentukan nilai kebolehpercayaan data temubual, pengkaji menggunakan skala nilai kebolehpercayaan Kappa seperti Jadual 3.8 berikut;

Jadual 3.8

Skala Nilai Kebolehpercayaan Cohen Kappa

Nilai Kappa	Interpretasi
K < 0.00	Sangat Lemah
0.00 < K< 0.20	Lemah
0.21 < K < 0.40	Sederhana Lemah
0.41 < K < 0.60	Sederhana
0.61 < K < 0.80	Baik
0.81 < K	Sangat Baik

Dalam kajian ini, persetujuan dari tiga (3) panel penilai telah diperolehi daripada hasil penilaian mereka terhadap 42 sub dimensi yang wujud. Setelah kesemua penilai memberikan persetujuan proses pengiraan dilakukan dan nilai persetujuan antara penilai dalam kajian adalah 0.89 iaitu nilai yang tergolong dalam tahap skala kebolehpercayaan

University of Malaya

yang sangat baik berdasarkan Jadual Rost & Coil (1994), Zuraidah (2010). Proses memperolehi nilai persetujuan Kappa ditunjukkan melalui Jadual 3.9 berikut;

Jadual 3.9

Nilai Persetujuan Antara Penilai

Penilai 1 (K1)	Penilai 2 (K2)	Penilai 3 (K3)	Nilai Persetujuan Keseluruhan (K)
$K1 = \frac{40 - 21}{42 - 21} = 0.90$	$K2 = \frac{39 - 21}{42 - 21} = 0.86$	$K3 = \frac{40 - 21}{42 - 21} = 0.90$	$K = \frac{90.4 + 85.7 + 90.4}{3} = 0.89$

kesahan dan kebolehpercayaan instrumen kajian tinjauan. Kesahan kandungan bagi instrumen soal selidik telah dicapai menerusi kajian Delphi 3 pusingan. Manakala kebolehpercayaan instrument tersebut ditentukan mengikut nilai *Alpha Cronbach* yang disarankan oleh Chua (2006), dimana indeks kebolehpercayaan terendah adalah antara 0.65 hingga 0.95. Item berkemungkinan mengalami pertindihan sekiranya nilai *Alpha Cronbach* melebihi 0.95. Merujuk kepada Jadual 3.10 di bawah, kajian rintis 1, Bahagian II, Dimensi Profesionalisme, bahagian II, Dimensi Kemahiran Generik dan bahagian IV untuk Dimensi Kemahiran Fungsional iaitu kompetensi Kemahiran Teknikal dan kompetensi kemahiran pedagogi, nilai indeks kebolehpercayaan *Alpha Cronbach* berada di antara nilai 0.6 dan 0.95. Daripada kajian rintis 1 telah dikesan beberapa erata di bahagian kompetensi khusus iaitu terdapat pengulangan 2 item di bahagian kemahiran pedagogi dan ianya telah digugurkan. Manakala sebanyak 5 item daripada telah distrukturkan pada Kemahiran Perancangan

University of Malaya

PdP dan Kemahiran Pentaksiran PdP. Pada peringkat asalnya jumlah item bagi kemahiran pedagogi adalah 51 item, setelah dilakukan pengguguran dan penstrukturan, jumlah item di bahagian tersebut telah menjadi 49 item.

Manakala di dalam kajian rintis 2, di dapati bahagian II, Dimensi Profesionalisme, bahagian II, Dimensi Kemahiran Generik dan bahagian IV untuk Dimensi Kemahiran Fungsional iaitu kompetensi Kemahiran Teknikal dan Kompetensi Kemahiran Pedagogi, nilai indeks kebolehpercayaan *Alpha Cronbach* turut berada di antara nilai 0.6 dan 0.95. Jadual 3.10 di bawah adalah perinciannya berkenaan Nilai Indeks Kebolehpercayaan *Alpha Cronbach* Kajian Rintis 1 dan Kajian Rintis 2. Juga boleh dirujuk di dalam lampiran (LAMPIRAN 4).

Jadual 3.10

Nilai Indeks Kebolehpercayaan Alpha Cronbach Bagi Item Soal Selidik Kajian Rintis 1& 2

Konstruk Dimensi	**Sub Dimensi**	**Rintis 1**			**Rintis 2**		
		N Item	**No Item**	**Nilai Alpha**	**N Item**	**No Item**	**Nilai Alpha**
Demografi	Jantina	1	1-5	-	1	1-5	-
	Gred Jawatan	1			1		
	Tahap Pendidikan	1			1		
	Pengalaman Mengajar	1			1		
	Kolej Vokasional di Negeri	1			1		

Sambungan…

Bahagian II Dimensi Profesionalisme	i. Etika Profesional	12	6-17	0.94	12	6-17	0.92
	ii. Sahsiah	10	18-27	0.82	10	18-27	0.93
	iii. Potensi	8	28-35	0.94	8	28-35	0.94
	iv. PLC	20	36-55	0.94	20	36-55	0.95
Bahagian III Dimensi Kemahiran Generik	Komunikasi	12	56-67	0.91	12	56-67	0.91
	Kerja berkumpulan	8	68-75	0.91	8	68-75	0.94
	Penyelesaian masalah	10	76-85	0.83	10	76-85	0.94
	Membuat keputusan	9	86-94	0.90	9	86-94	0.94
	Interpersonal	10	95-104	0.82	10	95-104	0.94
	Keusahawanan	8	105-112	0.76	8	105-112	0.94
	Pengurusan	12	113-124	0.93	12	113-124	0.94
	ICT	12	125-136	0.90	12	125-136	0.93
Bahagian IV Dimensi kemahiran Khusus	**Kemahiran Teknikal**						
	Pengenalan kepada teknologi pembinaan	4	137-140	0.89	4	137-140	0.87
	Amalan keselamatan dalam industri pembinaan	5	141-145	0.77	5	141-145	0.93
	Peralatan dan perkakasan pembinaan	4	146-149	0.83	4	146-149	0.90
	Teknikal dan lukisan bangunan	9	150-158	0.88	9	150-158	0.93
	Kerja asas	6	159-164	0.65	6	159-164	0.94
	Pemasangan rangka pintu dan tingkap	5	165-169	0.69	5	165-169	0.94
	Tetulang dan kerja konkrit	8	170-177	0.65	8	170-177	0.90
	Kerja bata	9	178-186	0.72	9	178-186	0.94
	Kerja tampal	10	187-196	0.66	10	187-196	0.93
	Kekemasan kerja	10	197-206	0.66	10	197-206	0.93
	Kebersihan, pembetungan dan perparitan	10	207-216	0.72	10	207-216	0.93
	Kerja pagar	6	217-222	0.66	6	217-222	0.94
	Kerja batu	5	223-227	0.73	5	223-227	0.92

University of Malaya

Sambungan…

	Kerja konkrit dan acuan	6	228-233	0.68	6	228-233	0.93
	Sistem Peranca	6	234-239	0.67	6	234-239	0.93
	Penyelanggaraan bangunan, pemecahan dan kerja pengubahsuaian	8	240-247	0.70	8	240-247	0.95
	Kos and anggaran kerja	5	248-252	0.66	5	248-252	0.94
	Pengurusan pembinaan	9	253-261	0.74	9	253-261	0.94
	Pembinaan projek komuniti	6	262-267	0.71	6	262-267	0.92
	Pengurusan kerja kejuruteraan awam	7	268-274	0.70	7	268-274	0.93
Bahagian IV Dimensi kemahiran Khusus	Pengurusan kejuruteraan awam dan struktur tapak	9	275-283	0.79	9	275-283	0.94
	Pengurusan kerja struktur	7	284-290	0.71	7	284-290	0.92
	Kontrak dan prosedur perolehan	5	291-295	0.83	5	291-295	0.92
	Pengurusan personel tapak	3	296-298	0.66	3	296-298	0.93
	Prinsip pengurusan dan analisis risiko	4	299-302	0.83	4	299-302	0.93
	Spesifikasi dan pengurusan kualiti kerja pembinaan	4	303-306	0.71	4	303-306	0.94
	Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN)	11	307-317	0.72	11	307-317	0.93

University of Malaya

Sambungan…

	Kemahiran Pedagogi Teknikal						
	Kemahiran perancangan PdP	20	318-337	0.80	15	318-332	0.93
	Kemahiran pelaksanaan PdP	24	338-361	0.94	24	333-356	0.92
	Kemahiran pentaksiran PdP	7	362-368	0.91	10	357-366	0.93
Jumlah Item		368			366		

ujian rintis analysis comfirmatory factor (cfa), model persamaan struktur (sem). Selain daripada telah menjalankan kajian rintis1 dan 2 bagi mendapatkan nilai *Alpha Cronbach* untuk indeks kebolehpercayaan item, ujian rintis *Analysis Comfirmatory Factor* (CFA) juga telah dijalankan. Hasil dari kajian rintis 2 dan data telah dianalisis menggunakan analisis CFA, Model Persamaan Struktur (SEM). Melalui CFA, penyelidik menguji secara statistik untuk memastikan sampel dan data yang diperolehi mengesahkan model yang dicadangkan kelak. Model pengukuran dan model struktur merupakan dua aspek utama dalam model persamaan struktur (SEM). Hair et.al (1998), Nik Mustafa (2016) mencadangkan di dalam SEM, penganggaran model pengukuran diperlukan terlebih dahulu sebelum menguji model sebenar yang *fit*. *Rajah 3.1*, *Rajah 3.2, Rajah 3.3, Rajah 3.4, Rajah 3.5, Rajah 3.6 dan Rajah 3.7* berikut merupakan dapatan ujian rintis Model Pengukuran untuk Dimensi Profesionalisme, Dimensi Kemahiran Generik, Dimensi Kemahiran Teknikal Teknologi Pendidikan;

University of Malaya

Rajah 3.1 di bawah menunjukkan Model Pengukuran Dimensi Profesionalisme yang terdiri daripada 4 sub dimensi iaitu ETK (Etika Profesional), SAH (Sahsiah), POT (Potensi) dan KPP (Amalan Komuniti Pembelajaran Profesional). Model Pengukuran Dimensi Profesionalisme menunjukkan nilai Chi-square adalah 2.483 iaitu nilai minima atau mesti kurang dari 5.25.026 dengan berstatus baik. Secara keseluruhannya model menunjukkan nilai hubungan yang sangat baik iaitu P = 0.289, GFI = 0.988, RMSEA = 0.047, CMIN/DF = 1.241 dan TLI = 0.995. Ini menunjukkan model boleh diterima dengan baik.



Rajah 3.1: Model Pengukuran Cadangan Dimensi Profesionalisme

University of Malaya



Rajah3.2 : Model Pengukuran Cadangan Dimensi Kemahiran Generik

Rajah 3.2 menunjukkan Model Pengukuran Dimensi Kemahiran Generik terdiri daripada 8 sub dimensi iatu Kemahiran Komunikasi, Kemahiran Bekerja dalam Kumpulan, Kemahiran Penyelesaian Masalah, Kemahiran Membuat Keputusan, Kemahiran Interpersonel, Kemahiran Keusahawanan, Kemahiran Pengurusan dan Kemahiran ICT. Model Pengukuran yang dipaparkan mempunyai nilai Chi-square adalah 39.225 iaitu nilai minima atau mesti kurang dari 525.026 dengan berstatus baik. Secara keseluruhannya model menunjukkan nilai hubungan yang sangat baik iaitu P=0.06, GFI = 0.914, RMSEA= 0.094,CMIN/DF=1.961 dan TLI=0.953. Ini menunjukkan model boleh diterima dengan baik.

University of Malaya



Rajah 3.3: Model Pengukuran Cadangan Dimensi Kemahiran Teknikal (TPKA)

Rajah 3.3 menunjukkan Model Pengukuran Konstruk Kemahiran Teknikal (TPKA) yang terdiri daripada 27 sub dimensi dengan nilai Chi-square adalah 857.562 iaitu nilai yang melampaui nilai minima atau mesti kurang dari 525.026 dengan berstatus kurang baik. Dengan ini telah dilakukan ubah suai, bagi memastikan model menjadi lebih fit. Secara keseluruhannya model menunjukkan nilai hubungan yang sangat baik iaitu P = 0.00, GFI = 0.617, RMSEA = 0.125, CMIN/DF = 2.697 dan TLI = 0.819. Ini menunjukkan model boleh diterima dengan baik.

University of Malaya



Rajah 3.4: Model Pengukuran Cadangan Dimensi Kemahiran Pedagogi

Rajah 3.4 di atas, menunjukkan Model Pengukuran Konstruk Kemahiran Pedagogi Teknikal yang terdiri daripada Kemahiran Perancangan PdP, Kemahiran Perlaksanaan PdP dan Kemahiran Pentaksiran memaparkan nilai Chi-square adalah 0.00 iaitu nilai minima atau mesti kurang dari 525.026 dengan berstatus baik. Secara keseluruhannya model menunjukkan nilai hubungan yang sangat baik iaitu GFI = 1.00. Ini menunjukkan model boleh diterima dengan baik. Perincian model pengukuran konstruk bagi sub-demensi Perancangan Pedagogi Teknikal, Perlaksanaan Pedagogi Teknikal dan Pentaksiran Pedagogi Teknikal adalah seperi dalam *Rajah 3.5*, *Rajah3.6*dan *Rajah 3.7* di bawah;

University of Malaya



Rajah 3.5: Model Pengukuran Cadangan Sub Dimensi Kemahiran Perancangan Pedagogi Teknikal

Rajah 3.5, memaparkan Model Pengukuran Konstruk Kemahiran Perancangan Pedagogi Teknikal yang mempunyai Nilai Chi-square 732.602, melebihi tahap minima 525.026 yang telah ditetapkan dengan status kurang baik. Secara keseluruhannya model ini menunjukkan nilai hubungan yang lebih baik iaitu P = 0.00, FI = 0.508, RMSEA = 0.257, CMIN/DF = 8.140 dan TLI = 0.698. Ini menunjukkan model boleh diterima dengan baik.

University of Malaya



Rajah 3.6: Model Pengukuran Cadangan Sub Dimensi Kemahiran Perlaksanaan Pedagogi Teknikal

Rajah 3.6, memaparkan Model Pengukuran Konstruk Kemahiran Perlaksanaan Pedagogi Teknikal yang mempunyai Nilai Chi-square 978.243, melebihi tahap minima 525.026 yang telah ditetapkan dengan status kurang baik. Secara keseluruhannya model ini menunjukkan nilai hubungan yang lebih baik iaitu P = 0.00, GFI = 0.569, RMSEA= 0.164, CMIN/DF = 3.897 dan TLI = 0.808. Ini menunjukkan model boleh diterima dengan baik.

University of Malaya



Rajah 3.7 : Model Pengukuran Cadangan Sub Dimensi Kemahiran Pentaksiran Pedagogi Teknikal bagi Ujian Rintis

Rajah 3.7, memaparkan Model Pengukuran Konstruk Kemahiran Pentaksiran Pedagogi Teknikal dengan nilai Chi-square 157.047, iaitu nilai minima atau mesti kurang dari 525.026 dengan berstatus baik. Secara keseluruhannya model ini menunjukkan nilai hubungan yang lebih baik iaitu P = 0.00, GFI = 0.771, RMSEA = 0.180, CMIN/DF = 4.487 dan TLI = 0.886 Ini menunjukkan model boleh diterima dengan baik.

University of Malaya

Prosidur Kutipan Data

Prosedur kutipan data kajian ini melibatkan fasa kajian seperti mana yang dijelaskan di dalam subtajuk berikut;

fasa analisis keperluan. Pada fasa ini, data dikumpulkan menggunakan sorotan kajian lampau mengenai standard kompetensi pensyarah PLTV. Prosedur awal sebelum memulakan fasa ini adalah memohon kebenaran untuk menjalankan kajian daripada individu dan organisasi terlibat. Seterusnya temu bual perseorangan dijalankan untuk mengenal pasti keperluan pendidkan terhadap reka bentuk ini. Mereka disediakan protokol temu bual separa berstruktur dengan soalan berfokus disertai dengan ruangan untuk penjelasan lanjut. Usaha tersebut adalah sebagai memenuhi saranan Gay dan Airasian (2000) supaya soalan susulan boleh dikemukakan berdasarkan jawapan yang diberi. Temu bual yang mengambil masa tiga puluh hingga empat puluh lima minit tersebut telah digunakan sebagai mekanisme untuk menyetujui keperluan dimensi standard kompetensi kepada reka bentuk Model Standard Kompetensi pensyarah PLTV (TPKA) Kolej Vokasional. Jadual 3.11 berikut adalah perincian tarikh temu bual bersama pakar.

University of Malaya

Jadual 3.11

Tarikh Temu Bual Bersama Pakar

Pakar TPKA KV	Tarikh temu bual
Pakar 1	10 Sept 2015
Pakar 2	10 Sept 2015
Pakar 3	13 Sept 2015
Pakar 4	13 Sept 2015
Pakar 5	13 Sept 2015
Pakar 6	13 Sept 2015
Pakar 7	16 Sept 2015
Pakar 8	16 Sept 2015
Pakar 9	17 Sept 2015
Pakar 10	17 Sept 2015
Pakar 11	20 Sept 2015
Pakar 12	20 Sept 2015
Pakar 13	24 Sept 2015
Pakar 14	24 Sept 2015
Pakar 15	24 Sept 2015

Berdasarkan Jadual 3.11 di atas, proses menemubual kesemua pakar fasa analisis keperluan telah mengambil masa hampir dua bulan. Tempoh ini adalah mengambil kira kekangan masa peserta yang sibuk dengan pelbagai komitmen pengurusan dan mengajar.

fasa reka bentuk. Prosedur penganalisian data fasa reka bentuk adalah dimulai dengan mengenal pasti individu yang memenuhi kriteria sebagai pakar bagi kajian ini. Seterusnya, individu terbabit dihubungi melalui telefon dan juga e-mel bagi menjemput mereka menyertai kajian sebagai panel pakar. Pegawai Kanan BPTV telah membantu pengkaji dengan memberikan beberapa nama rujukan pakar untuk membantu kajian. Seorang pensyarah universiti tempatan yang menjalankan kajian tentang pendidikan dan latihan, teknik dan vokasional telah membantu memberikan nama rujukan beberapa

University of Malaya

pensyarah dalam bidang tersebut di sebuah universiti tempatan dan institut perguruan yang turut secara langsung dengan PLTV. Pegawai Kanan BPTV turut mencadangkan beberapa jurutera awam dari Akademi Binaan Negara untuk dijadikan panel pakar. Creswell (2008) telah mencadangkan kaedah yang mirip *Snowball Sampling* untuk mengelakkan berlakunya pemilihan peserta kajian yang tidak memenuhi kriteria. Keseluruhannya, sembilan orang pakar telah bersetuju untuk melibatkan diri sebagai perserta kajian.

Tindakan selanjutnya, surat jemputan dan surat persetujuan menjadi panel kajian dihantar kepada peserta kajian. Penetapan tarikh temujanji untuk temu bual dibuat bagi memulakan sesi pertama pusingan Delphi. Perincian mengenai prosedur kutipan data menggunakan teknik Delphi adalah seperti mana berikut.

sesi pusingan pertama – kaedah temu bual. Sesi pusingan pertama Delphi dilaksanakan secara temu bual. Kaedah temu bual adalah lebih fleksibel dan maklum balas yang diperolehi lebih meyakinkan kerana pengkaji bersemuka dengan peserta kajian (Richardson *et al*, 2005, Norlidah, 2010; Rosnah, 2013). Kaedah ini juga membolehkan soalan susulan dikemukakan sekiranya pengkaji memerlukan maklumat tambahan. Hsu dan Sandford (2007) mencadangkan penggunaan soalan berbentuk separa terbuka untuk membolehkan lebih banyak maklumat dikumpulkan. Menurut Keeney, Hasson & McKenna (2011) pusingan pertama dalam kaedah kajian Delphi boleh dimulai dengan soalan terbuka menerusi sesi temubual bagi menjana idea dan mendapatkan maklum balas mengenai sesuatu isu yang dikemukakan.

University of Malaya

Selanjutnya, temu bual telah dijalankan pada tarikh yang dipersetujui bersama oleh pengkaji dan peserta kajian. Sesi temu bual ditetapkan dalam tempoh masa dua hingga dua jam setengah berdasarkan kajian rintis. Ketika sesi temu bual dijalankan, perbualan direkodkan dengan kebenaran peserta kajian. Tindakan ini dibuat untuk memudahkan semakan semula dan memastikan tiada data temu bual yang tertinggal. Surat persetujuan untuk menjadi panel pakar bagi setiap pusingan boleh di rujuk di lampiran (LAMPIRAN 5)

Tempoh masa yang diberikan ini diambil bagi membolehkan pengkaji mentranskripsikan rakaman temu bual dengan teliti dan meletakkan kod yang bersesuaian. Rakaman temu bual disimpan dalam fail yang berbeza dalam komputer untuk memudahkan urusan semakan semula. Proses penyediaan transkripsi temu bual memerlukan perbualan rakaman dimainkan semula beberapa kali bagi mengelakkan berlakunya kesilapan dalam transkripsi. Proses menganalisis data temu bual dibincangkan dalam bahagian prosedur analisis data.

sesi pusingan kedua – pengurusan item soal selidik. Dalam sesi pusingan kedua ini, peserta kajian dikehendaki untuk berinteraksi dengan senarai item yang dibina dalam bentuk soal selidik. Tahap persetujuan mereka terhadap item tersebut diberikan dalam skala Likert lima poin. Mereka juga dibenarkan untuk mencadangkan item baru, menggugurkan item dan menambahbaik item sedia ada di ruangan yang telah disediakan oleh pengkaji.

University of Malaya

sesi pusingan ketiga – pengurusan item soal selidik. Dalam sesi pusingan ketiga ini, sebuah soal selidik yang mengambil kira pandangan peserta kajian dalam sesi pusingan kedua telah dibina dan dihantar semula kepada peserta kajian. Peserta kajian dikehendaki menyatakan semula tahap persetujuan mereka terhadap item tersebut berdasarkan skala likert lima poin. Bagi item sedia ada, sekiranya tahap persetujuan peserta menjangkaui skala majoriti yang lalu, mereka dikehendaki untuk memberikan alasan. Namun, syarat dalam sesi pusingan ini tidak membenarkan peserta kajian untuk menambahkan sebarang item baru kerana sesi pusingan ini bertujuan untuk merapatkan jurang perbezaan pandangan dalam kalangan peserta kajian (Linstone,Turoff, 2002; Rosnah,2013, Nik Mustafa 2013). Oleh kerana semua item telah mendapat kesepakatan yang tinggi dalam kalangan pakar, kutipan data untuk fasa reka bentuk telah ditamatkan pada sesi pusingan ketiga Delphi ini berdasarkan saranan (Hsu, Sanford, 2007; Norlidah, 2010; Rosnah 2013; Nik Mustafa, 2016). Jadual 3.12 menunjukkan tarikh temu bual dijalankan dan tarikh pemulangan skrip untuk semakan peserta kajian yang terlibat untuk ketiga-tiga pusingan.

University of Malaya

Jadual 3.12

Tarikh Temu Bual Bersama Pakar dan Tarikh Pemulangan Skrip Untuk Semakan Pusingan 1,2 dan 3

Pakar	Tarikh temu bual Pusingan 1	Tarikh pemulangan skrip	Tarikh temu bual Pusingan 2	Tarikh pemulangan skrip	Tarikh temu bual Pusingan 3	Tarikh pemulangan skrip
Pakar 1	02 .11.2015	12 .11.2015	17.11.2015	20.11.2015	30.11.2015	08.12.2015
Pakar 2	05 .11.2015	18.11. 2015	28.11.2015	30.11.2015	08.12.2015	12.12.2015
Pakar 3	07 .11.2015	18.11.2015	28.11.2015	30.11.2015	08.12.2015	12.12.2015
Pakar 4	15 .11.2015	23.11.2015	09.12.2015	13.12.2015	21.12.2015	26.12.2015
Pakar 5	15 .11.2015	26.11. 2015	06.12.2015	13.12.2015	21.12.2015	26.12.2015
Pakar 6	19 .12.2015	30.12. 2015	08.01.2016	13.01.2016	27.01.2016	02.02.2016
Pakar 7	21 .12.2015	05 .01.2016	12.01.2016	16.01.2016	27.01.2016	02.02.2016
Pakar 8	20 .12.2016	05.01.2016	12.01.2016	16.01.2016	26.01.2016	02.02.2016
Pakar 9	20 .12.2016	05.01.2016	12.02.2016	17.02.2016	24.02.2016	04.03.2016

Berdasarkan Jadual 3.12 di atas, tarikh temubual dan tarikh pemulangan skrip untuk semakan peserta kajian bagi setiap pusingan mengambil tempoh antara satu hingga dua minggu. Namun yang demikian, terdapat tempoh pemulangan skrip daripada panel pakar yang melampaui dua minggu, ekoran daripada kesibukan panel pakar dengan komitmen tugas.

fasa penilaian. Di dalam fasa penilaian , item yang telah mendapat kesepakatan pakar dijadikan instrumen soal selidik dan ditadbirkan kepada kesemua pensyarah kursus TPKA di 44 buah Kolej Vokasional seluruh negara. Pengkaji telah mentadbirkan soal selidik berkenaan dengan mendapatkan bantuan Pegawai di Unit Kualiti Kolej Vokasional dan pengkaji telah meyusun jadual untuk mentadbirkan soal selidik berkenaan secara *Focus Group Discussion (FGD).* Secara keseluruhannya terdapat 366

University of Malaya

item termasuk item demografi yang terdapat di dalam soal selidik yang disediakan. Peserta fasa penilaian telah diberikan taklimat terlebih dahulu dari Pengkaji atau Pegawai yang diwakilkan (Pegawai Unit Kualiti KV), tentang tujuan kajian dan beberapa maklumat yang berkaitan. Langkah ini adalah bertujuan untuk mendapatkan maklumat yang lebih tepat daripada peserta. Setiap KV yang telah disenaraikan diberi masa tiga (3) minggu dari tarikh penerimaan soal selidik untuk mengembalikan kembali instrumen kepada pengkaji. Pengkaji telah menyediakan sampul Poslaju Malaysia beserta lembaran penghantaran berbayar, untuk memudah serta melancarkan proses pengembalian instrumen soal selidik kepada pengkaji mengikut tempoh yang telah diberi. Secara keseluruhannya prosedur kutipan data ini berlangsung selama hampir 4 bulan, sebagaimana surat kebenaran untuk menjalankan kutipan data daripada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (BPPDP,KPM). Surat kebenaran menjalankan penyelidikan boleh dirujuk di dalam lampiran (LAMPIRAN 6).

instrumen soal selidik fasa penilaian. Instrumen soal selidik yang diguna pakai dalam fasa ini mengandungi lima bahagian merangkumi 366 item rujuk lampiran (LAMPIRAN 5). Bahagian I berkaitan profil peserta kajian, Bahagian II berkaitan Kompetensi Am iaitu; Bahagian A: Dimensi Profesionalisme, Bahagian B: Dimensi Kemahiran Generik. Manakala Bahagian III berkaitan dengan Kompetensi Khusus iaitu; Bahagian A: Kemahiran Teknikal Teknologi Pembinaan dan Bahagian B: Kemahiran Pedagogi Teknikal. Selanjutnya, perincian mengenai item dalam konstruk profil peserta kajian ditunjukkan seperti mana Jadual 3.13;

Jadual 3.13

Taburan Item Mengenai Demografi Peserta kajian Bagi Fasa Penilaian

Konstruk	Demografi	No Item	Jumlah Item
Demografi	Jantina	1	2
	Gred Jawatan	2	6
	Tahap Pendidikan	3	5
	Tempoh Pengalaman Mengajar	4	4
	Negeri Kolej Vokasional	5	14
Jumlah			31

Berdasarkan Jadual 3.13 di atas, konstruk profil peserta kajian mengandungi 5 item meliputi jantina, Gred Jawatan, Tahap Pendidikan, Pengalaman Mengajar di Kolej Vokasional dan Lokasi Negeri Kolej Vokasional . Justeru, jumlah keseluruhan item sebanyak 31 item. Selanjutnya, perincian mengenai item Dimensi Profesionalisme ditunjukkan seperti mana Jadual 3.14 berikut;

Jadual 3.14

Taburan Item Mengenai Dimensi Profesionalisme Peserta kajian Bagi Fasa Penilaian

Konstruk	Sub Dimensi Kemahiran Teknikal Teknologi Pembinaan	No Item	Jumlah Item
Bahagian II Kompetensi Am	Etika Profesional	6-17	12
	Sahsiah	18-27	10
	Potensi	28-35	8
Dimensi Profesionalisme	PLC	36-55	20
Jumlah			50

Berdasarkan Jadual 3.14 di atas, konstruk Dimensi Profesionalisme peserta kajian mengandungi 4 Sub Dimensi yang terdiri daripada Etika Profesional mengandungi 12 item, Sahsiah 10 item, Potensi 8 item dan Amalan Komuniti

University of Malaya

Pembelajaran Profesional sebanyak 20 item. Justeru, jumlah keseluruhan item adalah sebanyak 50 item. Selanjutnya, perincian mengenai item Dimensi Kemahiran Generik ditunjukkan seperti mana Jadual 3.15 berikur;

Jadual 3.15

Taburan Item Mengenai Dimensi Kemahiran Generik Peserta kajian Bagi Fasa Penilaian

Konstruk	**Sub Dimensi Kemahiran Teknikal Teknologi Pembinaan**	**No Item**	**Jumlah Item**
Bahagian II Kompetensi Am Dimensi Kemahiran Generik	Komunikasi	56-67	12
	Kerja berkumpulan	68-75	8
	Penyelesaian masalah	76-85	10
	Membuat keputusan	86-94	9
	Interpersonal	95-104	10
	Keusahawanan	105-112	8
	Pengurusan	113-124	12
	ICT	125-136	12
Jumlah			81

Berdasarkan Jadual 3.15, konstruk Dimensi Kemahiran Generik peserta kajian mengandungi 8 Sub Dimensi yang terdiri daripada Kemahiran Komunikasi mengandungi 12 item, Kemahiran Kerja Berkumpulan 8 item, Penyelesaian masalah 10 item Kemahiran Membuat Keputusan sebanyak 9 item, Kemahiran Interpersonel 10 item, Kemahiran Keusahawanan 8 item, Kemahiran Pengurusan 12 item dan Kemahiran ICT sebanyak 12 item. Justeru, jumlah keseluruhan item adalah sebanyak 81 item. Selanjutnya, perincian mengenai item Dimensi Kemahiran Teknikal Teknologi Pembinaan ditunjukkan seperti mana Jadual 3.16 berikut;

University of Malaya

Jadual 3.16

Taburan Item Mengenai Dimensi Kemahiran Teknikal Teknologi Pembinaan Peserta kajian Bagi Fasa Penilaian

Konstruk	**Sub Dimensi Kemahiran Teknikal Teknologi Pembinaan**	**No Item**	**Jumlah Item**
Bahagian III Dimensi Kemahiran Khusus	KT1- Pengenalan kepada teknologi pembinaan	137-140	4
	KT2-Amalan keselamatan dalam industri pembinaan	141-145	5
	KT3-Peralatan dan perkakasan pembinaan	146-149	4
Bahagian A Kemahiran Teknikal Teknologi Pembinaan	KT4- Teknikal dan lukisan bangunan	150-158	9
	KT5- Kerja asas	159-164	6
	KT6- Pemasangan rangka pintu dan tingkap	165-169	5
	KT7- Tetulang dan kerja konkrit	170-177	8
	KT8- Kerja bata	178-186	9
	KT9- Kerja tampal	187-196	10
	KT10- Kekemasan kerja	197-206	10
	KT11- Kebersihan, pembetungan dan perparitan	207-216	10
	KT12- Kerja pagar	217-222	6
	KT13- Kerja batu	223-227	5
	KT14- Kerja konkrit dan acuan	228-233	6
	KT15- Sistem sokongan	234-239	6
	KT16- Penyelanggaraan bangunan, pemecahan dan kerja pengubahsuaian	240-247	8
	KT16- Kos and anggaran kerja	248-252	5
	KT18- Pengurusan pembinaan	253-261	9
	KT19- Pembinaan projek komuniti	262-267	6
	KT20- Pengurusan kerja kejuruteraan awam	268-274	7
	KT21- Pengurusan kejuruteraan awam dan struktur tapak	275-283	9
	KT22- Pengurusan kerja struktur	284-290	7
	KT23- Kontrak dan prosedur perolehan	291-295	5

University of Malaya

Sambungan…

	KT24- Pengurusan personel tapak	296-298	3
	KT25- Prinsip pengurusan dan analisis risiko	299-302	4
	KT26- Spesifikasi dan pengurusan kualiti kerja pembinaan	303-306	4
	KT27- Sistem Latihan Dual Nasional *(SLDN)*	307-317	11
Jumlah			181

Berdasarkan Jadual 3.16 di atas, konstruk Dimensi Kemahiran Teknikal Teknologi Pembinaan peserta kajian mengandungi 27 Sub Dimensi yang terdiri daripada KT1(Pengenalan Kepada Teknologi Pembinaan) mengandungi 4 item, KT2 (Amalan Keselamatan Dalam Industri Pembinaan) sebanyak 5 item, KT3 (Peralatan Dan Perkakasan Pembinaan) sebanyak 5 item, KT4 (Teknikal Dan Lukisan Bangunan) sebanyak 9 item, KT5 (Kerja Asas)sebanyak 6 item, KT6 (Pemasangan Rangka Pintu Dan Tingkap) sebanyak 6 item, KT7 (Tetulang Dan Kerja Konkrit) mempunyai 8 item, KT8 (Kerja Bata) sebanyak 9 item, KT9 (Kerja Melepa) mempunyai 10 item, KT10 (Kerja Kekemasan) sebanyak 10 item, KT11 (Kebersihan, Pembetungan Dan Perparitan) sebanyak 10 item , KT12 (Kerja Pagar) sebanyak 6 item, KT13 (Kerja Batu) sebanyak 5 item, KT14 (Kerja Konkrit Dan Acuan) sebanyak 6 item, KT15 (Sistem Peranca) sebanyak 6 item, KT16 (Penyelanggaraan Bangunan, Pemecahan Dan Kerja Pengubahsuaian) sebanyak 8 item, KT17 (Kos And Anggaran Kerja) mempunyai 5 item, KT18 (Pengurusan Pembinaan) sebanyak 9 item, KT19 (Pembinaan Projek Komuniti) sebanyak 6 item, KT20 (Pengurusan Kerja Kejuruteraan Awam) mempunyai 7 item, KT21 (Pengurusan Kejuruteraan Awam Dan Struktur Tapak) sebanyak 9 item, KT22 (Pengurusan Kerja Struktur) sebanyak 7 item, KT23 (Kontrak Dan Prosedur

University of Malaya

Perolehan) mempunyai 5 item, KT24 (Pengurusan Personel Tapak) sebanyak 3 item, KT25 (Prinsip Pengurusan Dan Analisis Risiko) sebanyak 4 item, KT26 (Spesifikasi Dan Pengurusan Kualiti Kerja Pembinaan) mempunyai 4 item dan KT27 (Sistem Latihan Dual Nasional *(SLDN)*) sebanyak 11 item. Justeru, jumlah keseluruhan item adalah sebanyak 181 item. Selanjutnya, perincian mengenai item Dimensi Kemahiran Pedagogi Teknikal ditunjukkan seperti mana Jadual 3.17 berikut;

Jadual 3.17

Taburan Item Mengenai Dimensi Kemahiran Pedagogi Teknikal Peserta kajian Bagi Fasa Penilaian

Konstruk	**Sub Dimensi Kemahiran Pedagogi Teknikal**	**No Item**	**Jumlah Item**
Kemahiran Pedagogi Teknikal	Kemahiran perancangan PdP	15	318-332
	Kemahiran pelaksanaan PdP	24	333-356
	Kemahiran pentaksiran PdP	10	357-366
Jumlah			49

Berdasarkan Jadual 3.17 di atas, konstruk Dimensi Kemahiran Pedagogi Teknikal peserta kajian mengandungi 3 Sub Dimensi yang terdiri daripada Kemahiran Perancangan PdP mengandungi 15 item, Kemahiran Perlaksanaan PdP mempunyai 24 item dan Kemahiran Pentaksiran PdP sebanyak 10 item. Justeru, jumlah keseluruhan item adalah sebanyak 49 item.

Prosidur Analisis Data

Penganalisisan data kajian ini adalah berbentuk kuantitatif dan kualitatif berdasarkan jenis data. Bagi kaedah kuantitatif, penganalisisan data adalah menggunakan statistik deskriptif dan inferensi. Manakala, kaedah kualitatif pula

University of Malaya

melibatkan proses menyusun, mengkelas dan mengkod data tematik. Perbincangan mengenai prosedur analisis data berdasarkan fasa kajian seperti mana berikut.

fasa analisis keperluan. Kaedah analisis data adalah bertujuan untuk menjawab soalan pertama dan kedua di dalam fasa ini. Kutipan data di dalam fasa ini menggunakan temu bual separa berstruktur untuk menjawab soalan kajian. Justeru itu, analisis data adalah berdasarkan kekerapan jawapan mereka. Untuk jawapan respons terbuka pula, ianya memerlukan pengkaji mentranskripsikan dan menganalisa data tersebut sebagai maklumat tambahan kepada jawapan respons tertutup, pengkaji hanya memfokuskan kepada ayat-ayat penting yang menyokong respons tertutup. Fakta tersebut diberikan kurungan dan garisan seperti (_____). Contoh kaedah memberi kurungan dan garisan kepada maklumat tambahan tersebut adalah seperti yang berikut;

> "…sejak SMK Vokasional ni mengalami transformasi dah jadi Kolej Vokasional, ada 12 bidang dan 55 kursus ditawarkan. Setiap satunya di susun rapi…hhh. Pada akulah Nor (,), kalau dulu kita follow Standard Guru Malaysia, (laa ni macam kami di KV kena ada standard tersendiri tidak seperti SGM)..sebab nak lahirkan graduan diploma. Ermmm hhh (Pensyarah perlu tingkatkan profesionalisme…apatah lagi dalam kemahiran teknikal dan pedagogi)…" (F2 P7)

fasa reka bentuk. Kaedah analisis data adalah untuk menjawab soalan pertama di dalam fasa reka bentuk ini. Data temu bual pada sesi yang pusingan pertama Delphi adalah merupakan data kualitatif. Menurut Holland (2002), Rosnah (2013) tiada peringkat atau peraturan yang tetap dalam proses menganalisis data kualitatif. Menurut Chua (2006), tiada kata sepakat dalam kalangan pengkaji kualitatif mengenai kaedah

University of Malaya

penganalisian data. Justeru itu, untuk kepentingan kajian ini pengkaji menggunakan kaedah yang diamalkan oleh beberapa pengkaji seperti mana berikut;

meriduksikan data secara analisis tematik. Menurut Grbich (2007), Rosnah (2013) dan Nik Mustaffa (2016) menyatakan bahawa kaedah ini merupakan pilihan utama ketika melakukan analisis data. Tema boleh dikenal pasti melalui sorotan kajian literatur yang terdahulu atau bukti yang didapati dalam bidang kajian, menerusi pengalaman pengkaji ataupun menerusi pandangan peserta kajian. Bagi keperluan kajian ini, tema utama dibina berdasarkan dapatan dari kajian terdahulu dan dari pandangan peserta yang terlibat dalam dasa analisis keperluan. Dapatan hasil temubual dalam pusingan pertama Delphi telah membentuk tema dan sub tema yang dinamakan sebagai domain (tema) dan kompetensi (sub tema) MSKPKVM. Untuk data-data yang tidak memberi makna, ianya akan diabaikan.

mengorganisasikan data. Langkah sebelum memulakan prosedur menganalisis data, adalah amat perlu untuk memastikan kesemua maklumat telah direkod dan dilabel secara sistematik. Data hasilan temubual ditranskrip dan dimasukkan tanda notasi berdasarkan Sistem Jefferson untuk membolehkan data dibaca dengan kaedah seperti mana ianya dipertuturkan oleh peserta kajian (Grbich, 2007; Rosnah, 2013; Nik Mustaffa, 2016). Di dalam Jadual 3.18 berikut merupakan contoh tanda notasi menggunakan Sistem Jefferson;

Jadual 3.18

Contoh Notasi Untuk Analisis Perbualan Menggunakan Sistem Jefferson

Notasi	Penerangan Makna
(.)	berhenti sekejap
(0.3),(2.6)	Berhenti dengan tempoh yang tertentu
><	perkataan di antara tanda ini disebut dengan pantas
> <	Perkataan di antara tanda ini disebut dengan perlahan
↑ Perkataan	Peningkatan intonasi
↓ Perkataan	Penurunan intonasi
Perkataan	Perkataan yang disebut dengan kuat/ditekan
PERKATAAN	Perkataan yang disebut dengan sangat kuat/dijerit
.hhh	Tarikan nafas
hhh	Hembusan nafas
( )	Ungkapan yang tidak dapat dikenalpasti
(( ))	Perbuatan semasa bercakap, contoh ((batuk))

Sumber Adaptasi daripada "Qualitative Data Analysis: An Introduction." oleh C.Grbich, 2007; Rosnah, 2013; Nik Mustafa, 2016

Data telah ditranskripsikan secara ditaip ke dalam jadual yang mempunyai dua ruangan kosong di kanan. Saranan dari Cresswell (2008), susunan data diubahsuai iaitu meletakkan ruangan kosong di bahagian kiri dan kanan teks. Lajur di bahagian kiri telah diberi nombor untuk tujuan mempermudahkan semakan. Daripada Holland (2007), Nik Mustaffa (2016) menyarankan dua kaedah mengorganisasikan data iaitu mengekod dan mengkategorikan data. Kaedah mengekod dimulakan dengan membaca berulangkali data yang telah ditranskripkan. Tema dan sub tema yang dijangkakan wujud telah ditulis menggunakan kod. Setiap data telah disemak bagi memastikan ianya sepadan dengan mana-mana kod tema dan sub tema yang ada. Kod baru bagi

University of Malaya

tema dan sub tema telah diwujudkan sekiranya data tidak sepadan dengan kod yang sedia ada. Perkataan atau ayat yang memberi makna telah diberikan kurungan ( ). Proses perlabelan data dengan kod yang tertentu adalah berdasarkan tema dan sub tema yang telah dibina di bahagian kanan lajur. Jadual 3.19 memaparkan contoh pengkodan tema dan sub tema yang telah dilaksanakan ke atas data temubual bersama seorang pakar

Jadual 3.19

Contoh pengkodan Dimensi dan Sub Dimensi daripada transkripsi temubual pakar 1

Bil	Maklumat Kajian	Kod	Dimensi dan Sub Dimensi
1.	*... guru-guru sekolah termasuk guru*		
2.	*dari sekolah menengah teknik perlu*		
3.	*duduki penilaian tahap kompetensi 1*		
4.	*dan kompetensi 2. Tahap kompetensi 1*		
5.	*merangkumi* ***(kompetensi am)*** *dan*	DO1	K. Am
6.	*tahap kompetensi 2 pulak adalah*		
7.	***(kompetensi khusus)*** *yang berkaitan*	DO2	K.Khusus
8.	*dengan bidang tugas. guru-guru akan*		
9.	*diberi band 1, band 2 dan band yang*		
10.	*terbaik adalah band 4. Jika kedua-dua*		
11.	*tahap kecekapan mendapat 4, guru*		
12.	*boleh mendapat kenaikan dan anjakan*		
13.	*gaji tanpa menunggu time based.*		
14.	*...Isunya > < adakah bila guru tersebut*		
15.	*benjaya mendapat band 4 didalam PTK*		
16.	*tersebut mereka benar-benar cekap*		
17.	*dan mahir secara realitinya...takut*		
18.	*pandai atas kertas sahaja, kerja*		
19.	*lapangan gagal..nak-nak guru teknik*		
20.	*dan vokasional yang rata-ratanya*		
21.	*perlu kemahiran bukan setakat mahir*		
22.	*secara teori.* (( ))		
23.	*...pensyarah PLTV ini perlu menguasai*		
24.	***(dua kompetensi, iaitu kompetensi am***	DO1	K.Am
25.	***dan kompetensi khusus mereka.***	DO2	K.Khusus

University of Malaya

26.	***kompetensi am ini adalah kemahiran***		
27.	***asas*** *)yang perlu ada sebagai seorang*		
28.	*guru...iailah yang biasanyanya dilatih,*		
29.	*macam* ***(tahap profesionalisme.)***		
30.	*...Untuk menjadi guru teknikal ini apa*		
31.	*yang saya nampak* ***pertamanya (etika***	SUB1DOIPRO1	Etika (ETK)
32.	***profesional perlu ada...sahsiah,***	SUB1DOIPRO2	Sahsiah (SAH)
	potensi peribadi) *dan yang banyak di*		
33.	*high lite sekarang organisasi*	SUB1DOIPRO3	Potensi (POT)
	pembelajaran iaitu ***(amalan komuniti***		
34.	***pembelajaran profesional__KPP ni***		
35.	***kalau kita lihat ia merupakan satu***	SUB1DOIPRO4	Komuniti Pemb Profesional (KPP)
	mekanisme atau pembudayaan amlan		
	kerja secara kolabrasi secara		
36.	***berpasukan yang mengutamakan***		
37.	***pencapaian pelajar yang berteraskan***		
38.	***perkongsian visi dan misi).*** *... ianya*		
39.	*istimewa kerana terdapat perkongsian*		
40.	*the best practises dalam kalangan*		
41.	*pensyarah. KPP yang saya faham ia*		
42.	*tiada hieraki tetapi satu kolompok*		
43.	*organisasi yang saling menyokong.*		
44.	***(Kemahiran insaniah iaitu kemahiran***		
	generik seperti kemahiran		
45.	***komunikasi)****yang menitik beratkan*	SUB2DO1KG	K. Generik
46.	*kemahiran bahasa melayu dan*	SUB2DO1KG1	KKOM
47.	*inggeris. Selain tu,* ***(kemahiran bekerja***		
48.	***dalam kumpulan, penyelesaian***		
49.	***masalah dan saya nampak kemahiran***		
50.	***membuat keputusan juga sangat***	SUB2DO1KG2	KBDK
51.	***penting. kemahiran pengurusan***	SUB2DO1KG3	KPMasalah
52.	***...PLOC)*** *tu memang tidak boleh*	SUB2DO1KG4	MKeputusn
53.	*larilah bila kita ni sebagai guru,*	SUB2DO1KG6	Pengurusan
54.	*generasi sekarang tak dapat kita*		
55.	*jauhkan mereka dengan* ***(ICT...jadi***		
56.	***guru-guru teknikal juga perlu***		
57.	***kemahiran ICT, disamping mengikut***		
58.	***kpi Kolej Vokasional pelajar yang***	SUB2DO1KG8	ICT
59.	***dilahirkan perlu ada kemahiran***		
60.	***interpersonel untk meningkatkan***	SUB2DO1KG7	Usahawan
61.	***kejelekitan juga perlu***	SUB2DO1KG5	Interpersonel
62.	***keusahawanan.. so cikgu pun kena***		
63.	***mahir ilmu keusahawanan, biar dapat***		
64.	***melatih pelajar nanti, tamat diploma***		
65.	***boleh buka perniagaan sendiri****.....dah*		

University of Malaya

66. 67. 68. 69. 70. 71. 72. 73. 74. 75. 76. 77. 78. 79. 80. 81.	*namapun guru teknikal, maka mereka perlu ada* ***(kompetensi khusus iaitu merangkumi kemahiran teknikal dan kemahiran pedagogi teknikal. Puan Nor rujuk di Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional, cari detail modul yang ditawarkan dalam kursus ini)****....Satu lagi kompetensi khusus adalah (****kemahiran pedagogi teknikal yang merangkumi kemahiran perancangan PdP, Kemahiran perlaksanaan pda dan kemahiran pentaksiran pdp teknologi pembinaan. Kemahiran pedagogi ini sangat penting dikuasai oleh pensyarah PLTV dalam melatih pelajar KV)****...*	DO2 SUB2DO2KT SUB2DO2PEDG SUB2DO2PEDG1 SUB2DO2PEDG2 SUB2DO2PEDG3	K.Khusus K.Teknikal K.Pedagogi Tek PRP PLP PTP

Berikut di dalam Jadual 3.20 adalah contoh pengkodan tema dan sub tema daripada transkripsi temubual Pakar 2 yang telah dilakukan oleh pengkaji.

Jadual 3.20

Contoh pengkodan tema dan sub tema daripada transkripsi temubual pakar 2

Bil	Maklumat Kajian	Kod	Dimensi dan Sub Dimensi
1. 2. 3. 4. 5. 6. 7. 8. 9. 10. 11.	*Di KV ni Nor terdapat 55 kursus yang telah disrtukturkan di bawah 12 bidang. Kursus Teknologi Pembinaan ini.hhh. >* ***< (Di bawah Bidang Kejuruteraan Awam(.)..banyak hands on yang perlu pensyarah kuasai bukan setakat teori sahaja)*** *Logiknya macammana kita nak bina bangunan atau selenggara bangunan jika hanya belajar ambil nota hhh salin dari power point. Hahahaha* (( )) *memang tak logiklah.hhh. > <*	DO2 SUB3DO2KT	K.Khusus K.Teknikal

University of Malaya

12.	**(*Pensyarah teknologi pembinaan***		
13.	***perlu amat mahir terutama dalam***		
14.	***kemahiran teknikal teknologi***		
15.	***pembinaan...hhh iaitu kemahiran***		
16.	***yang menjadi tulang belakang***		
17.	***untuk menentukan pelajar dapat***	SUB3DO2KT	T1
18.	***dilatih mengikut keperluan industri.***	SUB3DO2KT	T2
19.	***Kemahiran teknikal ini bermula***		
20.	***dari pengenalan kepada teknologi***		
21.	***pembinaan, Amalan keselamatan***		
22.	***dalam industri pembinaan dan***	SUB3DO2KT	T3
23.	***Peralatan dan perkakasan***		
24.	***pembinaan.)*** *Kalau Nor lihatlah*	SUB3DO2KT	T4
25.	*pelajar teknologi pembinaan yang*	SUB3DO2KT	T5
26.	*kita latih* ***(perlu plan dan bina***	SUB3DO2KT	T6
27.	***bangunan sudah pastinya perlu***		
28.	***mahir lukisan teknikal***		
29.	***bangunan..hhh(( )) Kerja asas)*** *dan*		
30.	*apa jua kerja kejuruteraan yang*		
31.	*berkait dengan pembinaan seperti*		
32.	***(Pemasangan rangka pintu dan***	SUB3DO2KT	T7
33.	***tingkap,Tetulang dan kerja konkrit.***	SUB3DO2KT	T8
34.	***Kerja bata, seterusnya kerja melepa***		
35.	***dan kerja kekemasan)****(.) Bila*	SUB3DO2KT	T9
36.	*melibatkan* ***(perancangan dan***	SUB3DO2KT	T10
37.	***lukisan pelan sudah pastinya ia***	SUB3DO2KT	T11 T12
38.	***melibatkan kerja pembersihan,***	SUB3DO2KT	T13
39.	***pembetungan dan perparitan)*** *hhh.*		
40.	*Selain daripda itu pensyarah perlu*		
41.	*mahir dengan* ***(kerja pagar..kerja***	SUB3DO2KT	T14
42.	***batu hhh kerja konkrit dan acuan).***	SUB3DO2KT	T15
43.	*> < Kemahiran teknikal apabila*		
44.	*bangunan telah terbina pensyarah*		
45.	*perlu latih pelajar teknologi*		
46.	*pembinaan tentang bagaimana*	SUB3DO2KT	T16
47.	*hendak lakukan* ***(kerja perancah,***	SUB3DO2KT	T17
48.	***penyelanggaraan bangunan,***		
49.	***pemecahan dan kerja***		
50.	***pengubahsuaian)*** *(.) Oh ya* (( ))		
	*,sebelum itu pensyarah perlu (****mahir***	SUB3DO2KT	T18
	dengan pengiraan kos and	SUB3DO2KT	T19
	anggaran kerja, pengurusan		
	pembinaan)*(.) Kemahiran teknikal*		
	yang lain sebagai sokongan		

University of Malaya

51.	*kompetensi kepada pensyarah*		
52.	*teknologi pembinaan adalah*	SUB3DO2KT	T20
53.	***(kemahiran pembinaan projek***	SUB3DO2KT	T21
54.	***komuniti, pengurusan kerja***		
55.	***kejuruteraan awam yang melibatkan***		
56.	***kerja pengurusan kejuruteraan***		
57.	***awam dan struktur tapak serta***		
58.	***kemahiran teknikal dalam***		
59.	***pengurusan kerja struktur)*** *hhh. > <*	SUB3DO2KT	T22
60.	*seseorang pensyarah teknologi*	SUB3DO2KT	T23
61.	*pembinaan iaitu* ***(kontrak dan***	SUB3DO2KT	T24
62.	***prosedur perolehan, pengurusan***		
63.	***personel tapak, pengurusan dan***		
64.	***analisis risiko)****(.)> < Selebihnya*		
65.	*pensyarah perlu mahir di dalam*	SUB3DO2KT	T25
66.	***(kerja pengurusan spesifikasi dan***	SUB3DO2KT	T26
67.	***pengurusan kualiti kerja***		
68.	***pembinaan)****(.) Untuk memastikan*		
69.	*kesemua kemahiran teknikal*		
70.	*teknologi pembinaan ditahap*		
71.	*kompetensi yang ditetapkan dan*	SUB3DO2KT	T27
72.	*mahir secara* ***(praktikalnya,***		
73.	***pensyarah perlu juga memberi***		
	latihan industri sistem latihan dual		
	nasional) *(( )) Maka jika dilihat ini*		
	merupakan pronsip asa dan lanjutan		
	yang berkait rapat dengan		
	kompetensi pensyarah TPKA		

Merujuk kepada Jadual 3.19 dan 3.20 di atas, antara analisis tematik dan pengkodan telah dilaksanakan dan telah mengenalpasti domain, dimensi dan subdimensi model standard kompetensi pensyarah PLTV (TPKA) mengikut tema dan sub tema telah berjaya dilaksanakan. Daripada pengkodan tersebut telah diperolehi dua (2) domain utama model standard kompetensi iaitu kompetensi asas dan kompetensi khusus. Terdapat dua dimensi utama yang mendokong kompetensi asas iaitu profesionalisme dan kemahiran generik, manakala terdapat juga dua dimensi yang

University of Malaya

mendokong kompetensi khusus iaitu Kemahiran Teknikal (Teknologi Pembinaan) dan Kemahiran Pedagogi Teknikal.

Hasil daripada pengkodan transkripsi temubual bersama panel pakar, terdapat empat sub dimensi yang nyatakan secara kerap bagi Dimensi Profesionalisme iaitu Etika Profesionalisme, Sahsiah, Potensi Dan Amalan Komuniti Pembelajaran Professional. Untuk subdimensi Kemahiran Generik pula , terdapat lapan sub dimensi yang sering diperkatakan oleh panel pakar iaitu Kemahiran Komunikasi, Kemahiran Bekerja Dalam Kumpulan, Kemahiran Penyelesaian Masalah, Kemahiran Membuat Keputusan , Kemahiran Interpersonal, Kemahiran Pengurusan, Kemahiran Keusahawanan dan Kemahiran ICT.

Hasil pengkodan transkripsi temubual panel pakar telah berjaya mengenalpasti dua puluh tujuh sub dimensi untuk Dimensi Kemahiran Teknikal, Kursus Teknologi Pembinaan. Kemahiran Teknikal ini meliputi keseluruhan disiplin atau modul teknikal yang perlu diajar di Kolej Vokasional sehinggalah pelajar ditauliahkan dengan Diploma Vokasional Malaysia (Teknologi Pembinaan). Manakala terdapat tiga sub dimensi yang telah dikodkan untuk dimensi kemahiran pedagogi teknikal iaitu perancangan PdP, Perlaksanaan PdP dan Pentaksiran PdP. Secara keseluruhannya terdapat 347 item yang dikenal pasti. Kesepadanan data transkripsi dengan senarai dimensi dan sub dimensi yang kemudianya disemak sekali lagi bagi memastikan pengkategorian data dilakukan dengan betul. Proses mengenal pasti dimensi dan sub dimensi melalui data analisis

University of Malaya

pusingan pertama memudahkan proses pembinaan item soal selidik untuk kegunaan sesi kedua Delphi.

Gambarajah pohon yang telah dihasilkan daripada pengkodan transkrip temubual bersama panel pakar dalam pusingan pertama Delphi fasa reka bentuk dan boleh dirujuk dalam *Rajah 3.8* di bawah. Perincian gambarajah pohon pengkodan transkripsi mengikut dimensi boleh dirujuk dalam lampiran (LAMPIRAN 7)

University of Malaya



Rajah 3.8:Gambarajah pohon , dapatan pengkodan tema dan sub tema daripada transkripsi temubual pakar , fasa reka bentuk

University of Malaya

kesahan dan tahap kesapakatan pakar delphi - fasa reka bentuk. Kesahan dan kebolehpercayaan adalah merujuk kepada tahap kestabilan dan ketekalan sesebuah instrumen sehingga soalan yang di ajukan boleh dijawab oleh peserta yang menyertai kajian (Hardy & Brymen 2004; Rosnah 2013). Kajian ini menggunakan soal selidik yang dibina menerusi hasil kajian Delphi sebanyak tiga pusingan. Maka tahap kesahan instrumen ini adalah tinggi kerana melibatkan kesepakatan dalam kalangan panel pakar untuk menyetujui item soal selidik berkenaan.

Kesahan bagi kajian kualitatif iaitu protokol temubual dilaksanakan mengikut pandangan Creswell (2008). Kaedah pertama melibatkan pemulangan semula transkrip temubual kepada peserta kajian bagi tujuan semakan. Peserta kajian Delphi telah menyemak transkrip masing-masing dan memberikan maklumbalas mengenai ketepatan data input. Kaedah kedua melibatkan pengiraan kekerapan pengulangan sesuatu perkataan atau istilah. Menerusi kaedah ini, pengkaji dapat memeriksa setiap sumber maklumat dan mencari eviden yang menyokong setiap tema. Maka, perkataan atau istilah yang disebut oleh lebih dari dua orang pakar dalam sesi temu bual akan diterima sebagai elemen bagi sesuatu dimensi kajian ini. Pemurnian item dibuat berdasarkan saranan peserta kajian yang terlibat dalam fasa reka bentuk. Peserta kajian dikehendaki menyatakan tahap persetujuan mereka terhadap item yang telah dibina dalam pusingan pertama Delphi. Analisis item dijalankan untuk mendapatkankan skor median dan mod tertinggi iaitu lima. JAK digunakan untuk menentukan kesepakatan dalam kalangan pakar (Hsin-Ling, Altschuld & Yi-Fang, 2008; Muhammad Faizal A. Ghani, 2008; Norlidah Alias, 2010; Saedah Siraj, Mohammad Paris Saleh, 2011). Berpandukan

University of Malaya

kepada Rosnah (2013) dan Nik Mustaffa (2016) tahap sepakatan pakar terhadap item ditentukan seperti di dalam Jadual tahap kesepakatan pakar adalah berdasarkan Jadual 3.21 di bawah.

Jadual 3.21

Penentuan tahap kesepakatan pakar berdasarkan nilai julat antara kuartil (JAK)

Nilai Julat Antara Kuartil (JAK)	**Tahap kesepakatan pakar**
0.00 hingga 1.00	Tinggi
1.01 hingga 1.99	Sederhana
2.00 ke atas	Tiada

Sumber: Adaptasi dari pada *" Pembinaan Profil Amalan Terbaik Organisasi Pembelajaran Untuk Sekolah Malaysia"* oleh Rosnah bt Ishak, 2013 dan "*Model Kepimpinan Murabbi"* oleh Nik Mustaffa, 2016

Merujuk kepada Jadual 3.21 di atas, tahap kesepakatan pakar adalah tinggi pada nilai julat antara kuartil (JAK) 1.00 hingga 1.00. Manakala tahap kesepakatan sederhana pada nilai julat antara kuartil 1.01–1.99, dan nilai julat kuartil yang besar adalah melebihi 2.00 menunjukkan tahap kesepakatan pakar yang lemah.

Untuk keperluan kajian ini, pusingan ke-2 dan ke-3 fasa reka bentuk, kesemua item telah di analisis menggunakan kaedah statistik deskriptif untuk mengenalpasti tahap persetujuan dan kesepakatan panel pakar dengan merujuk kepada skor median dan mod dan nilai Julat Antara Kuartil (JAK) diantara 0.00 hingga 1.00 (Rosnah, 2013; Nik Mustafa, 2016).

University of Malaya

Fasa Penilaian

Di dalam fasa penilaian , item yang telah mendapat kesepakatan pakar telah dijadikan instrument soal selidik dan telah tadbirkan kepada kesemua pensyarah kursus teknologi pembinaan di 44 buah Kolej Vokasional seluruh negara. Soal selidik yang digunakan pada fasa penilaian ini boleh dirujuk di dalam lampiran (LAMPIRAN 5). Pengkaji telah mentadbirkan soal selidik berkenaan dengan mendapatkan bantuan Pegawai di Unit Kualiti Kolej Vokasional dan pengkaji telah meyusun jadual untuk mentadbirkan soal selidik berkenaan secara *focus group discussion (FGD).* Secara keseluruhannya terdapat 366 item termasuk item demografi yang terdapat di dalam soal selidik yang disediakan. Peserta fasa penilaian telah diberikan taklimat terlebih dahulu tentang tujuan kajian dan beberapa maklumat yang berkaitan. Langkah ini adalah bertujuan untuk mendapatkan maklumat yang lebih tepat daripada peserta. Data-data yang telah sempurna dikumpulkan melalui soal selidik serta dikodkan bagi memudahkan analisis. Data kajian ini dianalisis dengan menggunakan kaedah statistik deskriptif. Perisian yang digunakan adalah *"Statistical Package For Social Sciences"* (SPSS Versi 21) dan *"Anylsis of Moment Structures"* (AMOS versi 20.0) melalui *"Structural Equation Modeling"* (SEM). Berikut adalah perincian analisis data yang dilaksanakan.

analisis deskriptif. Statistik deskriptif mempunyai matlamat menjelaskan, membuat kesimpulan serta memberi gambaran berkaitan taburan profil yang dikaji. Chua (2006), Shafinas (2016) menyatakan statistik deskriptif memberikan kesimpulan mengenai data numerikal iaitu profil latar belakang responden seperti jantina, umur,

University of Malaya

pengalaman mengajar, pencapaian akademik, gred jawatan dan jenis sekolah. Menurut McMillan (2012) pula, statistik deskriptif adalah satu set nombor yang diubah kepada nilai indeks bagi merumuskan ciri sesuatu sampel kajian. Statistik deskriptif yang digunakan oleh pengkaji bagi tujuan kajian ini adalah bagi menganalisis data deskriptif bagi menjawab soalan kajian yang pertama fasa penilaian. Analisis statistik deskriptif data kajian ini melibatkan skor peratus dan kekerapan min dan sisihan piawai digunakan untuk menghuraikan secara menyeluruh data berkaitan demografi kajian seperti profil peserta kajian iaitu jantina, tahap akademik tertinggi, gred jawatan dan pengalaman mengajar semasa di Kolej Vokasional.

Manakala analisis deskriptif data kajian yang melibatkan pengiraan nilai min dan sisihan piawai digunakan untuk menjawab soalan pertama fasa penilaian ini iaitu mengenalpasti tahap kompetensi Pensyarah PLTV (TPKA) yang diukur dalam skala Likert 5 poin (1-Sangat Lemah, 2-Lemah, 3-Baik, 4-Cemerlang dan 5-Sangat Cemerlang). Penggunaan nilai skor min dan sisihan piawai adalah kaedah yang digunakan secara meluas untuk menggambarkan respons kesemua peserta kajian terhadap item di dalam sesuatu instrumen (Creswell, 2008; Parmjit *et al*., 2009; Rosnah, 2013; Nik Mustaffa, 2016). Bagi tujuan menghuraikan tahap kompetensi Pensyarah PLTV (TPKA) telah menggunakan interpretasi nilai min yang diubahsuai dari Nunally (1978), Rosnah (2013). Intrepretasi skor min setiap tahap pembolehubah ini diperolehi dengan mencari perbezaan skor tertinggi dan terendah bagi skala, Shafinas (2016). Interprestasi empat tahap tersebut telah diubahsuai menjadi interpretasi tiga tahap berdasarkan pengiraan berikut;

University of Malaya

$$\text{Julat nilai min} = \frac{\text{nilai min tertinggi – nilai min terendah}}{\text{bilangan tahap interpretasi}} = \frac{5-1}{3} = 1.333$$

Hasil pengiraan yang dibuat bagi menetapkan julat interpretasi skor nilai min kepada tiga tahap kompetensi iaitu rendah, sederhana dan tinggi adalah seperti dalam Jadual 3.22 berikut;

Jadual 3.22

menunjukkan peserta kajian secara jujur menyatakan tahap kompetensi yang perlu dimantapkan lagi mengikut mengikut dimensi yang berkaitan dengan bidang tugas (Crichton.T *et al*.,2010; Frank JR *et al*., 2010; Snell L *et al*., 2010; Marincović ,2011; Saedah & Mohd Sani, 2012; Wahba, 2013) . Kredibiliti dan efekasi para pengajar perlu berada di satu tahap piawaian yang meletakkan profesion tersebut pada aras yang membanggakan. Pengajar yang mempunyai efikasi yang tinggi, mempunyai tahap kompetensi yang tinggi (Trenhtam *et al*. ,1985; Wan Nooraini & Mohd. Sani ,2016). Justeru untuk memastikan kualiti yang tinggi pada seorang pendidik, suatu piawai hendaklah diwujudkan sebagai suatu garis panduan bagi setiap pendidik PLTV agar mereka tidak tersasar di dalam proses pengajaran. Seiring dengan keperluan untuk memantapkan kredibiliti para pendidik, khasnya tenaga pengajar PLTV, maka perlu mempertingkatkan kompetensi selari dengan perkembangan yang dialami dalam dunia pendidikan tempatan mahupun di peringkat global (McLagan, 1991; Kahirol, 2011; Mahazani, 2011; Wahba, 2013). Adalah amat wajar tenaga pengajar ini perlu didedahkan dengan pengetahuan dan kemahiran terkini sejajar dengan keperluan ekonomi merentasi pengetahuan (Wan Nooraini, Mohd Sani, 2016, Holton &Trott, 1996; Kahirol, 2011; McLagan, 1991; Kahirol, 2011), .

soalan kajian kedua: "apakah cadangan dimensi keperluan untuk reka bentuk model standard kompetensi pensyarah pltv (tpka), kv?". Bagi soalan kajian yang kedua ini, peserta kajian telah menyatakan keperluan yang terdiri daripada dua domain utama yang perlu ada bagi setiap pensyarah TPKA untuk memastikan tahap

University of Malaya

kompetensi mereka berada ditahap tinggi. Keperluan terhadap panduan guru dapat menggerakkan guru-guru dalam membentuk corak kerja dan perkembangan kerjaya (Nik Mustaffa, 2016; Martinez-Lopez et al. 2010; Steele, 2010; Mason, 2010; Rafisah Othman, 2009; Rimm-kaufinan & Sawyer, 2004). Dapatan temubual di dalam fasa analisis keperluan ini sebanyak dua domain yang telah dikenalpasti dan relavan dalam mereka bentuk MSKPKVM iaitu Kompetensi Am dan Kompetensi Khusus (Hay McBer,2005, Saedah & Mohd Sani 2012) Dapatan kajian mendapati peserta menyatakan dimensi keperluan untuk Domain Kompetensi Am adalah terdiri daripada Dimensi Profesionalisme dan Dimensi Kemahiran Generik. Manakala dimensi keperluan untuk Domain Kompetensi Khusus adalah Dimensi Kemahiran Teknikal (Teknologi Pembinaan) dan Dimensi Kemahiran Pedagogi Teknikal. Dimensi-dimensi keperluan yang dinyatakan oleh Pensyarah TPKA adalah selari keperluan dunia pendidikan global kini yang menyaksikan pelbagai usaha dilakukan untuk mempertingkatkan tahap kompetensi dan profesionalisme tenaga pengajar PLTV (Wan Nooraini, Mohd. Sani, 2016). Dapatan juga memperkukuhkan dapatan sorotan kajian terdahulu, tenaga pengajar yang inovatif dan kreatif dalam melaksanakan tugas selain mampu memenuhi matlamat pendidikan negara ke arah meningkatkan kualiti pendidikan seiring dengan cabaran dunia globalisasi (Marincović , 2011; Wahba, 2013; Kagaari, Roberts *et al*., 2007; Mohammad Sattar *et al*., 2009; Mahazani, 2011). Juga disokong oleh polisi dan amalan, KPM (2011), BPTV KPM (2012) mengenal pasti kompetensi guru sebagai salah satu faktor paling penting dalam Transformasi PLTV. Di mana pensyarah PLTV perlu dilatih dan dididik dengan pengetahuan dan kemahiran

University of Malaya

yang berkaitan dengan keperluan industri, KPM mempunyai dasar terbuka melatih hanya guru-guru vokasional terbaik serta mahir dan dasar untuk membangunkan tenaga pengajar yang amat berkesan, termasuk untuk menubuhkan pusat baru untuk pengajar dan kemahiran lanjutan. Dapatan turut mendapati keperluan Standard Kompetensi ini adalah menjadi pilihan para Pensyarah Teknologi Pembinaan bagi mendepani cabaran globalisasi serta memerlukan tenaga pengajar yang mempunyai keunggulan dalam pedagogi (Khoo,2012; Rohani Arbaa *et al*., 2010; OECD, 2011; Wahba, 2013; Marincović, 2011).

perbincangan dapatan kajian fasa reka bentuk. Perbincangan dapatan fasa reka bentuk ini adalah berkaitan soalan kajian yang telah dibentuk iaitu " Sejauhmanakah pandangan dan kesepakatan dalam kalangan panel pakar tentang ceranikan dimensi Standard Kompetensi Pensyarah PLTV (TPKA), KV? dan Sejauhmanakah pandangan dan kesepakatan dalam kalangan panel pakar terhadap senarai amalan terbaik bagi setiap dimensi Standard Kompetensi Pensyarah PLTV (TPKA), KV?".

Seramai 9 orang panel pakar telah bersepakat bahawa domain utama dalam reka bentuk MSKP PLTV TPKA KV KPM adalah terbahagi kepada 2 iaitu Domain Kompetensi Am (Dimensi Profesionalisme dan Kemahiran Generik) dan Domain Kompetensi Khusus (Dimensi Kemahiran Teknikal (Teknologi Pembinaan) dan Dimensi Kemahiran Pedagogi Teknikal). Reka bentuk dimensi keperluan tersebut

University of Malaya

adalah berdasarkan tahap kesepakatan yang tinggi dalam kalangan 9 panel pakar terhadap sub dimensi serta item yang mendokongan dimensi tersebut. Kesepakatan ini diperolehi melalui analisis julat antara kuartil ke atas data yang dikutip menggunakan Teknik Delphi tiga pusingan. Reka Bentuk MSKP PLTV TPKA KV KPM mengandungi empat dimensi yang telah dikenal pasti dari sorotan kajian dan disokong oleh dapatan kajian analisis keperluan. Empat dimensi tersebut adalah Dimensi Profesionalisme, Dimensi Kemahiran Generik, Dimensi Kemahiran Teknikal (Teknologi Pembinaan) dan dimensi Kemahiran Pedagogi Teknikal. Setiap dimensi mempunyai 4 hingga 27 sub dimensi dan setiap satu sub dimensi mempunyai antara tiga hingga dua puluh amalan. Perbincangan dapatan fasa reka bentuk adalah berdasarkan dimensi, sub dimensi serta amalan terbaik seperti mana berikut;

domain kompetensi am. Dapatan kajian menunjukkan Dimensi Profesionalisme dan Dimensi Kemahiran Generik membentuk Domain Kompetensi Am yang memuatkan pengetahuan, kemahiran dan ciri-ciri peribadi serta tata kelakuan yang perlu dimiliki oleh setiap anggota dalam sesuatu perkhidmatan berkenaan. Dapatan ini menyokong dapatan sorotan kajian lalu Saedah, Mohammad Sani (2012), kompetensi am atau dipanggil kompetensi umum ini perlu dimiliki setiap tenaga pengajar untuk menjalankan tugas, yang turut mempengaruhi pendekatan sebagai pemudah cara aktif secara berkesan dalam melaksanakan pengajaran dan pemudahcaraan.

University of Malaya

Dimensi Profesionalisme. Pakar telah bersepakat terhadap empat sub dimensi dan 50 item yang disenaraikan merupakan kesepakatan pakar yang menjurus kepada kompetensi am yang amat diperlukan oleh Pensyarah TPKA. Dapatan ini disokong oleh dapatan sorotan kajian terdahulu (Abd. Rahim,2005; Brock, 2011). yang menyatakan profesionalisme keguruan perlu membentuk guru supaya dapat mengembangkan ciri-ciri profesionalisme. Profesionalisme (*profésionalisme*) merupakan pemikiran atau sikap seseorang yang mengambarkan kompetensi, pengetahuan dan kelayakan dimiliki oleh seorang profesional. Justeru dalam kajian ini profesionalisme merujuk kepada kemampuan, kemahiran dan cara pelaksanaan sesuatu sebagaimana seorang profesional.

Merujuk kepada dapatan kajian sub dimensi Etika Profesional, pakar telah bersepakat bahawa terdapat 12 amalan terbaik Etika Profesional yang perlu bagi melahirkan Pensyarah Teknologi Pembinaan yang berkompetensi tinggi. Justeru Pensyarah perlu mempamer serta menghayati etika kerja secara profesional iaitu perlu mewujudkan hubungan yang positif dengan pelajar, berpegang pada prinsip integriti serta komited terhadap tanggungjawab yang diamanahkan. Selain daripada memberi sokongan padu kepada objektif Institusi, pensyarah perlu mematuhi amalan-amalan rutin di tempat kerja, menjaga keselamatan untuk semua maklumat sulit, sentiasa menerima tanggungjawab menggunakan kemudahan dengan berhemah, melaporkan maklumat yang tepat serta pantas bertindak melaksanakan sesuatu arahan berdasrkan sasaran kerja yang ditetapkan. Sementelah itu dapatan kajian adalah menepati etika profesional sorotan kajian terdahulu Sharifah Hayaati (2009) adalah usaha-usaha

University of Malaya

perkhidmatan awam dalam melahirkan penjawat awam berkualiti bagi mempertingkatkan mutu perkhidmatan awam demi kesejahteraan dan kemajuan Malaysia.

Dapatan kajian, mendapati panel pakar bersepakat bahawa terdapat sepuluh amalan terbaik dalam pembentukan Sahsiah seseorang Pensyarah TPKA. Ianya merujuk kepada sikap mempamerkan sahsiah terpuji semasa melaksanakan tugas, nilai peribadi cemerlang, tiada konflik hubungan antara rakan pensyarah mahupun pelajar dan Pensyarah perlu menyesuaikan diri di dalam semua keadaan dalam usaha memastikan matlamat organisasi tercapai (Nik Mustaffa (2016). Pensyarah yang mempunyai sahsiah cermelang sangat diharapkan oleh masyarakat bagi mendidik anak bangsa negara ini pada masa hadapan. Dapatan kajian ini turut memperlihatkan Pensyarah yang bersahsiah profesional mereka turut perlu bijak mengawal emosi kendiri untuk kebaikan organisasi, meyakini kebolehan diri sendiri untuk memilih tindakan yang berkesan, memberi tumpuan kepada pelajar dan berusaha memahami mereka.

Dapatan kajian mendapati panel pakar bersepakat untuk memilih potensi sebagai salah satu aspek yang menentukan tahap kompetensi seseorang Pensyarah Teknologi Pembinaan. Wiyono (2006), Potensi merupakan kemampuan dasar dari sesuatu yang masih terpendam didalamnya yang menunggu untuk diwujudkan menjadi sesuatu kekuatan nyata dalam diri. Dengan demikian potensi diri manusia adalah kemampuan

University of Malaya

dasar yang dimiliki manusia yang masih terpendam didalam dirinya yang menunggu untuk diwujudkan menjadi suatu yang bermanfaat dalam kehidupan. Para pendidik ini berupaya menerima dan menyesuaikan diri sebarang perubahan tugas. Selain daripada itu dengan potensi yang menyerlah ini, para Pensyarah Teknologi Pembinaan bijak menghasilkan idea baharu dalam membudayakan pemikiran kreatif dan inovatif, mantap membangkitkan komitmen pasukan untuk memimpin organisasi serta serta sering melakukan penambahbaikan cara perlaksanaan tugas.

Dapatan kajian mendapati pakar bersetuju dengan dua puluh amalan terbaik yang membentuk Amalan Komuniti Pembelajaran Profesional (KPP). KPP dalam kalangan Pensyarah adalah amat relavan kerana amalan bekerjasama, berkolaborasi serta berkongsi maklumat dalam kalangan Pensyarah, sehingga mewujudkan hubungan yang jelekit. Kejelekitan dalam kalangan komuniti ini akan menjadikan mereka umumnya dan organisasi Kolej Vokasional khususnya, bitara dalam bidang, cemerlang, gemilang dan terbilang (Zuraidah Abdullah, Rahimah Ahmad, Muhammad Faizal Ab. Ghani, 2016;Hailan Salamun ,2013).

dimensi kemahiran generik. Dapatan kajian mendapati, Pakar bersepakat menyetujui 81 item amalan terbaik dari 8 sub dimensi yang membentuk Dimensi Kemahiran Generik. Sub dimensi dan item-item yang disenaraikan tersebut merupakan kesepakatan pakar yang menjurus kepada kompetensi am yang amat diperlukan oleh pensyarah PLTV (Teknologi Pembinaan). Item yang mendapat kesepakatan yang tinggi

University of Malaya

mengikut sub dimensi adalah seperti berikut; (i) Kemahiran Komunikasi, 12 item, (ii) Kemahiran Bekerja dalam Kumpulan, 8 item, (iii) Kemahiran Penyelesaian Masalah, 10 item, (iv) Kemahiran Membuat Keputusan, 9 item, v) Kemahiran Interpersonel, 10 item, (vi) Kemahiran Keusahawanan, 8 item, vii) Kemahiran Pengurusan, 12 item; dan viii) Kemahiran ICT, 12 item. Sebagai Pensyarah Teknologi Pembinaan yang profesional adalah guru yang mempunyai tahap kompetensi kemahiran generik yang tinggi.

Sebagai Pensyarah TPKA yang unggul, kemahiran komunikasi dan kemahiran interpersonal akan membantu memperkasakan kebolehan mendengan dan memahami maklumat dengan baik. Sebagai Pensyarah TPKA yang kompeten, perlu menguasai kemahiran bekerja dalam kumpulan atau secara umumnya kita lihat ianya sebagai kemahiran bekerja di dalam pasukan. Kebolehan membina kemahiran bekerja dalam kumpulan adalah untuk mencapai objektif yang sama yang disulami dengan bina hubungan baik, berinteraksi dengan orang lain dan bekerja secara berkesan bersama-sama. Kemahiran ini turut mewujudkan Pensyarah TPKA yang berkebolehan untuk menjadi pemimpin dan pengikut. Selain daripada itu Pensyarah yang berkemahiran ini adalah seorang yang menghormati pandangan dan pendirian orang lain. Malah mereka berkebolehan menerima kepelbagaian yang wujud dalam kumpulan, memberi sumbangan kepada perancangan dan menyelaraskan hasil usaha kumpulan. Sebagai Pensyarah Teknologi yang cekap mahir bekerja dalam kumpulan, secara kebiasaannya mereka turut berkemahiran dalam penyelesaian masalah dan berkemahiran membuat

University of Malaya

keputusan. (William,1996; Owen,1997; Faridah & Lilia ,2002; Siti Zaleha, 2007; Zalika & Faridah,2008).

Sejajar dengan matlamat Transformasi PLTV, melahirkan pelajar Kolej Vokasional berkemahiran keusahawan dan dapat membuka perniagaan sendiri setelah tamat pengajian Diploma, sudah pastinya kemahiran tersebut perlu terlebih dahulu tersemai secara harmoni dalam diri Pensyarah. berkemahiran dan berminda keusahawanan ini adalah sangat relavan memandangkan kemahiran teknikal untuk menghasilkan sesuatu produk telah dilatih di Kolej Vokasional. Maka dengan itu para Pensyarah TPKA perlu cakna, meneroka serta mahir merebut peluang perniagaan. Dengan latihan serta tahap kompetensi teknikal yang tinggi, Pensyarah berupaya menggabung jalinkan kemahiran keusahawanan dan pembelajaran sepanjang hayat mengikut perubahan persekitaran. Berupaya melakukan inovasi dalam Pembangunan dan Penyelidikan (*R&D*) sesuatu produk selain turut menerapkan nilai moral dalam keusahawanan.

Sebagai pensyarah Teknologi Pembinaan yang mantap berada dalam *genre* pendidikan alaf 21, sudah pastinya kemahiran ICT adalah salah satu kemahiran penanda aras. Pensyarah berkemahiran ICT dapat memperolehi maklumat tambahan berkaitan kursus Teknologi Pembinaan secara atas talian bagi menyediakan tugasan untuk memantapkan penyampaian kursus kepada pelajar. Malah dengan menguasai kemahiran

University of Malaya

ICT Pensyarah Teknologi Pembinaan dapat mengintegrasikan pelbagai kemudahan bahan multimediadan mengoptimumkan penggunaan perisian komputer.

domain kompetensi khusus. Dapatan kajian mendapati Pakar telah bersepakat dan bersetuju , Dimensi Kemahiran Teknikal dan Dimensi Kemahiran Pedagogi Teknikal merupakan dimensi kompetensi khusus yang memuatkan pengetahuan, kemahiran dan ciri-ciri peribadi yang spesifik bagi menjalankan tugas dan tanggungjawab bagi sesuatu jawatan dan kumpulan jawatan. Kemahiran khusus ini adalah antara elemen yang di fokuskan kerana isi pengajaran Pensyarah akan diterjemah dan dibuktikan dengan eviden kerja lapangan pembinaan pelajar di luar kelas samada secara teori mahupun secara praktikal. Dengan kebitaraan kompetensi dan tahap kesiagaan yang mantap para Pensyarah Teknologi Pembinaan maka ianya dapat meningkatkan lagi perkembangan dan pencapaian positif potensi pelajar secara menyeluruh pada tahap optimum secara berterusan. Kebitaraan profesionalisme, Kemahiran Generik, Kemahiran Teknikal Teknologi Pembinaan dan Kemahiran Pedagogi Teknikal di lihat sebagai *x-factor* , pendorong utama serta sebagai pemangkin bagi memastikan pelajar menguasai latihan PLTV Teknologi Pembinaan mencapai matlamatnya. Nilai-nilai yang membentuk bitara kompetensi ini ialah intergriti, profesional, semangat berpasukan, berorientasikan pelanggan, prihatin kebajikan anggota serta kreatif dan inovatif. Selain daripada itu kebitaraan dalam setiap kemahiran kompetensi, para Pensyarah akan dapat memantapkan lagi tugas di dalam perancangan, kesediaan, perlaksanaan, bimbingan, dorongan serta penilaian yang profesional dan

University of Malaya

berterusan terhadap pelajar yang mengikuti kursus. Kewibawaan tenaga pengajar PLTV perlu lebih terserlah kerana mereka berhubung secara langsung dengan pelajar. Kredibiliti profesional para pensyarah di dalam bidang pengkhususannya perlu berada pada satu tahap piawaian yang meletakkan kompetensi profesion mereka pada aras yang bitara (Wan Nooraini & Mohammed Sani, 2016). Ini adalah kerana kompetensi merupakan landasan bagi Pensyarah PLTV (Teknologi Kejuruteraan) untuk menjalankan tugas melatih pelajar mengikut piawaian yang ditetapkan.

dimensi kemahiran teknikal (teknologi pembinaan). Pakar bersepakat dan bersetuju terhadap 27 sub dimensi yang mendokongi Dimensi Kemahiran Teknikal (Teknologi Pembinaan). Sebanyak seratus lapan puluh lapan item amalan terbaik yang membentuk Kemahiran Teknikal (Teknologi Pembinaan) . Item yang mendapat kesepakatan pakar bagi setiap sub dimensi adalah KT1(Pengenalan Kepada Teknologi Pembinaan) 4 item, KT2 (Amalan Keselamatan Dalam Industri Pembinaan) 6 item, KT3 (Peralatan Dan Perkakasan Pembinaan) 4 item, KT4 (Teknikal Dan Lukisan Bangunan) 9 item, KT5 (Kerja Asas) 6 item, KT6 (Pemasangan Rangka Pintu Dan Tingkap) 5 item, KT7(Tetulang Dan Kerja Konkrit) 8 item, KT8 (Kerja Bata) 9 item. KT9 (Kerja Melepa) 10 item, KT10 (Kerja Kekemasan)10 item, KT11 (Kebersihan, Pembetungan Dan Perparitan),10 item, KT12 (Kerja Pagar) 5 item, KT13 (Kerja Batu) 5 item , KT14 (Kerja Konkrit Dan Acuan) 6 item, KT15 (Sistem Peranca) 6 item, KT16 (Penyelanggaraan Bangunan, Pemecahan Dan Kerja Pengubahsuaian) 8 item, KT17 (Kos And Anggaran Kerja) 5 item, KT18 (Pengurusan Pembinaan) 9 item, KT19

University of Malaya

(Pembinaan Projek Komuniti) 6 item, KT20 (Pengurusan Kerja Kejuruteraan Awam) 7 item, KT21 (Pengurusan Kejuruteraan Awam Dan Struktur Tapak) 9 item, KT22 (Pengurusan Kerja Struktur) 7 item, KT23 (Kontrak Dan Prosedur Perolehan) 5 item, KT24 (Pengurusan Personel Tapak) 3 item, KT25 (Prinsip Pengurusan Dan Analisis Risiko) 4 item, KT26 (Spesifikasi Dan Pengurusan Kualiti Kerja Pembinaan) 4 item dan KT27 (Sistem Latihan Dual Nasional *(SLDN)*) 11 item.

Sebagai Pensyarah Teknologi Pembinaan yang kompeten serta pakar di dalam bidang pengkhususan, sudah pastinya mempunyai tahap kompetensi yang tinggi dalam Kemahiran Teknikal. Keberkesanan penguasaan kemahiran ini boleh di lihat dan diukur dari segi hasil kerja lapangan yang ditunjukkan secara teknikal samada dari Pensyarah sendiri atau pelajar yang diberi latihan. Hasil dapatan kajian mendapati tahap kompetensi Pensyarah dalam Dimensi Kemahiran Teknikal Teknologi Pembinaan adalah yang paling teruji. Penguasaan secara teori tidak semestinya menguasai secara praktikal. Namun yang semikian dapatan kajian menunjukkan bahawa 27 sub dimensi yang membentuk Kemahiran Teknikal (Teknologi Pembinaan) didapati setara dengan dimensi Kompetensi Teknikal Industri-Luas, Model Kompetensi Industri Pembinaan dan Industri Komersial (2014), Bauer (2007), Mahazani (2011).

dimensi kemahiran pedagogi teknikal. Dapatan kajian mendapati Dimensi Kemahiran Pedagogi Teknikal terdapat 3 sub dimensi iaitu Kemahiran Perancangan PdP mempunyai 15 item, Kemahiran Perlaksanaan PdP 24 item dan Kemahiran

University of Malaya

Pentaksiran PdP mempunyai 10 item. Sub dimensi dan bilangan item yang disenaraikan tersebut merupakan kesepakatan pakar yang menjurus kepada kemahiran khusus standard kompetensi yang diperlukan oleh Pensyarah PLTV (TPKA). Dapatan kajian ini diperkukuhkan lagi sorotan kajian lalu, menegaskan antara sifat-sifat guru yang berkesan ialah mempunyai kemahiran mengajar, termasuk menghubungkan pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam pengajarannya(Mahadi, 2006; Kerka, 1998; Khahirol, 2011; Chalmers & Keown, 2006).

perbincangan dapatan kajian, faktor demografi fasa penilaian. Di dalam fasa penilaian, kajian melibatkan seramai 304 sampel kajian iaitu seramai 209 sampel lelaki dan 94 sampel adalah perempuan. Faktor demografi yang di analisis adalah pensyarah PLTV yang mengajar kursus Teknologi Pembinaan, jantina, gred jawatan, tahap pendidikan, pengalaman mengajar, maklumat lokasi Kolej Vokasional mengikut negeri. Faktor demografi merujuk kepada latar belakang sampel seperti jantina, pengalaman mengajar, umur, pendidikan tertinggi, pengalaman pekerjaan, sosio-ekonomi dan lokasi semasa (Maslow,1987; Nik Mustaffa, 2016).

Daripada hasil kajian mendapati profil responden yang meliputi jantina pensyarah tidak mempunyai perkaitan yang rapat dengan dapatan kajian kerana ia tidak mempengaruhi pemboleh ubah yang dikaji. Karekter dan tingkah laku pendidik antara lelaki dan perempuan adalah berbeza-beza. Ciri yang ditunjukkan oleh seorang lelaki adalah bersifat menguasai, kuat fizikal dan agresif. Manakala ciri yang dipamerkan

University of Malaya

oleh perempuan adalah bersifat lemah lembut, beremosi, terperinci dan *feminine (* Morris & Maisto,2001; Egger, 2006; Klassen & Chiu, 2011; Nik Mustaffa, 2016).

Daripada dapatan kajian ini, profil responden yang meliputi gred jawatan, tahap pendidikan serta pengalaman bekerja mempunyai perkaitan yang rapat dengan dapatan kajian ini kerana ketiga-tiga aspek tersebut mempengaruhi sikap, usaha dan jangkaan terhadap keinginan untuk menggunakan model standard kompetensi sebagai panduan meningkatkan kompetensi profesionalisme, kemahiran generik, kemahiran teknikal dan kemahiran pedagogi.

Manakala daripada segi tahun pengalaman mengajar pula, kajian ini menunjukkan terdapat pelbagai peringkat pengalaman Pensyarah Teknologi Pembinaan. Daripada teori perkembangan guru atau pendidik oleh (Berliner, 2005; Fuller,1969; Hapidah, 2001; Lilia Hanim & Abdullah,1998; Nik Mustaffa 2016) ada menyatakan terdapat lima fasa kemahiran, kepakaran, kecekapan seseorang pendidik itu adalah berkadaran dengan tempoh pengalaman mengajar. Secara keseluruhannya menunjukkan, sampel kajian teramai adalah pada lingkungan pengalaman lebih daripada 15 tahun adalah peratusan yang tertinggi iaitu 61.2% (186 orang). Hubberman (1989), Nik Mustaffa (2016) menyatakan bahawa motivasi dan komitmen pendidik meningkat secara berkadar dengan tempoh pengalaman mengajar sehingga tempoh pertengahan (sehingga tahun ke-18) dan kemudian menurun juga secara berkadaran bermula tahun ke-19 hingga ke-45 mengajar.

University of Malaya

perbincangan dapatan kajian fasa penilaian. Analisis data dalam fasa penilaian menjawab persoalan kajian iaitu " Sejauhmanakah tahap kompetensi Pensyarah PLTV (TPKA), KV seluruh Malaysia, berdasarkan analisis menurut gred jawatan dan tahun pengelaman mengajar? dan Sejauhmanakah wujudnya kesepadanan antara model prototaip dengan dimensi kompetensi yang diuji dalam mereka bentuk Model Standard Kompetensi Pensyarah PLTV (TPKA), KV?"

dapatan kajian menjawab soalan pertama fasa penilaian. Analisis SPSS *Statistics* 20.0 telah digunakan untuk meganalisis soal selidik yang telah dijawab oleh 304 orang sampel, bagi menjawab soalan kajian pertama Fasa Penilaian ini. Daripada analisis deskriptif yang telah dilakukan tahap kompetensi Pensyarah PLTV (TPKA), Kolej Vokasional berdasarkan domain keperluan Model Standard Kompetensi menurut gred pensyarah dan tahun pengalaman mengajar telah berjaya di jawab. Nilai Min tahap kompetensi telah berjaya diperolehi untuk setiap dimensi dan sub dimensi merujuk kepada gred pensyarah PLTV (Teknologi Pembinaan) dan tahun pengalaman mengajar. Secara keseluruhannya tahap kompetensi Pensyarah PLTV bidang kejuruteraan awam khusus kepada kursus teknologi pembinaan ini adalah berada pada tahap tinggi (memuaskan) dengan nilai min melebihi 3.67 hingga 5.00. Daripada hasil kajian tersebut satu graf radar (*spider web*) dibina untuk menunjukkan lebih jelas tahap kompetensi berdasarkan gred dan tahun pengalaman mengajar.

University of Malaya

Graf Radar 5.1

Tahap Kompetensi Pensyarah PLTV (Teknologi Pembinaan) Mengikut Gred Jawatan



Merujuk kepada Graf Radar 5.1 di atas, tahap kompetensi pensyarah PLTV (Teknologi Pembinaan) berdasarkan gred jawatan Pensyarah,menunjukkan tahap kompetensi pensyarah gred DG 48 dalam kesemua sub dimensi adalah berada pada tahap yang tinggi berbanding dengan pensyarah gred yang lain. Dapatan ini adalah sejajar dengan teori perkembangan guru atau pendidik oleh (Berliner, 2005; Fuller,1969; Hapidah, 2001; Lilia Hanim & Abdullah,1998; Nik Mustaffa 2016) ada menyatakan terfapat lima fasa kemahiran, kepakaran, kecekapan seseorang pendidik itu adalah berkadaran dengan tempoh pengalaman mengajar. Tahap kompetensi pensyarah gred DG34 dan DG41 dilihat tidak banyak bezanya. Pensyarah gred DG34 merupakan Pensyarah Teknologi Pembinaan merupakan pemegang taulihan diperingkat Diploma dan kebanyakkan mereka berkemahiran dan mempunyai pengalaman luas dan lebih lama bekerja dibengkel. Manakala pensyarah gred DG41 yang mempunyai kelayakan Sarjana Muda. Kebanyakkan Pensyarah ini merupakan Pensyarah Novis atau Pensyarah lebih maju yang masih baharu dan kurang pengalaman di dalam kesemua sub dimensi yang diuji. Manakala Pensyarah gred DG 44 pula, dapatan menunjukkan tahap kompetensi adalah di bawah tahap kompetensi Pensyarah gred DG48 di dalam kesemua sub dimensi. Walaubagaimanapun dapatan menunjukkan bahawa tahap kompetensi Pensyarah gred DG44 ini adalah lebih konsisten jika dibandingkan dengan tahap kompetensi Pensyarah gred DG34 dan DG41 di dalam semua sub dimensi. Berikut adalah Daripada hasil kajian tersebut satu graf radar (*spider web*) dibina untuk menunjukkan lebih jelas tahap kompetensi berdasarkan tahun pengalaman mengajar.

University of Malaya

Graf Radar 5.2

Tahap Kompetensi Pensyarah Pensyarah PLTV (Teknologi Pembinaan) Mengikut Tahun Pengalaman Mengajar



Merujuk kepada Graf Radar 5.2 di atas, dapatan kajian turut mendapati, tahap kompetensi Dimensi Profesionalisme Pensyarah PLTV (TPKA) Kolej Vokasional merujuk kepada kesemua aras tahun pengalaman mengajar juga berada pada tahap tinggi dengan interpretasi memuaskan dengan nilai min = 4.02 (SD =0.57) hingga 4.22 (SD = 0.50) secara keseluruhannya. Dapatan kajian menunjukkan terdapat sedikit penurunan tahap kompetensi Pensyarah Teknologi Pembinaan yang mempunyai tahun pengalaman mengajar melebihi 15 tahun, berbanding dengan Pensyarah yang mempunyai pengalaman 15 tahun atau kurang. Namun yang demikian ini adalah merupakan pola penurunan yang masih berada pada tahap sederhana memuaskan. Dapatan ini adalah selari dengan dapatan kajian oleh Hubberman (1989) dalam Nik Mustaffa (2016) menyatakan bahawa motivasi dan komitmen pendidik meningkat secara berkadar dengan tempoh pengalaman mengajar sehingga tempoh pertengahan (sehingga tahun ke-18) dan kemudian menurun juga secara berkadaran bermula tahun ke-19 hingga ke-45 mengajar. Selain daripada itu, hasil kajian menunjukkan Pensyarah Teknologi Pembinaan yang berpengalaman melebihi 10 tahun sehingga 15 tahun pengalaman mengajar mempunyai tahap kompetensi yang tertinggi berbanding aras tahun pengalaman yang lain, malah mengatasi tahap kompetensi Pensyarah yang mempunyai pengalaman mengajar melebihi 15 tahun. Ini diikuti dengan pola tahap kompetensi Pensyarah yang mempunyai pengalaman mengajar melebihi 5 tahun sehingga 10 tahun, dapatan menunjukkan lebih tinggi berbanding dengan tahap kompetensi Pensyarah Teknologi Pendidikan yang mempunyai pengalaman 10 tahun ke bawah.

University of Malaya

dapatan kajian menjawab soalan kedua fasa penilaian. Pengkaji telah menggunakan Analisis Model Persamaan Struktural (SEM)/AMOS 16.0 untuk menjawab soalan kajian kedua fasa penilaian. Pengkaji menggunakan Model Persamaan Struktural (SEM) dan menunjukkan hubungan antara dimensi. Ujian korfirmatori digunakan bagi melihat perhubungan di antara Domain, dimensi dan sub dimensi standard kompetensi pensyarah PLTV (TPKA). Dimensi dan sub dimensi didalam Domain Kompetensi Am dan Kompetensi Khusus telah diuji menggunakan ujian korfirmatori ini. Nilai *comfirmatory fit index* (CFI) dan nilai *goodness of fit index* (GFI) digunakan untuk mengukur kelayakan model. Menurut Hair *et al.* (1998), Ibrahim (2011), Nik Mustaffa (2016), nilai yang diharapkan adalah 0.90 atau lebih. Walaubagaimanapun, dari Wijanto (2008) pula menyatakan nilai 0.80 hingga 0.90 sudah termasuk di dalam marginal. Ini disokong oleh Umi (2012), menyatakan apabila hasil perhitungan GFI lebih besar daripada 0.80 bererti indikator yang dikaji pasa sesuatu konstruk telah memiliki reliabiliti yang boleh diterima. Di dalam kajian ini, pengkaji telah mereka bentuk model dan terdapat beberapa model ubah suai domain kompetensi , dimensi dan sub dimensi standard kompetensi Pensyarah PLTV (TPKA). Ini dilakukan bagi melihat secara terperinci dan lebih jelas tahap hubungan antara item yang dibina. Sebanyak 4 dimensi yang didokongi oleh 42 subdimensi telah diuji. Hasil dapatan yang diperolehi menunjukkan setiap model yang dibina adalah fit dan mendapat nilai CFI melebihi atau sama 0.90 dan nilai GFI yang sama atau melebihi 0.80 dengan status baik.

University of Malaya



Rajah 5.1: Model Persamaan Struktur, Domain Kompetensi Am, Model Standard Kompetensi Pensyarah PLTV (TPKA)

Merujuk kepada Model Persamaan Struktur, Domain Kompetensi Am, Model Standard Kompetensi Pensyarah PLTV (TPKA) yang dipaparkan dalam *Rajah* 5.1 di atas, secara keseluruhannya dapatan kajian menunjukkan terdapat hubungan positif di antara Dimensi Profesionalisme dengan Dimensi Kemahiran Generik iaitu 0.85. Hasil ujian Chi-Square menunjukkan nilai 255.911 dengan probabiliti p = .000. Ini menunjukkan dimensi di dalam model tersebut adalah signifikan dengan mempunyai

University of Malaya

hubungan yang baik. Nilai GFI=.863, AGFI=.821, CFI=.939, TLI=.922, RMSEA=.084, CMIN/DF= 4.921. Merujuk kepada nilai signifikan dari *loading factor*, di dapati tiada nilai probabiliti melebihi 0.05. Secara keseluruhannya, nilai-nilai yang ditunjukkan, menggambarkan Model Persamaan Struktur, Domain Kompetensi Am, Model Standard Kompetensi Pensyarah PLTV (TTPKA) dengan subdimensi yang diuji boleh diterima dengan baik (Bentler, 1993; Bollen, 1993; Nik Mustafa 2016).

Merujuk kepada Model Persamaan Struktur, Kompetensi Khusus : Dimensi Kemahiran Teknikal dan Dimensi Kemahiran Pedagogi Teknikal, Model Standard Kompetensi Pensyarah PLTV (TPKA) yang dipaparkan di dalam *Rajah* 5.2 di bawah, secara keseluruhannya dapatan kajian menunjukkan terdapat hubungan positif di antara Dimensi Kemahiran Teknikal (Teknologi Pembinaan) dengan Dimensi Kemahiran Pedagogi Teknikal iaitu 0.86. Hasil ujian Chi-Square menunjukkan nilai 294.036 dengan probabiliti p = .020. Ini menunjukkan dimensi di dalam model tersebut adalah signifikan dengan mempunyai hubungan yang baik. Nilai GFI=.877, AGFI=.820, CFI=.908, TLI=.803, RMSEA=.067, CMINDF= .618. Merujuk kepada nilai signifikan dari *loading factor*, di dapati tiada nilai probabiliti melebihi 0.05. Ini menunjukkan sub dimensi Kompetensi Khusus : Dimensi Kemahiran Teknikal dan Dimensi Kemahiran Pedagogi Teknikal, Model Standard Kompetensi Pensyarah PLTV (TPKA) yang diuji boleh diterima dengan baik (Bentler, 1993; Bollen, 1993; Nik Mustafa 2016).

University of Malaya



*Rajah 5.2 :*Model Persamaan Struktur, Kompetensi Khusus : Dimensi Kemahiran Teknikal dan Dimensi Kemahiran Pedagogi Teknikal, Model Standard Kompetensi Pensyarah PLTV (TPKA)

University of Malaya



*Rajah 5.3:*Model Persamaan Struktur , Standard Kompetensi Pensyarah PLTV (TPKA)

University of Malaya

Merujuk kepada Model Persamaan Struktur, Standard Kompetensi Pensyarah PLTV (TPKA) yang dihasilkan di dalam *Rajah* 5.3 di atas, hasil ujian Chi-Square menunjukkan nilai 347.916 dengan probabiliti p = .000, ini menunjukkan dimensi di dalam model tersebut adalah signifikan dengan mempunyai hubungan yang baik. Nilai GFI=.756, AGFI=.836, CFI=.922, TLI=.862, RMSEA=.070, CMIN/DF= 5.00. Merujuk kepada nilai signifikan dari *loading factor*, di dapati tiada nilai probabiliti melebihi 0.05. Ini menunjukkan subdimensi yang diuji boleh diterima dengan baik (Bentler, 1993; Bollen, 1993; Nik Mustafa 2016).

Secara keseluruhannya dapatan kajian menunjukkan terdapat hubungan positif di antara kesemua Dimensi. Analisis AMOS di dalam *Rajah* 5.3 tersebut menunjukkan hubungan positif di antara Dimensi Profesionalisme dengan Dimensi Kemahiran Generik iaitu 0.85, Dimensi Profesionalisme dengan Kemahiran Teknikal (Teknologi Pembinaan) iaitu 0.69 dan Dimensi Profesionalisme dengan Kemahiran Pedagogi Teknikal iaitu 0.70. Begitu juga dapatan kajian turut menunjukkan hubungan positif di antara Kemahiran Generik dengan Kemahiran Teknikal (Teknologi Pembinaan) iaitu 0.78 dan Kemahiran Generik dengan Kemahiran Pedagogi Teknikal iaitu 0.75. Selain daripada itu dapatan kajian juga mendapati terdapat hubungan positif di antara Kemahiran Teknikal (Teknologi Pembinaan) dengan Kemahiran Pedagogi Teknikal iaitu 0.86. Ia menunjukkan kesemua Dimensi amat relavan dalam pengujian reka bentuk Model Standard Kompetensi Pensyarah PLTV (TPKA) Kolej Vokasional, Kementerian Pendidikan Malaysia.

University of Malaya

Rumusan Dapatan Kajian

Berdasarkan dapatan analisis keperluan, kajian mengesahkan wujud keperluan kepada Reka Bentuk MSKPKVM. Malah Model ini merupakan suatu bentuk panduan sebagai tanda aras tahap kompetensi Pensyarah TPKA. Seterusnya hasil analisis trut menemui dimensi-dimensi kompetensi yang diperlukan dalam mereka bentuk domain Kompetensi. Justeru , kajian Reka Bentuk Model Standard Kompetensi Pensyarah Kolej Vokasional di cadangkan bagi memenuhi keperluan tersebut. Seterusnya, hasil kajian dalam fasa reka bentuk menenui kesepakatan dalam kalangan panel pakar terhadap komponen Model Standard Kompetensi yang meliputi dua domain kompetensi iaitu kompetensi am dan kompetensi khusus. Keseluruhan kandungan Model merangkumi dua domain, empat dimensi yang terdiri dari 42 sub dimensi kompetensi. Selanjutnya analisis data dalam fasa penilaian menunjukkan kandungan Model Standard yang merangkumi ke empat-empat dimensi kompetensi, tahap kompetensi Pensyarah TPKA adalah di tahap sederhana dan tinggi dengan interpretasi sederhana memuaskan dan memuaskan. Seterusnya, keputusan analisis faktor (CFA) SEM mengesahkan keempat-empat dimensi yang terkandung dalam Model Standard secara signifikan dapat diwakili oleh domain dan dimensinya. Hasil analisis CFA turut menunjukkan hubungan yang tinggi, signifikan dan positif antara dimensi masing-masing. Sebagai rumusan reka bentuk Model Standard Kompetensi yang dihasilkan telah dihasilkan dalam diagramatik berikut seperti mana yang ditunjukkan dalam *Rajah* 5.4.

University of Malaya



Rajah 5.4 : Reka Bentuk Model Standard Kompetensi Pensyarah PLTV (TPKA) Kolej Vokasional

Berdasarkan *Rajah* 5.1 , secara empiriknya MSKP PLTV TPKA KV KPM dipersembahkan dalam bentuk sebuah sistem. Sistem ini mengandungi kitaran peristiwa iaitu *Input,* Proses*, Output* dan *outcome* berdasarkan konteks. Konteks seperti Pelan Pembangunan Pendidikan dan Transformasi PLTV adalah faktor penentu kepada keberkesanan Model Standard Kompetensi.

Rajah 5.1 di atas menjelaskan Pensyarah Teknologi Pembinaan yang bertindak sebagai pembolehubah Input, merupakan sumber mentah yang memainkan peranan untuk meningkatkan pembelajaran pelajar yang mengikuti kursus Teknologi Pembinaan. Kompetensi mereka perlu ditingkatkan serta ditambahbaik dengan kompetensi di dalam Model Standard Kompetensi yang merangkumi empat dimensi utama iaitu Profesionalisme, Kemahiran Generik, Kemahiran Teknikal (Teknologi Pembinaan) dan Kemahiran Pedagogi Teknikal. Selanjutnya kompetensi Pensyarah dinilai samada penambahbaikan tahap kompetensi mereka membuahkan hasil dari aspek pengajaran serta pemudahcaraan Pensyarah serta pembelajaran dan akhirnya adalah kemenjadian pelajar kurus Teknologi Pembinaan. Jika keputusan adalah sebaliknya, pihak berkepentingan dalam PLTV khususnya BPTV perlu melaksanakan proses refleksi penilaian semula samada mengkaji semula proses pengambilan sumber manusia atau melibatkan semua Pensyarah dalam proses penambahbaikan PLTV menerusi perlaksanaan Standard Kompetensi serta program pembangunan profesionalisme berterusan yang lebih mantap.

University of Malaya

Implikasi Dapatan Kajian

Pada dasarnya kajian ini bersandar kepada Standard Kompetensi Guru Malaysia yang merangkumi kepada tiga tahap professionalism iaitu sikap profesional, pengetahuan professional dan amalan professional. Standard ini berhubung kait dengan tanggungjawab profesional dan komitmen ,kemahiran insaniah, kemahiran khusus teknikal serta pengetahuan tentang mata pelajaran, kepelbagaian strategi pengajaran, kemahiran merancang, melaksanakan pengajaran serta kemahiran penaksiran pembelajaran pelajar, khususnya kepada keperluan Standard Kompetensi Pensyarah PLTV.

Secara umumnya, hasil dapatan kajian ini dapat memperincikan lagi Model Standard Kompetensi Pensyarah PLTV Kolej Vokasional yang merujuk kepada keperluan Kursus Teknologi Pembinaan, Kejuruteraan awam. Ini dibuktikan dengan hasil dapatan Model Persamaan Struktur, Standard Kompetensi Pensyarah PLTV (Teknologi Pembinaan, Kejuruteraan Awam) yang menunjukkan terdapat hubungan yang positif bagi setiap Dimensi dan Sub Dimensi yang dikenal pasti dan nilai-nilai bagi *Fitness Indexes* adalah tinggi dan mencapai nilai yang dikehendaki.

implikasi terhadap teoritis. Hasil sorotan kajian ke atas empat Model Standard Kompetensi yang dihasilkan sepanjang dua dekad dengan sokongan data temu bual bersama 15 orang pengamal di Kolej Vokasional dalam fasa analisis penilaian pengkaji meletakkan asas reka bentuk MSKP PLTV TPKA KV KPM dalam empat

University of Malaya

dimensi. Dapatan ini seterusnya diperkukuhkan lagi dengan kesepakatan yang tinggi dalam kalangan 9 orang panel pakar bahawa keempat-empat dimensi tersebut adalah dimensi penting untuk Model Standard Kompetensi yang di reka bentuk. Analisis SEM telah mengesahkan bahawa keempat-empat dimensi tersebut adalah pembolehubah peramal yang signifikan bagi mewakili Model Standard Kompetensi. Justeru kajian ini telah menghasilkan dapatan baharu bagi kajian Model Standard Kompetensi khususnya untuk Pensyarah Teknologi Pembinaan Kolej Vokasional di Malaysia. Hasil ini dinamakan sebagai Model Standard Kompetensi Pensyarah PLTV (Teknologi Pembinaan, Kejuruteraan Awam) Kolej Vokasional Kementerian Pendidikan Malaysia, (MSKP PLTV TPKA KV KPM).

MSKP PLTV TPKA KV KPM di reka bentuk untuk kegunaan kajian telah dibuktikan sesuai dengan konteks Pelan Pembangunan Pendidikan dan Transformasi PLTV, Kolej Vokasional Malaysia. Justeru MSKP PLTV TPKA KV KPM adalah sesuai diguna pakai sebagai teori oleh penyelidik yang berminat menjalankan kajian berkaitan Standard Kompetensi Pensyarah PLTV.

implikasi terhadap dimensi. Hasil dapatan pada fasa analisis keperluan telah menunjukkan keperluan terhadap reka bentuk MSKP PLTV TPKA KV KPM. Pensyarah Teknologi Pembinaan, Kolej Vokasional telah menyatakan tentang kepentingan terhadap keperluan Model Standard Kompetensi dalam membentuk

University of Malaya

seseorang Pensyarah Teknologi Pembinaan yang bitara dalam aspek profesionalisme dan kompetensi.

Seperti yang telah dinyatakan dalam perbincangan sebelum ini, sebagai Pensyarah Teknologi Pembinaan yang kompeten, perlulah meningkatkan lagi kompetensi mereka terhadap domain standard kompetensi am dan kompetensi khusus iaitu Profesionalisme, Kemahiran Generik, Kemahiran Teknikal (Teknologi Pembinaan) dan Kemahiran Pedagogi Teknikal. Ini adalah selari dengan kehendak Transformasi PLTV ke arah melahirkan pelajar yang memenuhi kriteria kualiti, berkemahiran tinggi bagi memenuhi pasaran industri. Oleh yang demikian, sebagai pensyarah yang cekap lagi pakar di dalam bidang, hendaklah menggunakan kemahiran dan kepakaran yang ada pada mereka untuk memberi latihan kepada pelajar samada secara teori mahupun praktikal.

Setiap Pensyarah Teknologi Pembinaan yang berkompetensi tinggi, hendaklah sentiasa berusaha mempertingkatkan lagi pengetahuan, kemahiran teknikal serta penampilan peribadi profesional mereka. Ini adalah penting kerana pengetahuan, kemahiran dan peribadi unggul mereka mestilah berkembang sejajar dengan pengalaman kerjaya Pensyarah tersebut. Perkembangan pengetahuan, kemahiran dalam bidang serta peribadi unggul adalah contoh ikutan kepada pelajar yang dibimbing.

Sebagai pensyarah yang pakar di dalam bidang, sudah pastinya perlu membitarakan diri dengan kemahiran generik atau lebih dikenali sebagai kemahiran

University of Malaya

umum. Kemahiran generik ini merupakan kemahiran umum yang perlu ada pada setiap individu atau penjawab untuk menjalankan tugas. Di dalam kajian ini telah membuktikan bahawa kebitaraan dalam kemahiran generik merupakan pemangkin kepada kelancaran pengajaran dan pemudahcaraan di dalam kelas mahupun bengkel teknikal. Pensyarah yang bitara dalam kemahiran komunikasi membolehkan proses pengajaran dan pemudahcaraan lebih berkesan dan memberi impak kepada perkembangan pembelajaran dan latihan pelajar. Mahir dalam komunikasi, konflik atau isu secara tidak langsung berjaya dikurangkan. Begitu juga dengan kemahiran bekerja dalam kumpulan atau kemahiran bekerja secara sepasukan. Beban tugas akan menjadi jauh lebih ringan sekiranya dirungkai bersama-sama mengikut agihan tugas, berbanding kerja berseorangan. Justeru akan meningkatkan kemahiran menyelesaikan masalah dan melakukan penambahbaikan. Dengan adanya kemahiran bekerja dalam kumpulan, maka keupayaan menghadapi risiko atas keputusan yang dibuat menjadi lebih tinggi.

Pensyarah Teknologi Pembinaan yang kompeten perlu bijak dalam kemahiran interpersonal, kerana dengan adanya hubungan yang baik, orientasi tugas dapat dilaksanakan dengan lebih lancar walaupun tugas yang dihadapi adalah getir. Untuk memantapkan lagi keupayaan Pensyarah Teknologi Pembinaan, mereka hendaklah secara berterusan mahir dalam pengurusan. Kemahiran pengurusan adalah merangkumi bagaimana mereka merancang, menjalankan, mengorganisasi serta mengawal sesuatu tugas.

University of Malaya

Transformasi PLTV bermatlamat untuk melahirkan pelajar yang berkemahiran keusahawan serta menceburkan diri dengan perniagaan sendiri setelah tamat pengajian dari Kolej Vokasional, maka kemahiran keusahawanan tersebut perlu tersemai dalam diri Pensyarah. Dalam era globalisasi kini, kemahiran keusahawanan ini adalah sangat relavan disamping banyak peluang mengaplikasikan kemahiran teknikal untuk menghasilkan sesuatu produk. Pensyarah Teknologi Pembinaan perlu cakna, meneroka serta sentiasa membimbing pelajar bagaimana sentiasa mengikuti penyampaian maklumat untuk merebut sesuatu peluang perniagaan. Malah selaku Pensyarah yang kompeten mereka berupaya melatih pelajar melakukan inovasi dalam Pembangunan dan Penyelidikan (*R&D*) sesuatu produk selain turut menerapkan nilai moral dalam keusahawanan.

Era globalisasi yang menjadikan jarak menjadi lebih dekat, maka ICT merupakan wahana yang relavan kepada Pensyarah Teknologi Pembinaan menggunakan *video conferencing* dalam pembelajaran ataupun menyemak bahan kerja kursus secara atas talian. Selain daripada berkebolehan mengakses internet mencari maklumat baharu berkeitan kursus yang diajar, komunikasi dua hala antara Pensyarah dan pelajar turut terus berlansung secara maya dengan mengamalkan pembelajaran atau perbincangan dalam laman sesawang.

Sebagai Pensyarah PLTV (TPKA) yang kompeten, sudah pastinya perlu sentiasa berterusan meningkatkan kemahiran teknikal mengikut bidang. Ini adalah kerana

University of Malaya

cabaran kemahiran teknikal secara praktikal adalah tinggi berbanding mahir secara teori. Berdasarkan keperluan kajian ini terdapat 27 sub dimensi yang membentuk dimensi kemahiran teknikal teknologi pembinaan. Dengan latihan serta bengkel yang diberikan Pensyarah perlu siapsiaga dan menguasai setiap sub dimensi kemahiran teknikal tersebut. Bersandarkan tahap kompetensi yang tinggi serta engan kredibiliti mantap Pensyarah, tugas melatih dan membimbing bimbingan pelajar yang mengikuti kursus akan menjadi lebih lancar dan berkesan.

Sebagai Pensyarah TPKA yang pakar, kemahiran pedagogi teknikal adalah antara perkara pokok yang perlu dititik beratkan. Pensyarah bertindak sebagai perancang untuk memastikan kesediaan dan persediaan yang rapi dalam melaksanakan Pembelajaran dan Pemudahcaraan (PdPc). Pensyarah cekap serta bijak menyediakan Rancangan Pelajaran Harian (RPH) yang mengandungi objektif yang boleh diukur dan aktiviti pembelajaranyang sesuai, menentukan kaedah pentaksiran serta menyediakan bahan bantu mengajar. Kesemua perancangan yang dibuat adalah mengikut pelbagai aras keupayaan pelajar, mengikut peruntukan masa yang ditetapkan dan dengan mematuhi ketetapan kurikulum atau arahan yang berkuat kuasa.

Sebagai seorang Pensyarah TPKA yang mahir, mereka berupaya mengawal proses pembelajaran secara profesional dan terancang. Kemahiran mengawal ini boleh dilakukan dengan Mengelola isi pelajaran dan peruntukan masa serta memberi peluang kepada penyertaan aktif pelajar dengan menepati objektif kursus secara berterusan

University of Malaya

dalam PdPc. Selain daripada itu Pensyarah bertindak sebagai pembimbing yang mahir, untuk membolehkan pelajar menguasai pengetahuan, kemahiran dan mengamalkan nilai berdasarkan objektif kursus. Dalam erti kata lain Pensyarah mahir membimbing pelajar secara profesional dan terancang, di samping memberi tunjuk ajar dalam menguasai pengisian kursus Teknologi Pembinaan dan mahir memandu pelajar membuat keputusan dan menyelesaikan masalah. Sebagai Pensyarah yang cekap, mereka mahir menggunakan sumber pendidikan serta menggabung jalin isi pelajaran dengan kemahiran lain mengikut keperluan dan keupayaan pelajar dengan betul, tepat, secara berhemah dan bersungguh-sungguh.

Sebagai Pensyarah TPKA yang pakar, mereka bertindak sebagai pendorong untuk meningkatkan motivasi dan kemahiran generik atau *soft skills* pelajar. Mereka mendorong minda pelajar dalam melaksanakan aktiviti pembelajaran dengan merangsang pelajar berkomunikasi, berkolaboratif dalam aktiviti pembelajaran, mengemukakan soalan yang menjurus ke arah pemikiran kritis dan kreatif, mewujudkan situasi yang menjurus ke arah membuat keputusan dan menyelesaikan masalah, mewujudkan peluang untuk pelajar memimpin, menggalakkan pelajar mengemukakan soalan berkaitan latihan kursus dan menggalakkan pelajar memperoleh pengetahuan serta kemahiran secara kendiri.

Pensyarah TPKA turut berperanan sebagai penilai untuk melakukan pentaksiran bagi mengesan tahap penguasaan pelajar terhadap kursus TPKA yang diikuti. Pensyarah

University of Malaya

melaksanakan penilaian secara sistematik dan terancang iaitu menggunakan pelbagai kaedah pentaksiran, menjalankan aktiviti pemulihan dan pengayaan, memberi tugasan, membuat refleksi serta menyemak hasil kerja pelajar samada di kelas, bengkel atau kerja lapangan berdasarkan objektif pelajaran, mengikut ketetapan pelaksanaan pentaksiran yang berkuat kuasa, secara menyeluruh dan berterusan.

implikasi terhadap polisi. Implikasi yang paling besar hasil dapatan ini adalah dari aspek pengurusan, perancangan dan dasar pendidikan. Kajian Reka Bentuk MSKPKVM ini berupaya menjadi panduan yang sangat bermanfaat kepada Kementerian Pendidikan Malaysia, Institusi PLTV yang bertanggungjawab untuk melatih bakal pensyarah PLTV mahupun pensyarah PLTV yang sedia ada di Kolej Vokasional. Sewajarnya pihak BPTV Kementerian Pendidikan Malayasia dan juga Institusi pengajian tinggi melihat Model Standard Kompetensi Pensyarah PLTV di dalam membentuk dan melatih Pensyarah PLTV Kolej Vokasional. Hasil kajian ini juga memberi *input* baharu secara empirik bagi menjana usaha baru dalam bidang pendidikan khususnya bidang PLTV dalam memberi latihan dan perlaksanaan program pembangunan profesional berterusan Pensyarah Teknologi Pembinaan hendaklah berlandaskan kepada pembentukan Pensyarah PLTV yang berkompetensi tinggi. Model Standard Kompetensi ini wajar dijadikan bahan rujukan utama kerana ia dapat menunjuk kaedah mereka bentuk Model Standard Kompetensi Pensyarah PLTV, Kolej Vokasional mengikut bidang, khususnya Teknologi Pembinaan.

